



BEBERAPA KALIMAH RINGKAS:

Iman dan amal adalah kunci pintu syurga

Kandungan

Pendahuluan 9

Kalimah Pertama 11

Kalimah ini menafsirkan satu rahsia lafaz ‘*Bismillahirrahmanirrahim*’, daripada kebanyakan rahsia yang penting dengan perumpamaan yang elok serta menunjukkan betapa bernilainya lafaz ‘*Bismillah*’ ini dan ia juga merupakan satu syiar Islam. Kalimah ini juga mengajarkan bahawa ucapan ‘*Bismillah*’ merupakan zikir seluruh makhluk yang ada mengikut bahasanya sendiri.

Kalimah Kedua 17

Kalimah ini menafsirkan satu rahsia penting bagi ayat-ayat mengenai keimanan dan pengertian Surah al-Baqarah, ayat 3 yang bermaksud “*Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib ...*” melalui perumpamaan yang mudah difahami.

Kalimah Ketiga 23

Kalimah ini menafsirkan pengertian Surah al-Baqarah, ayat 21 yang bermaksud “*Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu ...*” dan ayat-ayat yang berkaitan *ubudiyah* iaitu satu hakikat penting melalui perumpamaan yang rasional.

Kalimah Keempat 29

Kalimah ini menafsirkan satu rahsia yg penting daripada pengertian Surah an-Nisa, ayat 103 yang bermaksud

“*Sesungguhnya solat itu adalah kewajiban dan ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman*” dan ayat-ayat yang berkaitan dengan solat melalui perumpamaan yang mudah difahami dan rasional. Ia juga mendorong ketundukan bagi sesiapa yang mempunyai keinsafan walaupun sebutir zarah.

Kalimah Kelima

34

Kalimah ini menafsirkan pengertian Surah al-Nahl, ayat 128 yang bermaksud “*Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang berbuat kebaikan*” dan ayat-ayat yang berkaitan tentang *taqwa* dan *ubudiyah* serta menunjukkan satu rahsia yang penting bagi meyakinkan seluruh manusia.

Kalimah Keenam

40

Kalimah ini menggambarkan satu tafsiran serta rahsia pengertian Surah at-Taubah, ayat 111 yang bermaksud “*Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka.*” dan ayat-ayat yang berkaitan orang-orang yang berjuang pada jalan dakwah melalui perumpamaan yang jelas. Di samping itu orang-orang yang menjual nafsu dan harta mereka akan memperoleh keuntungan, faedah dalam bentuk lima darjat. Sebaliknya bagi orang-orang yang tidak berbuat demikian mereka akan mendapat kerugian dalam bentuk lima kerugian. Tambahan pula kalimah ini membuka satu pintu kepada hakikat tersebut.

Kalimah Ketujuh

51

Kalimah ini menafsirkan satu rahsia penting bagi pengertian ayat-ayat yang berkaitan “keimanan kepada Allah dan hari akhirat” dan kehidupan dunia melalui perumpamaan yang mudah difahami. Bagi orang-orang yang lalai, kehidupan ini adalah sesuatu yang amat dahsyat dan kematian atau ajal adalah lebih dahsyat lagi bagi mereka. Tambahan pula mereka menganggap betapa pedihnya keda’ifan dan

kefakiran dalam setiap sudut kehidupan dan ibadah. Manakala bagi orang-orang yang beriman, mereka menganggap betapa indahnyanya kehidupan dunia ini dari sudut batinnyahnya. Ini membuktikan bahawa kubur, ajal, kedaifan dan kefakiran merupakan satu-satunya wasilah kebahagiaan secara mutlak serta petunjuk jalan kepada kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kalimah Kelapan

62

Kalimah ini menafsirkan satu rahsia penting pengertian bagi ayat-ayat ini, “*Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam*” dan “*Allah tidak ada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia yang Hidup Kekal lagi terus-menerus mengurus (makhluKNya)*”. Kalimah ini menerangkan hakikat dunia dan peranan manusia di dunia dan peranan agama di sisi manusia melalui perumpamaan yang jelas dan terang. Di samping itu kalimah ini menunjukkan hakikat dunia dan hakikat roh manusia dalam dunia dan nilai agama di sisi insan. Tambahan pula ia membuktikan orang yang tidak beragama adalah malang. Kalimah ini juga merungkai misteri alam ini dan menunjukkan jalan untuk menyelamatkan roh manusia daripada kegelapan serta ia membuktikan melalui perumpamaan yang halus dan lembut bahawa orang fasik adalah malang dan berada dalam keadaan yang sangat dahsyat.

Kalimah Kesembilan

78

Kalimah ini menafsirkan rahsia yang sangat penting bagi pengertian Surah ar-Rum, ayat 17 dan 18 “*Maka bertasbihlah kepada Allah di waktu kamu berada di petang hari dan waktu kamu berada di waktu subuh, dan bagiNyalah segala puji di langit dan di bumi dan di waktu kamu berada pada petang hari dan diwaktu kamu berada di waktu Zuhur*” ... dan ayat-ayat yang berkaitan dengan solat lima waktu, di samping itu ia menjelaskan solat lima waktu yg sudah dimaklumi semua, hikmah keistimewaannya, keindahan dan keelokkannya.

Sehinggakan kalimah ini mendorong seseorang yang mempunyai kewarasan walaupun sebutir zarah supaya tunduk kepada hakikat yang terang dan menyeronokkan ini. Kalimah ini juga menjelaskan melalui satu gambaran yang kuat bahawa sebagaimana jasad manusia memerlukan udara, air dan makanan, maka roh manusia juga membutuhkan solat.

Kalimah Kedua Puluh Satu – Maqam Pertama 96

Kalimah ini menunjukkan betapa bernilai dan berfaedahnya sembahyang melalui satu jalan yang mudah, ia juga memberi satu dorongan, motivasi dan galakkan untuk bersolat bagi semua muslimin khususnya bagi mereka yang malas melakukannya.

Kalimah Kedua Puluh Satu – Maqam Kedua 110

Kalimah ini mematkan bisikan penting yang selalu digunakan oleh syaitan. Ia juga menghuraikan penawar-penawar yang berkesan bagi lima jenis kecederaan hati orang-orang yang beriman yang dibisikkan oleh syaitan.

Penutup Kalimah Keempat Belas 125

Kalimah ini adalah pengajaran dan tamparan kuat terhadap kepala kelalaian. Pada akhir kalimah ini terdapat satu amaran keras yang berkesan kepada *nafsu al-ammarah*. Barangsiapa yang taat dan patuh kepada hawa nafsunya jika dia membaca dan menerima kalimah ini, dengan izin Allah dia akan dapat menyelamatkan dirinya daripada menghambakan *nafsu al-ammarah*.

Rahsia Ibadat 131

Dalam risalah ini Ustaz Nursi menerangkan bahawa ibadat meneguhkan akidah serta asbab bagi kebahagiaan di dunia dan akhirat, ia juga menyebabkan kehidupan dunia dan akhirat menjadi tersusun dan menjadi sebab kepada kesempurnaan sama ada yang berbentuk peribadi atau kemasyarakatan. Ibadat juga merupakan satu hubungan mulia yang tinggi di antara seseorang hamba dengan Penciptanya.

Pendahuluan



وبه نستعين

Dengan Nama Allah Yang Maha Mengasihani Lagi Maha Penyayang. Hanya denganNya, kami memohon pertolongan.

Segala pujian adalah bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam terhadap penghulu kami, Muhammad, serta seluruh keluarga dan sahabat baginda.

Wahai saudara!

Engkau telah meminta daripadaku beberapa nasihat. Maka di sini saya memperturunkan *beberapa hakikat* di antara *lapan hikayat* yang pendek. Dengarkanlah ia bersama diriku yang saya rasa lebih memerlukan kepada nasihat tersebut. Oleh sebab anda seorang tentera, maka saya akan memberikannya dalam bentuk perumpamaan ketenteraan. Saya pernah menunjukan nasihat-nasihat ini kepada diri saya sendiri secara panjang lebar, melalui *lapan kalimah* yang saya perolehi *daripada lapan ayat al-Quran*. Sekarang saya hanya

menyebutkannya secara ringkas sahaja dan menggunakan bahasa awam. Sesiapa yang berminat, maka dengarlah kalimah ini bersama saya.



Kalimah Pertama

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Dengan Nama Allah Yang Maha Mengasihani Lagi
Maha Penyayang*

Lafaz Bismillah – Dengan nama Allah – adalah induk bagi segala kebaikan, permulaan bagi setiap urusan. Kita juga harus memulakan setiap perkara dengan bismillah. Wahai jiwaku, ketahuilah sesungguhnya kalimah yang indah dan berkat ini, di samping menjadi syiar Islam, ia juga merupakan zikir seluruh makhluk yang ada mengikut bahasanya sendiri. Andainya engkau mahu mengetahui sejauhmana kandungan *ucapan Bismillah* yang mempunyai kekuatan agung yang tidak pernah luput dan betapa luas keberkatannya yang tidak pernah berakhir, maka dengarlah wahai diri akan hikayat perumpamaan yang ringkas ini.

Sesungguhnya seorang badwi yang berkelana (bermusafir) di padang pasir, tentunya berlindung dengan ketua kabilah, bernaung di bawah naungannya agar terselamat daripada segala kejahatan musuh, agar terlaksana segala tugasnya serta memperolehi segala keperluannya. Sekiranya tidak, maka ia akan kekal keseorangan, terpinga-pinga dan tercengang-cengang di hadapan musuh yang terlalu ramai dan

keperluannya yang tidak terbatas.

Begini ... kebetulan dua orang hamba Allah keluar berkelana. Salah seorang daripada mereka bersifat tawadhu' dan seorang lagi pula terpedaya dengan diri sendiri. Maka yang tawadhu' itu bernaung kepada ketua, manakala yang terpedaya tadi menolak dari menerima sebarang naungan. Maka berkelanalah kedua-duanya itu di padang pasir.

Hamba Allah yang bernaung tadi setiap kali mendiami sebuah khemah dia menerima penghormatan dan penghargaan disebabkan kemuliaan nama ketua tersebut. Apabila berjumpa perompak, dia akan berkata; "*Sesungguhnya aku berkelana di bawah naungan ketua itu*", lalu si perompak tadi akan melepaskannya.

Yang terpedaya pula, dia bertembung dengan pelbagai musibah dan kecelakaan yang bukan kepalang. Di sepanjang perjalanan dia sentiasa berada dalam keadaan cemas, takut dan terpinga-pinga. Lalu dia mengutuk dan mengeji dirinya sendiri.

Wahai diri yang tertipu, ketahuilah, engkau merupakan si badwi yang berkelana itu, dan dunia yang luas inilah padang pasirnya. Sesungguhnya kefakiran dan kedaifanmu tidak terbatas sebagaimana musuh dan kehendakmu juga tidak berkesudahan. Oleh yang demikian, maka bernaunglah dengan nama Pemilik dan Penguasa sebenar padang pasir tersebut, agar engkau terselamat daripada kelihatan terpinga-pinga di depan alam ini dan daripada kejinya perasaan takut bila berhadapan dengan musibah.

Ya! Sesungguhnya kalimah suci *Bismillah* umpama khazanah besar yang tidak akan pernah berkurangan isinya kerana dengan kalimah inilah kedaifanmu itu akan

bergantung kepada rahmat yang maha luas bahkan terlebih luas daripada alam ini dan dengannya juga, kefakiranmu akan bergantung kepada kuasa yang amat hebat yang mentadbir kewujudan ini bermula daripada atom sehinggalah kepada cakerawala. Sehingga akhirnya, kedaifan dan kefakiranmu itu akan menjadi syafaat di sisi yang Maha Berkuasa, Maha Penayang, Pemilik bagi segala kemuliaan.

Sesungguhnya yang bergerak dan yang diam, yang berpagi dan berpetang, yang mengungkapkan *kalimah Bismillah* adalah seumpama orang yang terlibat dalam ketenteraan. Ia berurusan atas nama negara dan tidak gentar kepada sesiapapun. Ia berucap atas nama undang-undang dan negara, maka terlaksanalah segala urusannya dan tetaplah pendiriannya dalam menghadapi semua perkara.

Kita telah menyebut pada permulaan tadi bahawa semua makhluk ini berzikir dengan bahasanya yang tersendiri iaitu dengan menyebut *kalimah Bismillah ...* Adakah ini benar?

Ya! Sebagaimana engkau melihat seorang lelaki yang mengepalai orang ramai dalam satu perbarisan dan memerintahkan mereka supaya melakukan pelbagai jenis urusan, maka sesungguhnya engkau pasti bahawa lelaki ini bukan mewakili dirinya sendiri dan tidak pula mengepalai orang ramai atas nama dan kekuatan dirinya sendiri, tetapi dia sebenarnya adalah seorang askar yang bertindak atas nama negara dan berdasarkan kuasa pemerintah.

Seluruh makhluk ini juga menunaikan tanggungjawabnya dengan *lafaz Bismillah*, maka benih-benih yang teramat kecil itu, dengan *lafaz Bismillah*, ia menjunjung di atas kepalanya pohonan yang besar dan bebanan yang berat. Setiap pohonan ini pula berkata *Bismillah*, lalu penuhlah

dedaahnya dengan buah-buahan daripada gedung rahmat Allah, lalu dipersembahkannya rahmat tersebut kepada kita. Setiap taman berkata *Bismillah*, lalu ia seolah-olah menjadi sebuah dapur kepada kekuasaan Allah s.w.t. yang tersedia di dalamnya makanan yang lazat ... dan setiap haiwan yang mempunyai faedah dan manfaat seperti unta, kambing dan lembu pula berkata bismillah, lalu ia menjadi seolah-olah sebuah sumur yang memancarkan susu-susu yang teramat lazat, lalu dipersembahkannya kepada kita sebaik-baik dan sebersih-bersih bahan makanan di atas nama *al-Razzaq*. Dan akar-akar tumbuhan serta rumput-rumpai mengucapkan bismillah, lalu memecahkan bebatu yang keras dengan *Bismillah* dan menembuskannya dengan akar-akar yang menjalar lembut bagai sutera itu, lalu menundukkan setiap kesusahan dan setiap benda yang keras di hadapannya dengan *Bismillah* dan dengan *Bismirrahman*.

Ya! Sesungguhnya dedahan pohon yang merimbun, menggendong buah-buahan dan menjalarkan akar-akarnya ke batu yang keras dan ia menyimpan bahan makanan dalam kegelapan tanah ... begitu juga dedaunan hijau yang menanggung kepanasan serta bahangnya itu, lalu dapat terus kekal dalam keadaan segar. Semua itu dan yang lain daripada itu juga merupakan satu tamparan hebat terhadap mulut golongan kebendaan yang menjadi penyembah kepada 'sebab' dan ia juga seolah-olah suatu herdikan ke muka mereka. Sesungguhnya bahan-bahan yang kamu banggakan disebabkan kekerasan dan kepanasannya juga tidak mampu memberi kesan dengan sendiri, bahkan kedua-duanya itu dapat menjalankan tugasnya atas arahan pemerintah yang satu, yang menjadikan akar-akar yang lembut dan halus ini seolah-olah tongkat Nabi Musa a.s. yang dapat memecahkan

batu dan tunduk kepada perintah:

فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ

“Lalu Kami berfirman: “Pukullah batu itu dengan tongkat mu.”

al-Baqarah, 60

Dan yang menjadikan dedaunan yang lembut dan segar seolah-olah anggota badan Nabi Ibrahim a.s. yang ketika menghadapi kepanasan membaca:

يَا نَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا

“...wahai api jadikanlah diri kamu sejuk dan selamat ke atas Ibrahim.”

al-Anbiya’: 69

Selagi setiap kewujudan di alam ini mengungkapkan dengan makna *Bismillah* dan mengundang nikmat-nikmat Allah dengan *Bismillah*, lalu dipersembhkannya kepada kita, maka wajarlah kita juga untuk engungkapkan *ucapan Bismillah*, dan apabila memberi dan mengambil sesuatu dengan *Bismillah* jua. Wajib juga bagi kita menolak pertolongan daripada golongan yang lalai yang tidak memberi sesuatu dengan *Bismillah*

Persoalan; Kita menyatakan rasa hormat, rasa kagum kita kepada mereka yang menjadi sebab kepada nikmat yang kita perolehi. Dan apakah yang Allah mahukan daripada kita, sedangkan Dialah Pemilik dan Penguasa kepada semua nikmat itu?

Jawapan; Sesungguhnya Pemberi nikmat yang hakiki meminta kita tiga perkara sebagai bayaran

kepada nikmat-nikmatNya yang tidak ternilai itu
iaitu *zikir, syukur dan fikir*.

Maka *Bismillah* pada permulaan adalah *zikir*,

Alhamdulillah sebagai penyudah adalah *syukur*

dan *keadaan di antara keduanya* – *zikir dan syukur* –
adalah *fikir* iaitu dengan memerhatikan nikmat-nikmat yang
indah tersebut serta menyedari bahawa ia merupakan
mukjizat bagi kekuasaan Dia Yang Esa, yang menjadi tempat
berserah dan juga menyedari itu semua adalah hadiah bagi
sifat rahmatNya yang maha luas, maka pemerhatian inilah
yang dipanggil fikir.

Tetapi ... tidakkah mereka yang sanggup mencium kaki
tentera yang menjadi khadam yang menyampaikan hadiah
daripada seorang penguasa, telah melakukan kebodohan yang
amat dahsyat dan kedunguan yang amat keji. Oleh itu,
bagaimana pula dengan mereka yang memuji ‘sebab’ yang
berbentuk kebendaan yang membawa kepada nikmat, lalu
menyerahkan kepada ‘sebab’ tersebut kasih sayang dan
ketundukan tanpa mengkhususkan kedua-duanya kepada
pemberi nikmat yang sebenar. Tidakkah mereka ini telah
melakukan kebodohan seribu kali lebih teruk daripada contoh
tadi?.

Wahai diri, andainya engkau tidak mahu dimasukkan ke
dalam golongan yang bodoh tadi, maka berikanlah dengan
Bismillah ... ambillah dengan *Bismillah* ... mulakanlah
dengan *Bismillah* ... dan bekerjalah dengan *Bismillah* ...
Wassalam.



Kalimah Kedua

Pandangan mukmin dan kafir terhadap dunia

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ

“... Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib.”

al-Baqarah, 3

Jika anda ingin mengetahui betapa kebahagiaan, kenikmatan kelazatan dan kerehatan yang terdapat di dalam keimanan, maka dengarlah cerita yang pendek ini:

Pada suatu hari, dua orang hamba Allah keluar berjalan untuk mengembara sambil berniaga. Salah seorang daripada mereka tersangat ego dan celaka berjalan menuju ke suatu arah. Manakala yang seorang lagi taat dan bahagia di jalan Allah sedang menuju ke suatu arah yang lain.

Adapun lelaki pertama¹, yang berpendirian pesimis menemui sebuah negeri yang amat buruk dan teruk pada pandangannya, selaras dengan pendiriannya yang pesimis itu. Ke arah mana sahaja yang ditujunya, dia hanya nampak orang-orang lemah dan miskin yang menjerit dan melolong akibat dipukul oleh beberapa orang lelaki yang jahat dan

¹ Yang bersifat ego.

keras, juga disebabkan perbuatan mereka yang memusnahkan. Dia melihat suasana yang menyedihkan ini di semua tempat yang dilawatinya, sehingga seluruh negeri tersebut pada pandangannya adalah sebuah tempat perkabungan yang besar. Dia berpendapat segala kesakitan dan kesedihan yang dihadapi itu hanya boleh dihindari dengan cara menghilangkan ingatan. Lalu dia memilih untuk mabuk supaya dia tidak merasakan keadaan dirinya sendiri. Kerana semua penduduk di dalam negeri tersebut pada pandangannya telah menjadi musuh yang sentiasa mengintai-ngintai peluang untuk memusnahkannya dan orang asing yang sentiasa berpura-pura di hadapannya. Oleh itu, dia sentiasa berada dalam azab rohani yang menyakitkan kerana melihat mayat-mayat menggerunkan dan anak-anak yatim yang menangis dengan tangisan yang menyayat hati sekelilingnya.

Manakala lelaki kedua pula adalah seorang hamba Allah yang soleh dan sentiasa mencari kebenaran. Dia juga memiliki akhlak yang baik. Dalam perjalanannya itu, dia menemui sebuah kerajaan yang baik yang pada pandangannya adalah sebuah negeri yang amat indah dan menawan.

Lelaki yang baik ini melihat dalam negeri tersebut pelbagai perayaan dan pesta yang indah sentiasa diadakan. Setiap inci dan sudut buminya dipenuhi dengan kegembiraan dan keriangian. Pada setiap tempat terdapat mihrab untuk berzikir. Setiap penduduk negeri ini menjadi teman yang amat rapat dan amat dikasihinya. Kemudian dia juga melihat seluruh negeri tersebut mengisytiharkan pengumuman pengecualian daripada tugas yang mendapat sambutan laungan kegembiraan yang disertai dengan kata-kata kesyukuran dan pujian. Dia juga mendengar daripada

kalangan mereka nyanyian lagu-lagu semangat dan patriotik yang dimainkan oleh orkestra, disertai dengan laungan takbir dan tahlil yang penuh bersemangat kerana perasaan gembira dan bangga terhadap mereka yang dimasukkan ke dalam khidmat ketenteraan.

Ketika lelaki pertama yang pesimis itu sibuk dengan kesakitan dan penderitaan manusia seluruhnya, lelaki kedua yang bahagia dan optimis itu pula berada dalam keadaan gembira dan bahagia bersama-sama dengan kegembiraan dan kebahagiaan orang lain. Di samping itu, dia juga mendapat keuntungan yang diberkati daripada perniagaan yang dijalankan, lalu dia bersyukur kepada Tuhannya.

Apabila lelaki kedua itu pulang semula ke negeri asalnya dan bertemu ahli keluarganya, di sana dia bertemu dengan lelaki pertama. Lelaki kedua bertanya tentang khabarnya, lalu lelaki pertama menceritakan segalanya. Mendengarkan ceritanya, lelaki kedua berkata:

“Alangkah gilanya kamu! Sesungguhnya kejahatan yang ada di dalam batinmu engkau telah tercerna keluar kepada zahirmu, sehingga kamu menyangka setiap senyuman merupakan jeritan dan air mata serta setiap perlepasan dan percutian sebagai perampasan dan perompakan. Kembalilah kepada kewarasan dan sucikanlah hatimu ... Semoga selaput keras yang menutupi terpelanting daripada kedua kelopak mata engkau ... dan semoga engkau dapat melihat hakikat berdasarkan wajahnya yang sebenar. Sesungguhnya pemilik kerajaan ini berada pada tingkat keadilan, kerahmatan, ketuhanan, kekuasaan, penyusunan dan kelembutan yang tertinggi ... Sesungguhnya kerajaan yang berada

pada tingkat kemajuan dan ketinggian tersebut yang kesan-kesannya dapat kamu lihat dengan nyata, sudah pasti tidak mungkin sama dengan gambaran yang digambarkan oleh sangkaanmu itu.”

Setelah mendengarkan kata-kata kawannya itu, lelaki yang malang itu mula berfikir dan kembali kepada kebenaran sedikit demi sedikit. Dia berfikir menggunakan akalnyanya dan berkata dengan penuh penyesalan:

“Ya. Memang aku gila kerana terlalu banyak melakukan perkara bodoh dan sia-sia ... Semoga Allah meredaimu. Kamu telah menyelamatkanmu daripada neraka kecelakaan.”

Wahai diri!

Ketahuiilah bahawa lelaki pertama itu adalah orang kafir atau fasiq yang alpa. Dunia ini pada pandangannya hanyalah sebuah rumah besar untuk meratap dan merintih. Semua hidupan di atasnya adalah anak yatim yang menangis kerana terkena pukulan dan tamparan kehilangan insan tersayang.

Manusia dan binatang hanyalah makhluk terbiar tanpa penjaga dan pemilik serta akan menghadapi kemusnahan sebaik sahaja ajal tiba.

Benda-benda wujud yang besar seperti gunung dan lautan pula adalah sama seperti mayat yang sudah reput dan keranda yang menakutkan.

Sangkaan dahsyat dan menyakitkan seumpama ini yang lahir daripada kekufuran dan kesesatan manusia akan menyebabkan dia berada dalam keadaan azab kejiwaan yang amat pahit.

Manakala lelaki kedua pula adalah seorang mukmin yang mengenali dan benar-benar beriman dengan tuhanNya. Dunia pada pandangannya adalah sebuah tempat zikir kepada Allah s.w.t. Ia juga adalah tempat belajar dan medan mendapat ujian dan dugaan bagi manusia dan binatang. Dunia juga adalah medan ujian dan dugaan bagi manusia dan jin.

Segala kematian yang berlaku sama ada kepada manusia dan binatang merupakan perlepasan daripada jawatan dan penamatan perkhidmatan. Mereka yang telah menamatkan tugas-tugas kehidupan meninggalkan dunia yang fana' ini dalam keadaan gembira secara maknawi, kerana mereka sebenarnya berpindah ke sebuah alam yang tidak mempunyai kebimbangan, bebas daripada kekotoran kebendaan dan segala jenis penyakit yang berlaku setiap masa dan di setiap tempat. Alam ini juga bebas dari sebarang ketakutan terhadap segala bentuk kesusahan dan kesulitan. Perpindahan mereka adalah bertujuan untuk memberi ruang seluas-luasnya kepada petugas-petugas baru yang datang melaksanakan tugas mereka.

Manakala segala kelahiran yang berlaku sama ada di kalangan manusia dan binatang merupakan proses kaderisasi ketenteraan, penerimaan senjata serta tanggungjawab. Setiap makhluk merupakan pegawai dan tentera yang gembira, menurut perintah, jujur, redha dan berpuas hati.

Suara-suara yang kedengaran dan bergema yang terpantul di seluruh dunia pula merupakan zikir dan tasbih yang diucapkan ketika menerima tugas dan permulaan melaksanakannya. Atau ia adalah lafaz kesyukuran dan tahlil yang diucapkan sesudah sesuatu tugas selesai dilaksanakan. Atau ia adalah melodi yang lahir hasil daripada kecintaan dan kegembiraan terhadap tugas yang dilaksanakan.

Segala makhluk yang wujud pada pandangan si mukmin ini adalah khadam (orang suruhan) yang menggembirakan, para pegawai yang menjadi rakan karib dan bahan bacaan yang menyeronokkan bagi tuannya yang Maha Mulia lagi Maha Mengasihani. Demikianlah bagaimana keimanan yang dimilikinya menampilkan pelbagai hakikat seumpama yang telah disebutkan. Ia juga amat seni, tinggi, lazat dan mendalam.

Oleh itu, iman memang mengandungi satu biji benih maknawi yang terbelah daripada '*Pohon Tuba*' yang kedapatan di syurga.

Manakala kekufuran pula menyembunyikan bijian maknawi yang telah diludah oleh '*Pohon Zaqqum*' di neraka jahannam.

Oleh itu, keselamatan dan keamanan hanya terdapat di dalam Islam dan iman.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengulangi:

الحمد لله على دين الاسلام وكمال الايمان

“Segala pujian terhadap nikmat agama Islam dan kesempurnaan iman”.



Kalimah Ketiga

Ibadat itu ketenangan dan kefasikan adalah celaka

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا

“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah ...”

al-Baqarah: 21

Jika anda ingin memahami bagaimana ibadat adalah sebuah perniagaan yang besar dan kebahagiaan yang agung, sebagaimana *kefasikan dan kemaksiatan* adalah kerugian yang besar dan kemusnahan yang pasti, maka lihat dan dengarlah hikayat ini:

Pada suatu hari, dua orang tentera menerima satu arahan untuk pergi ke sebuah bandar yang jauh. Lalu kedua-duanya pun bermusafir bersama-sama hingga akhirnya mereka tiba di sebuah persimpangan jalan. Di persimpangan jalan tersebut, mereka terjumpa seorang lelaki yang berkata kepada mereka:

Jalan di sebelah kanan ini, di samping tidak terdapat kesulitan, orang yang melaluinya juga akan memperoleh kerehatan, ketenangan dan keuntungan dengan kadar sembilan persepuluh. Manakala jalan di sebelah kiri pula, di samping ia tidak memberikan sebarang manfaat kepada orang yang melaluinya, ia juga akan memudaratkan mereka dengan kadar sembilan persepuluh juga. Perlu dinyatakan, jarak

kedua-dua jalan adalah sama. Perbezaannya hanya terdapat pada satu perkara sahaja, iaitu orang yang melalui jalan di sebelah kiri tidak perlu mematuhi sebarang undang-undang kerajaan. Dia juga boleh melaluinya tanpa perlu membawa sebarang peralatan dan senjata. Oleh itu, dia boleh melaluinya dengan mudah dan memperoleh kerehatan yang disangkakan pada pandangan zahirnya. Manakala orang yang melalui jalan di sebelah kanan pula yang mengikut peraturan ketenteraan, terpaksa memikul sebuah beg yang besar lengkap dengan bekalan makanan seberat lima kilogram dan sepucuk senjata kerajaan seberat hampir sepuluh kilogram yang dengannya dia boleh mengalahkan setiap musuh yang mendatang.

Setelah mendengar penerangan yang diberikan penunjuk jalan itu, tentera yang bernasib baik dan bahagia mengambil jalan sebelah kanan. Dia terus berjalan sambil memikul bebanan seberat hampir sepuluh kilogram di atas belakang dan bahunya, namun hati dan jiwanya terselamat daripada ribuan paun bebanan ungkitan dan kebimbangan.

Manakala tentera yang keras hati dan tidak bernasib baik yang mengutamakan untuk tidak terikat dengan peraturan ketenteraan, serta tidak mahu menurut peraturan dan memberikan komitmen, mengambil jalan sebelah kiri. Meskipun badannya terselamat daripada bebanan, tetapi hatinya kepenatan kerana menanggung ribuan kilogram kekesaalan dan kata-kata yang menyakitkan hati. Rohnya pula terbenam di bawah kebimbangan yang tidak berpenghujung. Oleh itu, dia berjalan dalam keadaan meminta-minta daripada setiap orang yang ditemuinya. Dia berada dalam keadaan takut dan gentar terhadap segala sesuatu, bimbang terhadap segala kejadian. Setelah tiba ke tempat yang dituju, dia pula dihukum dan menerima balasan

hasil daripada ketidakpatuhannya dan keengganannya daripada mengikut peraturan yang ditetapkan.

Manakala tentera yang melalui jalan sebelah kanan, iaitu tentera yang patuh kepada peraturan ketenteraan dan sentiasa menjaga beg dan senjatanya, dia dapat berjalan dalam keadaan hatinya dipenuhi kerehatan dan perasaannya dipenuhi ketenangan, tanpa berpaling ke kiri atau ke kanan untuk meminta-minta daripada sesiapa, atau merasa tamak terhadap apa yang ada pada orang lain, atau takutkan kepada sesiapa.. Apabila dia tiba ke bandar yang dituju, dia menerima ganjaran selayaknya sebagaimana anggota tentera lain yang berjaya melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya.

Wahai jiwa yang cuai dan lalai!

Ketahuilah bahawa dua orang yang bermusafir itu, salah seorang daripada mereka menggambarkan golongan yang tunduk dan patuh kepada undang-undang Ilahi, manakala yang seorang lagi menggambarkan golongan menderhaka yang menuruti hawa nafsu.

Manakala jalan tersebut adalah jalan kehidupan yang datang daripada alam roh, kemudian melalui kubur, seterusnya menuju ke alam akhirat.

Manakala beg dan senjata yang dibawa adalah ibadat dan taqwa. Meskipun ibadat kelihatan membebankan pada zahirnya, tetapi pada hakikatnya ia adalah kerehatan dan keringanan yang amat besar sehingga tidak dapat digambarkan. Ini kerana seseorang yang melakukan ibadat berkata di dalam sembahyangnya:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Tiada tuhan melainkan Allah, iaitu tiada pencipta dan pemberi rezeki melainkan Dia; segala manfaat dan kemudharatan hanya datang daripadanya; Dia adalah Tuhan yang Maha Bijaksana dan tidak melakukan sesuatu secara sia-sia. Dialah Tuhan yang Maha Mengasihani, luas kerahmatan dan ihsanNya”.

Seseorang mukmin percaya dan yakin dengan apa yang diucapkannya. Oleh itu, pada setiap perkara, dia mendapati satu pintu yang terbuka yang membawanya kepada khazanah rahmat Ilahi. Lalu dia mengetuk pintu tersebut dengan doa. Dia melihat segala sesuatu boleh dipergunakan bagi memenuhi arahan Tuhannya, lalu dia berlindung kepada Tuhannya dengan *bertadharru'* kepadanya semata-mata. Dia bertahan dan berbenteng daripada setiap musibah yang menimpa bersandarkan kepada tawakkal. Lalu keimanan yang dimilikinya mengurniakan keamanan dan ketenangan yang sempurna kepadanya.

Ya! Sesungguhnya sumber keberanian sama seperti sumber segala sifat baik yang lain, iaitu iman dan *'ubudiyyah* (perhambaan). Manakala sumber ketakutan sama seperti segala sifat buruk yang lain adalah kesesatan dan kebodohan.

Jika glob bumi ini pecah dan meletup sekalipun, mungkin ia tidak menakutkan seorang hamba Allah yang mempunyai hati yang bercahaya. Bahkan mungkin dia melihat kepada kejadian tersebut sebagai salah satu perkara ajaib yang dilakukan oleh kudrat Ilahi, lalu dia melihatnya dengan penuh kekaguman dan kenikmatan. Sedangkan seorang fasiq yang mempunyai hati yang mati – meskipun dia adalah seorang ahli falsafah yang dianggap mempunyai akal yang tajam – jika melihat sebuah komet di angkasa, dia akan

diselubungi perasaan takut, gementar dan tertanya-tanya dalam keadaan penuh kebimbangan: Adakah komet ini akan berlanggar dengan bumi? lalu dia terjerumus ke lembah kemurungan. Pada suatu masa, rakyat Amerika pernah mengalami perasaan takut kerana sebuah komet kelihatan di langit, lalu ramai di kalangan mereka meninggalkan rumah masing-masing di tengah kegelapan malam.

Ya! Sekalipun keperluan manusia tidak terbatas, tetapi modalnya boleh dikatakan tiada langsung. Sekalipun dia terdedah kepada musibah yang tidak terbatas, kemampuannya untuk menghadapinya juga boleh dikatakan tiada langsung. Ini kerana modal dan kemampuannya hanya terbatas setakat kawasan yang boleh dicapai oleh tangannya sahaja, sedangkan angan-angan, keinginan, kesakitan dan bala bencana yang dihadapinya adalah seluas pandangan mata dan khayalan.

Alangkah perlunya roh manusia yang lemah, daif dan miskin ini kepada hakikat ibadat, tawakkal, tauhid dan penyerahan diri yang sebenar! Alangkah besarnya keuntungan, kebahagiaan dan kenikmatan yang diperolehi daripadanya! Sesiapa yang umumnya tidak buta pasti dapat melihat dan memahaminya. Ini kerana memang dimaklumi, jalan yang tidak memudaratkan pasti akan lebih diutamakan daripada jalan yang memudaratkan, meskipun hanya terdapat satu persepuluh kemungkinan untuk mendapat manfaat daripada jalan tersebut. Perlu diketahui dalam perbincangan kita ini, jalan ibadat, di samping ia tidak mengundang sebarang kemudaratkan dan kemungkinan manfaat yang diperolehi adalah sembilan persepuluh, ia juga mengurniakan khazanah kebahagiaan abadi kepada kita. Manakala jalan kefasikan dan kemaksiatan, sebagaimana diakui oleh orang

fasik sendiri, di samping ia adalah jalan yang tidak mengandungi sebarang manfaat, ia juga menjadi sebab kecelakaan dan kemusnahan abadi. Keyakinan terhadap kerugian dan ketiadaan kebaikan pada jalan tersebut mencapai kadar sembilan persepuluh juga. Perkara ini dibuktikan melalui penyaksian mereka yang telah mengalaminya secara mutawatir dan ijmak. Ia juga adalah keyakinan pasti sebagaimana dinyatakan oleh golongan yang mempunyai *dhauq* dan *kashaf*.

Kesimpulan yang diperolehi daripada perbincangan kita ini ialah:

Memperoleh kebahagiaan dunia sama seperti memperoleh kebahagiaan akhirat, ia terletak dalam ibadat dan ketaatan yang penuh disiplin dan ikhlas kepada Allah semata-mata.

Oleh itu, marilah sama-sama mengungkan berulang kali:

الحمد لله على الطاعة والتوفيق

“Segala puji bagi Allah di atas ketaatan dan taufiq.”

Kita juga wajib untuk bersyukur kepadaNya kerana menjadikan kita di kalangan orang Islam.



Kalimah Keempat

Sembahyang adalah tiang agama

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ

Jika anda ingin mengetahui kepentingan dan nilai sembahyang, dan betapa ia amat mudah untuk dilaksanakan dan dicapai, dan bahawa sesiapa yang tidak mendirikan dan tidak menunaikan hak sembahyang itu adalah seorang yang bodoh dan rugi ... Ya, jika anda ingin mengetahui tentang kesemuanya itu dengan penuh keyakinan, sebagaimana keyakinan anda terhadap hasil dua darab dua ialah empat, maka perhatikanlah hikayat ringkas berikut:

Pada suatu hari, seorang raja yang bijaksana telah menghantar dua orang khadamnya menuju ke sebuah ladangnya yang indah. Sebelum berangkat, kedua-dua khadamnya itu diberikan wang sebanyak 24 dinar, agar kedua-duanya dapat tiba ke ladang tersebut yang mempunyai jarak sejauh dua bulan perjalanan. Si raja memerintahkan kedua-dua khadamnya agar membelanjakan wang tersebut untuk harga tiket dan keperluan perjalanan yang lain. Manakala sebahagiannya hendaklah disimpan bagi keperluan perbelanjaan dan tempat tinggal di sana. Terdapat sebuah stesen perhentian bagi para musafir sejauh sehari perjalanan. Di situ terdapat segala jenis kenderaan pengangkutan seperti

kereta, kapal terbang, kapal laut dan keretapi ... Setiap satunya mempunyai harga tiket yang berlainan.

Kedua-dua khadam tersebut keluar selepas menerima arahan daripada si raja. Salah seorang daripada mereka adalah seorang yang bernasib baik dan bahagia, kerana dia hanya membelanjakan sedikit sahaja daripada wang yang diterimanya sebaik sahaja tiba di stesyen tersebut. Dia membelanjakan wang tersebut dalam perniagaan yang mendatangkan keuntungan dan menjadikan si raja merasa bangga dengannya. Dengan itu, modalnya bertambah daripada satu kepada seribu.

Manakala khadam yang kedua, sebaik sahaja sampai ke stesen tersebut, oleh kerana nasibnya tidak baik dan lantaran kebodohnya, dia telah membelanjakan sebanyak 23 dinar yang ada padanya untuk hiburan dan perjudian. Ini bermakna dia telah membelanjakan kesemua wang yang ada padanya pada perkara yang sia-sia, kecuali yang tinggal hanya satu dinar sahaja lagi.

Sahabatnya, iaitu khadam yang pertama berkata kepadanya untuk menasihatinya:

“Wahai sahabatku! Belilah tiket untuk engkau bermusafir dengan satu dinar yang masih ada. Janganlah kamu mensia-siakannya juga. Tuanmu adalah seorang yang pemurah dan pengasih. Mungkin baginda akan memberikan rahmat dan keampunanNya kepadamu terhadap kecuaiannya yang telah kamu lakukan, lalu kamu dibenarkan menaiki kapalterbang dan kita akan sampai ke tempat tujuan kita pada hari yang sama. Tetapi jika kamu tidak melakukan apa yang aku sarankan ini, maka

kamu akan terpaksa menyambung perjalanan yang sejauh dua bulan ini di padang pasir yang kering kontang dengan berjalan kaki. Ketika itu, kelaparan akan menerkam kamu, keseorangan akan mencengkam kamu dalam perjalanan yang panjang ini.”

Perhatikanlah, jika khadam itu tetap berdegil lalu membelanjakan satu dinar yang masih ada di tangannya demi untuk memenuhi syahwatnya yang sementara dan menelampiasikan keinginan untuk memperoleh kelazatan yang sedikit, bukan menggunakannya untuk membeli tiket perjalanan yang merupakan kunci kepada khazanah yang luas, maka bukankah itu bermakna bahawa dia adalah seorang yang benar-benar celaka, rugi, bodoh dan tolol ...? Bukankah pada ketika itu dia adalah seorang manusia yang paling dungu?

Wahai orang yang tidak menunaikan sembahyang!

Wahai jiwaku yang merasa sempit dengannya!

Sesungguhnya raja atau tuan yang dimaksudkan di dalam kisah di atas adalah Tuhan kita yang telah menciptakan kita.

Manakala dua orang khadam yang bermusafir itu pula, salah seorang daripada mereka adalah seorang yang kuat dan taat beragama mendirikan sembahyang dengan penuh kerinduan dan mengerjakannya dengan sebenar-benarnya. Manakala khadam yang kedua pula adalah seorang yang lalai dan meninggalkan sembahyang..

Manakala wang yang berjumlah 24 dinar itu pula adalah 24 jam bagi setiap hari umur manusia.

Ladang yang indah itu pula adalah syurga.

Manakala stesen perhentian itu pula adalah kubur.

Manakala perjalanan dan pemusafiran yang panjang itu pula adalah perjalanan manusia yang menuju ke arah kubur dan berjalan menuju kebangkitan semula. Dia akan bertolak ke negeri yang kekal abadi. Mereka yang melalui jalan ini, akan melaluinya dalam darjat yang berbeza. Setiap orang mengikut sejauh mana amalan dan ketaqwaannya. Segolongan orang yang bertaqwa dapat merentasi jarak sejauh seribu tahun perjalanan hanya dalam tempoh satu hari sahaja, seolah-olah mereka adalah kilat. Manakala segolongan daripada mereka pula dapat merentasi jarak sejauh 50 ribu tahun dalam masa satu hari sahaja, seolah-olah ia adalah satu khayalan. Hakikat ini telah disebutkan secara tidak langsung di dalam dua ayat daripada al-Quran..

Manakala tiket itu pula, ialah **sembahyang lima waktu berserta dengan tempoh mengambil wuduk hanya memakan masa tidak lebih daripada satu jam!**

Alangkah ruginya orang yang menghabiskan 23 jam kehidupannya dalam sehari untuk dunia yang singkat ini dan tidak mahu menggunakan satu jam yang terbaki untuk kehidupannya yang kekal abadi nanti! Alangkah zalimnya orang itu terhadap dirinya dan alangkah bodohnya dia!

Jika seseorang mengeluarkan separuh duitnya untuk membeli tiket loteri, sedangkan seribu orang yang lain membeli tiket yang sama, ia adalah perkara yang boleh diterima walaupun kemungkinan menang hanyalah seorang dari seribu. Bagaimana pula keadaannya jika ada seorang individu yang enggan untuk membelanjakan satu bahagian daripada 24 bahagian yang dimilikinya demi untuk

mendapatkan keuntungan yang terjamin, dan demi untuk mencapai khazanah kekayaan yang abadi, yang mana jaminan untuk memperolehnya ialah pada kadar 99 peratus? Bukankah tindakan tersebut dianggap bercanggah dengan akal yang waras dan jauh daripada hikmah kebijaksanaan? Bukankah semua orang yang menganggap dirinya berakal tidak boleh menerima perkara ini?

Sesungguhnya sembahyang itu sendiri merupakan kerehatan agung bagi roh, hati dan akal. Tambahan pula, ia bukanlah satu amalan yang memenatkan badan. Lebih daripada itu, segala amalan yang dilakukannya di dunia turut dianggap sebagai ibadat baginya jika dilakukan dengan niat yang betul. Dengan itu, seseorang yang bersembahyang akan dapat menukarkan seluruh modalnya iaitu umurnya untuk kepentingan akhiratnya. Dengan itu, dia akan memperoleh umur yang kekal (di akhirat) setelah membayar umurnya yang fana' (di dunia).



Kalimah Kelima

Tugas sebenar manusia

Firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Nahl, ayat 128:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ اتَّقَوْا وَالَّذِينَ هُمْ مُحْسِنُونَ

“Sesungguhnya Allah sentiasa bersama dengan mereka yang bertaqwa, dan mereka yang berusaha memperbaiki amalan.”

Jika anda ingin memahami bagaimana sembahyang dan menjauhi dosa besar itu adalah tugas hakiki yang layak dilaksanakan oleh manusia di samping ia merupakan natijah fitrah yang sesuai dengan penciptaannya. Maka perhatikan dan dengarkanlah kisah yang ringkas ini:

Terdapat dua orang askar dalam satu pasukan tentera ketika Perang Dunia Pertama dahulu. Salah seorang daripada mereka terlatih dalam tugasnya dan amat rajin menjalankan kewajipan. Manakala askar kedua pula adalah seorang yang jahil tentang tugasnya dan hanya mengikut hawa nafsu. Askar yang pertama sentiasa memberikan perhatian terhadap seluruh latihan dan hal ehwal peperangan. Dia tidak langsung memikirkan tentang keperluan hidup dan pendapatannya, kerana dia yakin sepenuhnya bahawa urusan hal ehwal kehidupannya dan penyediaan persenjataan, bahkan per-

ubatannya jika dia ditimpa sakit, hinggakan menyuap makanan (jika diperlukan) ke mulutnya, semuanya adalah tanggungjawab negara terhadapnya. Manakala kewajipannya yang asasi hanyalah berlatih tentang taktik-taktik peperangan, sekadar itu sahaja. Dalam masa yang sama, dia tahu bahawa mungkin kadang-kadang dia mesti melakukan beberapa persiapan tertentu dan urusan kehidupan seperti memasak dan membasuh peralatan yang digunakan. Meskipun dalam keadaan tersebut, jika ditanya: Apakah yang sedang anda lakukan?, maka dia akan menjawab: “Saya sedang menjalankan tanggungjawab saya terhadap negara secara sukarela.” Dia tidak menjawab dengan berkata: “Saya hanya mencari makan.”

Manakala askar kedua yang jahil tentang kewajipannya, dia sedikitpun tidak mengendahkan latihan yang dijalani dan peperangan yang sedang dihadapi. Dia berkata: “Itu semua adalah kewajipan negara. Tidak ada hubungan dengan saya!” Lalu dia hanya menyibukkan dirinya dengan usaha kehidupan dan penambahbaikannya. Kadang-kadang dia bertindak meninggalkan pasukannya kerana menjalankan perniagaan di pasar.

Pada suatu hari, kawannya yang rajin itu berkata:

“Wahai saudaraku! Tugasmu yang asal ialah berlatih dan bersiap siaga untuk menghadapi peperangan. Kamu didatangkan ke sini hanya untuk menjalankan tugas tersebut. Berharaplah kepada raja dan bertenanglah kerana segala urusan kehidupanmu di bawah tanggungannya. Dia sama sekali tidak akan meninggalkanmu dalam kelaparan, kerana itu adalah kewajipan dan tugasnya. Tambahan pula kamu adalah seorang

yang lemah dan fakir. Kamu tidak akan mampu untuk menguruskan urusan kehidupanmu sendiri. Lebih dari itu, kita sekarang sedang berada dalam suasana jihad dan di medan perang dunia yang besar. Saya bimbang mereka akan menganggap kamu sebagai seorang yang melanggar perintah lalu mereka mengenakan hukuman yang berat terhadapmu.”

Ya, hanya terdapat dua tugas di hadapan kita:

Pertama: Tugas pemerintah, iaitu menjaga segala keperluan kehidupan kita. Mungkin kita tidak dibayar untuk melaksanakan tugas tersebut.

Kedua: Tugas kita sendiri, iaitu berlatih dan bersedia menghadapi peperangan. Pemerintah pula memberikan kita segala bantuan dan kemudahan yang diperlukan.

Wahai saudaraku! Perhatikanlah, sekiranya askar yang cuai itu tidak memberikan perhatian terhadap nasihat rakannya yang rajin dan terlatih itu, betapa dia akan mengalami kerugian dan terdedah kepada bahaya dan kebinasaan!

Wahai jiwaku yang malas!

Sesungguhnya medan yang sedang bergejolak dengan bahang peperangan itu sebenarnya adalah gambaran kepada bumi yang sedang bergolak ini. Manakala angkatan tentera yang terbahagi kepada beberapa pasukan itu pula adalah lapisan generasi manusia. Manakala pasukan tentera itu sendiri adalah masyarakat Islam semasa. Dua orang askar itu pula,

salah seorang daripada mereka adalah seorang yang mengenal Allah dan mengerjakan segala kewajipan serta menjauhi dosa-dosa besar. Dia adalah seorang muslim bertaqwa yang berjuang memperbaiki dirinya dan berjuang menentang syaitan kerana takut terjatuh ke lembah maksiat dan dosa.

Askar yang kedua pula adalah seorang yang fasiq dan rugi kerana sibuk memenuhi keperluan hidup, sehingga dia tidak percaya kepada pemberi rezeki yang hakiki. Dia tidak peduli meskipun dia terpaksa meninggalkan perkara fardu dan terdedah kepada kemaksiatan demi mendapatkan sesuap nasi. Segala latihan dan taklimat yang diberikan itu adalah gambaran kepada ibadat yang ditunjangi oleh sembahyang. Peperangan itu pula adalah gambaran perjuangan manusia menentang diri dan nafsunya, serta perjuangannya untuk menjauhkan diri daripada segala kemaksiatan dan akhlak yang hina. Ia juga adalah gambaran perjuangannya menentang syaitan yang berupa jin dan manusia, demi menyelamatkan hati dan rohnya daripada kemusnahan abadi dan kerugian yang nyata.

Manakala kedua-dua tugas yang dinyatakan dalam kisah ini, yang pertama itu ialah anugerah kehidupan dan segala kemudahannya. Manakala yang kedua pula adalah ibadat, tawakkal, meminta dari Pemberi anugerah tersebut serta mencari ketenangan daripadanya.

Benar! Sesungguhnya Dia yang menciptakan kehidupan ini dalam bentuk yang mantap dan penuh kegemilangan, Dia jugalah yang menjadikannya sebagai satu hikmah ketuhanan yang amat menakjubkan. Dialah yang menjaga kehidupan itu dan menguruskannya dengan kurnia rezeki yang melimpah ruah.

Adakah anda mahukan bukti terhadap perkara tersebut?

Haiwan yang paling lemah sekalipun tetap diberikan rezeki, bahkan rezeki yang paling baik (seperti ikan dan ulat di dalam buah-buahan). Makhhluk manusia yang paling lemah sekalipun juga tetap dapat memakan rezeki yang paling baik dan enak (seperti bayi dan kanak-kanak).

Jika anda melakukan perbandingan antara ikan yang bodoh dengan musang, atau antara kanak-kanak kecil yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dengan binatang buas yang menerkam, atau antara pokok-pokok besar yang berceracak dengan haiwan yang melata, maka anda akan memahami bahawa sarana untuk memperoleh rezeki yang halal bukanlah melalui kekuatan dan ikhtiar, bahkan sarana yang sebenar ialah sifat lemah dan daif.

Oleh itu, orang yang meninggalkan sembahyang demi kehidupan, adalah sama seperti seorang askar yang meninggalkan latihan dan kemnya untuk mengemis dan bergelandangan di pasar. Manakala orang yang mendirikan sembahyang tanpa melupakan keperluan hidupnya di dunia supaya tidak mengharap pemberian orang, maka ia adalah suatu sikap yang baik, ia melambangkan kemuliaan dan jatidiri, di samping ia juga merupakan sebahagian ibadat.

Sesungguhnya fitrah manusia dan apa yang Allah kurniakan kepadanya daripada segala kelengkapan maknawi menunjukkan bahawa ia diciptakan untuk beribadat kepada Allah. Ini kerana segala kekuatan yang dikurniakan kepadanya dan segala hasil tugasnya di dunia tidak meletakkannya setaraf dengan martabat sekecil-kecil burung (yang mana burung pun menikmati kehidupan yang jauh lebih baik daripadanya). Sedangkan manusia boleh menjadi

sultan kepada seluruh alam ini dan menjadi penghulu kepada seluruh makhluk di dalam kehidupan maknawi dan ukhrawi jika dia menggunakan ilmu yang diberikan oleh Allah kepadanya, serta mempunyai sikap berharap kepada Allah di samping melaksanakan ibadah kepadaNya.

Wahai diriku!

Jika kamu menjadikan kehidupan di dunia ini sebagai matlamat utama dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya, maka kamu adalah setaraf dengan seekor burung yang paling kecil.

Manakala jika kamu menjadikan kehidupan akhirat sebagai matlamat tertinggi dan menjadikan kehidupan dunia hanya sebagai wasilah dan ladang tempat bercucuk tanam dengan penuh tekun ... maka kamu akan menjadi penghulu kepada segala hidupan yang ada dan hamba yang mulia di sisi Pencipta Yang Maha Mulia. Kamu juga akan menjadi tetamu yang diraikan lagi dimuliakan di dunia ini.

Di hadapan anda terdapat dua jalan. Pilihlah yang mana anda suka. Dan pohonlah hidayah dan taufiq daripada Tuhan Yang Maha Mengasihani.



Kalimah Keenam

Perniagaan yang menguntungkan dan kerugian yang memeritkan

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Taubah, ayat 111:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ

“Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga.”

Jika anda ingin mengetahui bahawa menjual jiwa dan harta kepada Allah, serta berubudiyah kepadaNya dan menjadi tentera pada jalanNya merupakan perniagaan yang paling menguntungkan dan paling mulia, maka tumpukan pendengaran anda kepada cerita pendek berikut:

Pada suatu hari, seorang sultan telah meletakkan barang amanah di sisi dua orang rakyatnya, iaitu bagi setiap orang sebuah ladang yang luas. Di dalam ladang terdapat segala jenis mesin, alat, senjata, haiwan dan sebagainya. Kebetulan waktu itu merupakan zaman perang yang sengit. Tiada suatu pun yang stabil. Sama ada keadaan perang akan mengubahnya atau terus memusnahkannya sama sekali. Lalu sultan itu dengan segala rahmat dan kelebihanannya mengutus

seorang utusan yang rapat dengannya bagi membawa perintahnya yang mulia untuk disampaikan kepada kedua-dua orang rakyatnya itu. Utusan itu berkata:

“Jualkanlah kepadaku segala barang amanah yang terdapat pada kamu untuk aku menjaganya bagi pihak kamu. Agar segalanya tidak musnah begitu sahaja pada zaman yang amat genting ini. Aku akan mengembalikannya kepada kamu, apabila perang telah selesai. Aku akan memberikan bayaran yang tinggi, seolah-olah barang amanah itu adalah milik kamu sendiri. Sekarang kamu masih boleh menggunakan mesin dan alat yang berada di dalam penjagaan kamu itu tetapi di dalam bengkelku dengan namaku dan dengan penjagaan daripadaku. Harganya pula akan menjadi berlipat kali ganda daripada satu kepada seribu di samping semua keuntungan akan kembali kepada kamu semuanya. Aku juga berjanji akan menanggung segala kos dan perbelanjaan penjagaan mesin dan alat tersebut, kerana kamu tidak mampu dan miskin serta tidak berdaya untuk menanggung kos tersebut. Aku juga akan mengembalikan kepada kamu segala hasil dan manfaat yang diperolehi. Aku juga akan mengekalkan hasil dan manfaat itu di sisi kamu agar kamu dapat mengambil faedah daripadanya dan mendapat kenikmatan daripadanya sehinggalah tiba waktu untuk mengambilnya daripada kamu.”

Dengan itu, kamu mempunyai lima martabat keuntungan hanya melalui satu urusan perniagaan sahaja.

Jika kamu tidak menjualnya kepadaku, semua yang ada di sisi kamu pasti akan hilang. Kamu juga akan melihat bagaimana tiada seorang pun yang mampu mengekalkan apa yang ada di sisinya. Kamu juga tidak akan memperoleh harganya yang mahal. Kamu juga akan meninggalkan segala

peralatan yang hebat dan mahal, neraca yang amat sensitif dan galian yang bernilai. Kamu akan kehilangan nilainya keseluruhannya. Ini adalah kerana ia tidak digunakan pada kerja yang bernilai tinggi. Kamu juga akan menanggung segala perbelanjaan dan kos pentadbirannya, serta kamu juga akan melihat balasan pengkhianatan kamu terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan. Itulah lima kerugian yang dialami dalam satu urusan perniagaan sahaja. Lebih daripada itu, dengan jual beli tersebut penjual itu menjadi seorang tentera yang mulia dan bebas serta menjadi tentera elitku yang bertindak dengan namaku. Tidak lagi menjadi orang tawanan biasa dan individu yang terbiar begitu sahaja.”

Kedua-dua lelaki tadi mendengar perkataan-perkataan yang indah dan perintah sultan yang mulia itu dengan penuh khusyuk. Maka si pintar dan berakal daripada mereka berkata:

“Saya dengar dan patuh akan perintah sultan. Saya reda terhadap jual beli tersebut dengan penuh kebanggaan dan kesyukuran.”

Manakala yang seorang lagi, iaitu si lalai, tertipu dan jahil menyangka bahawa ladangnya tidak akan musnah selama-lamanya dan tidak ditimpa bencana alam dan kemelut dunia. Dia berkata:

“Tidak! Siapa sultan?! Aku tidak akan menjual milikku. Aku tidak akan merosakkan keghairahanku untuk bergembira!”

Hari-hari berlalu. Lelaki pertama mendapat kedudukan tinggi yang dicemburui oleh orang ramai, kerana dia tinggal di tengah-tengah kemakmuran istana sultan. Dia mendapat kenikmatan daripada sifat kasih sayang sultan dan sentiasa

berada di atas bangku-bangku kurniaan baginda. Manakala lelaki kedua pula diberikan bala bencana sehingga semua orang meratapi keadaannya, meskipun mereka berkata: “Memang dia berhak menerimanya.” Kerana dialah yang membenamkan dirinya dalam kepahitan azab sebagai balasan terhadap kesalahan yang dilakukannya. Oleh itu, keghairahannya untuk bergembira tidak kekal lama, begitu juga dengan pemilikannya.

Wahai jiwaku yang terpedaya!

Lihatlah melalui pandangan cerita ini kepada wajah hakikat yang sebenarnya. Sultan yang dimaksudkan dalam cerita di atas adalah *Sultan Azali* dan *Abadi*, iaitu Tuhanmu dan Penciptamu. Ladang, mesin, peralatan dan neraca timbangan ialah milikmu di atas muka dunia ini yang terdiri daripada tubuh badan, ruh dan hati, serta pendengaran, penglihatan, akal dan khayalan yang terdapat padanya, atau ia adalah segala pancainderamu yang zahir dan batin. Manakala orang utusan itu pula ialah Sayyidina Muhammad s.a.w. Perintah sultan yang tegas itu pula ialah al-Quran yang telah mengisytiharkan jual beli dan perniagaan yang menguntungkan itu melalui ayat 111, surah al-Taubah:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ

“Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga.”

Manakala kawasan yang sentiasa huru hara dan peperangan yang menghancurkan itu pula adalah hal ehwal

dunia ini, kerana tiada apa pun yang stabil dan tetap di atasnya. Semuanya adalah pertukaran dan perubahan yang menerjah manusia dengan satu persoalan:

“Semua yang kita miliki tidak stabil dan tidak kekal berada pada tangan kita, bahkan ia akan musnah dan hilang daripada kita. Tidakkah ada penawar atau ubat bagi keadaan ini? Tidakkah mungkin jika keberkekalan menempati dan menggantikan kemusnahan ini?”

Sedang manusia tenggelam dalam pemikiran ini, tiba-tiba dia mendengar gema suara al-Quran dari langit yang berdentung di seluruh ufuk membacakan ayat tersebut kepadanya. Ya! Memang terdapat penawar bagi penyakit tersebut. Bahkan ia hanyalah rawatan yang kecil, namun membawa keuntungan yang besar melalui lima martabat.

Tanyaan: Apakah penawarnya?

Jawapan: Menjual barangan amanah kepada pemiliknya yang sebenar. Dalam jual beli ini terdapat lima martabat keuntungan melalui satu urusaniaga sahaja yang dijalankan.

Keuntungan pertama: Harta yang akan musnah menjadi kekal, kerana umur manusia yang akan habis yang diberikan kepada Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Kekal dan dikorbankan pada jalanNya akan bertukar menjadi umur yang abadi dan berkekalan. Ketika itu, minit-minit umur akan membuahakan buahan yang ranum dan bungaan kebahagiaan lagi bersinar di alam kekal sepertimana binasa biji benih pada zahirnya tetapi ia akan melahirkan bungaan dan tangkai yang banyak.

Keuntungan kedua: Harganya ialah syurga.

Keuntungan ketiga: Harga setiap anggota dan pancaindera meningkat dan menjadi mahal seribu kali ganda.

Contohnya: Akal adalah anggota dan alat. Wahai saudaraku! Jika engkau tidak menjualnya kepada Allah dan engkau tidak menggunakannya pada jalan Allah, bahkan engkau menggunakannya pada jalan hawa nafsu, maka ia akan bertukar menjadi anggota yang celaka, mengganggu dan lemah. Kerana ia membebankan engkau dengan segala kesakitan masa lalu yang mendukacitakan dan kedahsyatan masa hadapan yang menakutkan. Ketika itu, ia bertukar menjadi alat yang memudaratkan dan mencelakakan. Bukankah engkau dapat melihat bagaimana seseorang fasiq melarikan diri daripada realiti kehidupannya dan tenggelam dalam permainan, hiburan atau kemabukan demi menyelamatkan dirinya daripada gangguan-gangguan akalnya? Tetapi apabila akal dijual kepada Allah, dan digunakan pada jalanNya dan demi keranaNya, maka ia akan menjadi anak kunci yang indah kerana ia dapat membuka khazanah rahmat Ilahi dan hikmat rabbani yang tidak terbatas. Kemana sahaja seseorang memandang, atau apa sahaja yang difikirkannya, maka dia akan dapat melihat hikmat Ilahi dalam semua perkara, dalam semua kewujudan dan dalam semua kejadian. Dia juga dapat menyaksikan rahmat Allah terjelma di atas seluruh kewujudan. Dengan itu, akalnya meningkat kepada martabat seorang mursyid yang rabbani yang menyediakan tuannya untuk memperoleh kebahagiaan yang berkekalan.

Contohnya lagi: Mata adalah salah satu pancaindera. Melaluinya, ruh dapat menjenguk dan melihat alam maya ini. Jika engkau tidak menggunakannya pada jalan Allah, bahkan engkau menggunakannya demi memenuhi tuntutan hawa

nafsu, yaitu dengan melihat beberapa pemandangan yang keindahannya adalah sementara dan akan hilang tidak lama selepas itu, maka pancaindera itu akan bertukar menjadi khadam dan orang tengah yang hina bagi membangkitkan syahwat hawa nafsu. Tetapi jika engkau menjualnya kepada Tuhan yang Menciptanya yaitu Tuhan yang Maha Melihat dan engkau menggunakannya pada perkara yang diredai olehNya, ketika itu mata engkau melihat dan membaca buku alam yang luas ini, serta menyaksikan mukjizat buatan Rabbani di alam kewujudan. Ketika itu ia seolah-olah adalah lebah yang berada antara bunga rahmat Ilahi dalam kebun di bumi. Lalu daripada madu pengiktibaran dan kasih sayang, tertitishlah cahaya penyaksian ke dalam hati seorang mukmin.

Contohnya lagi: Jika engkau tidak menjual deria rasa yang berada pada lidah kepada Penciptanya yang Maha Bijaksana, dan anda gunakannya demi memenuhi perut dan nafsu, ketika itu, engkau akan terhumban ke dalam lubang kilang dan kandang perut, lalu nilainya akan menurun. Tetapi jika engkau menjualnya kepada tuhan pemberi rezeki lagi maha pemurah, maka kedudukannya akan meningkat hingga ke darjat seorang nazir yang mahir bagi khazanah rahmat Ilahi dan penjaga yang bersyukur terhadap dapur qudrat Ilahi.

Wahai akal! Sedarlah. Di manakah kedudukan alat yang celaka itu jika dibandingkan dengan kunci khazanah alam semesta ini?

Wahai mata! Lihatlah baik-baik. Di manakah kedudukan broker yang keji itu jika dibandingkan dengan peluang untuk memandang dan melihat ke dalam perpustakaan Ilahi?

Wahai lidah! Rasalah kemanisan. Di manakah

kedudukan kilang dan kandang perut jika dibandingkan dengan kedudukan seorang nazir dan penjaga khazanah rahmat ilahi?

Jika engkau mahu, wahai saudaraku, bandingkanlah anggota dan pancaindera yang lain juga. Ketika itu, engkau akan faham bahawa sesungguhnya seseorang mukmin akan mendapat satu sifat khusus yang melayakkannya memasuki syurga, sebagaimana seseorang yang kafir akan memperoleh satu sifat khusus yang akan membawanya ke neraka. Mereka berdua diberikan balasan yang adil adalah kerana si mukmin menggunakan amanah yang diberikan oleh tuhanNya dengan nama tuhanNya dan di sempadan kawasan keredhaanNya serta berdasarkan keimanannya, manakala si kafir itu pula mengkhianati amanah dan menggunakannya bagi memenuhi tuntutan nafsu dan jiwanya yang *ammarah bi as-su'* (sentiasa menyuruh melakukan kejahatan).

Keuntungan keempat: Sesungguhnya manusia adalah daif sedangkan musibah yang menyimpannya banyak. Dia adalah fakir dan keperluannya semakin bertambah. Dia adalah lemah tetapi tanggungan kehidupannya amat membebankan. Jika manusia ini tidak bertawakkal dan tidak bersandar kepada Tuhan yang Maha Tinggi lagi Maha Berkuasa, jika dia tidak menyerahkan segala urusan kepadaNya dan tidak merasa tenang denganNya, maka dia akan terus mengalami kesakitan yang berterusan di dalam perasaannya. Penyesalan dan usahanya yang tidak mendatangkan hasil akan sentiasa mencekiknya sehingga menjadikannya sama ada seorang penjenayah yang kejam atau pemabuk yang melampau.

Keuntungan kelima: Adalah disepakati secara ijmak di kalangan *ahl al-ikhtisas*, *al-shuhud*, *al-dhawq* dan *al-kashf*

bahawa ibadat, zikir dan tasbih yang dilakukan oleh anggota-anggota badan ketika ia beramal dalam batasan sempadan keredhaan Allah s.w.t, akan bertukar menjadi buah-buahan syurga yang sedap dan lazat yang dihidangkan kepada anda ketika anda amat berhajat kepadanya.

Demikianlah dalam perniagaan ini terdapat keuntungan besar yang mengandungi lima martabat keuntungan. Jika anda tidak melakukannya, anda akan terhalang daripada memperoleh keseluruhan keuntungan tersebut. Di samping anda juga akan mengalami lima martabat kerugian yang lain, iaitu:

Kerugian pertama: Harta dan anak yang anda kasihi, hawa nafsu yang anda layani, kehidupan dunia serta zaman muda yang anda kagumkan, semuanya akan lenyap dan hilang. Ia juga akan meninggalkan sisa-sisa dan kesan-kesan dosa dan kesakitan yang tertanggung di belakang anda.

Kerugian kedua: Anda akan mendapat balasan sebagai seorang yang mengkhianati amanah. Kerana dengan penggunaan alat serta anggota yang paling berharga pada perkara yang paling hina, bererti anda telah menzalimi diri anda sendiri.

Kerugian ketiga: Anda telah melakukan pembohongan dan jenayah terhadap hikmat Ilahi, kerana anda telah menjatuhkan segala peralatan kemanusiaan yang tinggi kedudukannya itu kepada darjat binatang ternakan, bahkan lebih rendah lagi.

Kerugian keempat: Anda akan sentiasa menyeru dengan kecelakaan dan kemusnahan. Anda akan sentiasa mengeluh akibat kejutan perpisahan, kehilangan dan injakan tanggungan kehidupan yang membebankan bahu anda yang

sudah sememangnya lemah. Sedangkan kefakiran anda sudah sedia wujud dan kelemahan anda sentiasa berpanjangan.

Kerugian kelima: Sesungguhnya hadiah Allah yang indah seperti akal, hati, mata dan seumpamanya, tidak dianugerahkan kepada anda melainkan untuk menyediakan anda bagi membuka pintu-pintu kebahagiaan abadi. Oleh itu, alangkah besarnya kerugian anda jika hadiah-hadiah tersebut bertukar menjadi gambaran penderitaan yang membuka pula pintu-pintu neraka jahannam!

Sekarang mari kita lihat kepada jualbeli itu sendiri. Adakah ia berat dan sukar lagi memenatkan, sehingga menyebabkan ramai yang melarikan diri daripadanya?

Sama sekali tidak. Tiada kepenatan dan bebanan sama sekali. Kerana daerah perkara halal amat luas memadai untuk mendapat kerehatan, kebahagiaan dan kegembiraan. Tidak perlu kepada mendapatkan yang haram.

Manakala kefardhuan yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t) pula adalah amat ringan dan kecil. Di samping ubudiyah kepada Allah itu sendiri adalah suatu kemuliaan agung kerana ia bermakna menjadi jundi (tentera) pada jalan Allah (s.w.t) yang padanya terdapat kelazatan dan kerehatan perasaan yang tidak dapat digambarkan.

Oleh itu, anda berkewajipan untuk menjadi si jundi itu. Anda hendaklah memulakan dengan segalanya dengan nama Allah, bekerja dengan nama Allah, mengambil dan memberi demi keranya semata-mata, bergerak dan diam dalam daerah keredhan dan perintahNya sahaja. Jika berlaku kecuaihan, maka di hadapan anda terdapat pintu istighfar. Bertadarru'lah kepada Allah dengan berkata:

“Ya Allah! Ampunkanlah segala kesalahan kami. Terimalah kami dari kalangan hambaMu. Jadikanlah kami sebagai orang yang amanah terhadap apa yang Engkau amanahkan kepada kami sehingga kami bertemu denganMu nanti. Amin.”



Kalimah Ketujuh

Beriman dengan Allah dan hari akhirat menyelesaikan teka teki alam

آمَنْتُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

“Aku beriman dengan Allah dan hari akhirat.”

Jika anda ingin memahami betapa beriman dengan Allah dan hari akhirat merupakan dua kunci paling berharga yang dapat merungkaikan teka-teki alam ini dan membuka pintu kebahagiaan dan kesentosaan di hadapan ruh manusia dan bagaimana sifat tawakkal manusia kepada Penciptanya dengan penuh kesabaran serta bagaimana sifat pengharapan dan berdoa kepada Tuhan yang Maha Memberi rezeki dengan penuh kesyukuran, merupakan rawatan yang paling berkesan dan menyembuhkan dan bahawa patuh kepada hukum hakam al-Quran, menunaikan sembahyang, meninggalkan maksiat ... semuanya merupakan bekalan paling mahal, cahaya yang paling bersinar di dalam kubur, tiket yang paling mudah diperoleh bagi melalui perjalanan dalam menuju keabadian. Ya! Jika anda ingin memahami perkara ini semuanya, maka dengarlah cerita yang ringkas di bawah:

Pada satu ketika, seorang tentera telah ditimpa kecelakaan dan berada dalam keadaan kebingungan. Dia telah cedera dengan dua luka yang amat dalam di sebelah kanan

dan kiri badannya. Di belakangnya pula terdapat seekor singa yang hampir menerkamnya. Di hadapannya pula terdapat tali gantung yang telah memusnahkan semua orang yang dikasihinya dan sedang menunggu untuk menggantungnya juga. Lebih daripada itu, sebelum ini dia telah menjalani satu perjalanan yang jauh meskipun terpaksa berhadapan dengan situasi yang menyedihkan dan menyakitkan! Ketika lelaki yang sedang ditimpa bala bencana itu tenggelam berfikir terhadap nasib malang yang menimpanya, tiba-tiba muncul dari sebelah kanannya seorang lelaki seperti Nabi Allah Khidir a.s. dengan wajahnya yang bersinar muncul dari kanannya seraya berkata:

Janganlah engkau kecewa dan berputus asa. Aku akan mengajarkan engkau dua jampi. Jika engkau dapat menggunakannya dengan baik, singa yang ganas dan garang itu akan bertukar menjadi kuda yang baik dan dapat digunakan bagi memberikan khidmat kepada engkau. Manakala tali gantung itu pula akan bertukar menjadi buaian lembut yang merehat dan menenangkan engkau. Aku akan memberikan kepadamu dua penawar dan ubat. Jika engkau menggunakannya dengan baik, ia akan menjadikan kedua-dua luka dan kecederaan engkau yang busuk itu menjadi dua kuntum bunga yang amat wangi. Aku juga akan membekalkan kepadamu sekeping tiket perjalanan yang dengannya engkau dapat melintasi jarak setahun perjalanan hanya dalam tempoh sehari sahaja, seolah-olah engkau terbang melaluinya! Jika engkau tidak percayakan kata-kataku, maka engkau cubalah sendiri sekali. Selepas itu, engkau akan meyakini kesahihan dan kebenarannya.

Lalu tentera itu mencuba sebahagian daripadanya, lalu dia dapati apa yang diperkatakan itu adalah benar dan sah.

Ya. Saya juga demikian. Si Sa'id yang miskin ini juga membenarkannya. Kerana saya telah mencubanya sedikit, lalu saya dapati ia adalah benar sebenar-benarnya.

Kemudian, tiba-tiba dia melihat seorang lelaki lain yang kelihatan suka bermain-main dan pintar melakukan tipudaya, seolah-olah dia adalah syaitan yang mendatangnya dari sebelah kiri dengan perhiasan yang mewah, penampilan yang menarik dan menggiurkan. Lelaki itu berdiri di hadapannya dan berkata:

Mari kemari wahai saudaraku. Marilah sama-sama kita berhibur menikmati gambar perempuan-perempuan yang cantik ini. Marilah kita mendengar pelbagai jenis nyanyian dan menikmati kelazatan makanan-makanan ini. Tetapi kenapakah mulut engkau kelihatan berkemat kamit? Apakah yang engkau bacakan?

Ia adalah jampi!

Tinggalkan saja benda-benda yang tidak jelas itu. Janganlah engkau keruhkan kejernihan kelazatan dan kejinakan kenikmatan yang sedang kita kecapi sekarang. Apa pula yang terdapat pada tangan engkau?

Ia adalah ubat!

Buangkan ia jauh-jauh. Engkau sihat dan tidak ada apa-apa penyakit. Kita pula sekarang sedang berada dalam situasi kegembiraan, kejinakan dan kenikmatan. Apakah pula kad yang terdapat padanya lima tanda ini?

Ia adalah tiket perjalananku dan satu tugas pejabat yang mesti saya laksanakan!

Koyakkan ia. Kita tidak perlu untuk melakukan

perjalanan pada musim bunga yang indah ini!

Demikianlah bagaimana dengan segala tipudaya, lelaki itu cuba mempedaya dan meyakinkan tentera tersebut, hingga menyebabkan si tentera yang lemah itu kelihatan mula terpengaruh dengan kata-kata lelaki tersebut.

Ya. Manusia sering tertipu. Saya juga pernah ditipu oleh seseorang seperti lelaki itu!

Tiba-tiba berdentung suatu suara seperti guruh dari sebelah kanan si tentera itu memberikan amaran:

Awaslah engkau daripada tertipu. Beritahu kepada si penipu yang celaka itu:

Jika engkau mampu membunuh singa yang sedang berlutut di belakangku ini, mengangkat serta membuang tali gantung di hadapanku ini, menyembuhkanku daripada dua luka dalam yang berada di sebelah kanan dan kiri tubuhku ini, dan menghalangku daripada perjalanan yang panjang dan memenatkan itu. Ya, jika engkau mampu mewujudkan jalan keluar bagi semuanya itu, maka perhatikanlah kepadaku. Berikanlah kepadaku apa yang ada di sisi engkau. Setelah itu, barulah engkau boleh mengajakku untuk berhibur dan bergembira. Jika tidak, diamlah sahaja wahai si bodoh. Biarkanlah lelaki yang mulia ini – yang menyerupai Nabi Khidir – bercakap apa sahaja yang dikehendakinya.

Wahai jiwaku yang menangisi terhadap apa yang diketawakan pada masa mudanya. Ketahuilah! Bahawa tentera yang tidak ketahuan dan kebingungan itu ialah engkau sendiri, iaitu manusia. Singa itu pula ialah ajal kematian. Tali gantung itu pula ialah kematian, kehilangan dan perpisahan yang dirasai oleh setiap jiwa. Tidakkah engkau melihat

bagaimana setiap orang yang kita kasihi berpisah daripada kita seorang demi seorang, siang dan malam. Manakala dua luka yang dalam itu pula, salah satu daripadanya ialah kelemahan manusia yang tidak bersempadan dan amat mengganggu, dan yang satu lagi ialah kefakiran manusia yang tidak berkesudahan dan amat menyakitkan. Pembuangan daerah dan perjalanan panjang yang ditempuhi itu pula ialah perjalanan ujian dan bala bencana yang panjang bagi manusia yang bertolak daripada alam ruh, kemudian melalui rahim ibu, daripada zaman kanak-kanak, remaja dan zaman tua, dan daripada dunia kemudian ke kubur dan barzakh, dan daripada hari perhimpunan dan titian al-sirat. Dua jampi itu pula ialah keimanan kepada Allah dan hari akhirat. Ya, sesungguhnya dengan jampi yang suci ini, kematian yang berada dalam bentuk singa itu bertukar kepada bentuk kuda yang mudah digunakan, bahkan mungkin ia bertukar menjadi buraq yang mengeluarkan manusia daripada penjara dunia kepada taman-taman syurga, iaitu kepada taman-taman Tuhan yang Maha Penyayang lagi Mempunyai Kebesaran. Berdasarkan alasan inilah, golongan *al-kamilun* (orang yang sempurna) amat menyintai kematian dan memintanya, kerana mereka telah melihat hakikatnya. Kemudian perjalanan zaman dan berlalunya masa terhadap segala sesuatu, serta kesan kehilangan, perpisahan, kematian dan kewafatan telah diubah oleh jampi keimanan ini menjadi gambaran yang bersinar dan mendorong manusia untuk melihat pemandangan yang baru pada setiap perkara. Bahkan ia menjadi punca pemerhatian kepada pelbagai jenis mukjizat penciptaan oleh Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mempunyai Kebesaran dan kudratNya yang luar biasa. Serta penjelmaan rahmat Allah s.w.t dan penyaksiannya dengan penuh kenikmatan dan kegembiraan yang sempurna. Ia sama

seperti apa yang digambarkan oleh cermin yang membalikkan warna-warna cahaya matahari lalu mengubah gambar pada layar panggung wayang sehingga kelihatan amat menarik dan indah.

Manakala dua rawatan itu pula ialah:

Salah satu daripadanya adalah tawakkal kepada Allah dan bersifat sabar, iaitu bersandar kepada kudrat Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Pemurah, serta percaya dengan penuh yakin (thiqah) dengan kebijaksanaanNya.

Adakah ia begitu?

Ya, sesungguhnya sesiapa yang bersandar dan bergantung kepada identiti ‘kelemahannya’ atau keberhajatannya kepada sultan alam ini yang ditanganNya terdapat perintah كُنْ فَيَكُونُ *kun fayakun*, maka bagaimanakah dia boleh merasa gelisah dan gundah-gulana? Bahkan dia tetap akan cekat berhadapan dengan segala musibah, dalam keadaan penuh yakin kepada Allah tuhanNya, lapang fikirannya dan tenang hatinya dengan sentiasa mengulangi perkataan:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

“Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.”

Al-Baqarah: 156

Ya, orang yang arif dengan Allah akan merasa lazat dengan kelemahan dan ketakutannya kepada Allah (s.w.t). Memang benar, dalam ketakutan terdapat kelazatan. Jika dapat diandaikan bahawa kita boleh bertanya kepada seorang kanak-kanak yang hanya berumur setahun dan dia pula sudah

berakal dan boleh bercakap, lalu kita bertanyakan kepadanya soalan: Apakah keadaan engkau yang paling baik dan lazat? Mungkin jawapannya ialah: Iaitu ketika dia berada dalam dakapan ibunya yang penyayang dan dia pula sedang dalam ketakutan, pengharapan dan kelemahan. Perlu dinyatakan, bahawa kasih sayang para ibu hanyalah sekelumit cuma daripada jelmaan kasih sayang dan rahmat Ilahi yang maha luas itu.

Dari sini, orang yang sempurna imannya mendapati, dalam kelemahan dan ketakutan suatu kelazatan yang mengatasi mana-mana kelazatan lain, sehingga mereka benar-benar membersihkan diri mereka hanya kepada Allah daripada segala kekuatan dan kemampuan mereka sendiri. Mereka juga berlindung daripada kelemahan mereka dengan bergantung hanya kepada Allah, serta mereka meminta perlindungan hanya daripadaNya sahaja. Mereka mempersembahkan kelemahan dan ketakutan ini sebagai wasilah dan pemberi syafaat kepada mereka di sisi Allah yang Maha Mencipta lagi Maha Agung.

Manakala rawatan yang kedua ialah doa dan permintaan, kemudian *qana'ah* (berasa cukup dengan apa yang ada), bersyukur dan *thiqah* (yakin) dengan rahmat Allah yang Maha Memberi Rezeki dan lagi Maha Mengasihani.

Apakah benar demikian?

Ya! Sesiapa yang menjadi tetamu kepada Tuhan yang menghamparkan permukaan bumi sebagai hidangan yang dipenuhi dengan pelbagai kenikmatan, dan menjadikan musim bunga seperti jambakan bunga mawar indah yang diletakkan bersebelahan dengan hidangan yang beraneka itu, bahkan bunga-bunga itu dihambur-hamburkan ke atas

hidangan tersebut, jadi sesiapa yang menjadi tetamu kepada Tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Mulia ini, maka bagaimana sifat kefakiran dan keberhajatan kepadaNya menjadi suatu yang menyakit dan memberatkan? Bahkan tetamu itu menjadikan sifat kefakiran dan keberhajatan kepadaNya sebagai pendorong untuk mengambil dan menggunakan segala kenikmatan yang ada. Dengan itu, dia akan berusaha untuk menambah besarkan sifat keberhajatannya sama seperti seorang yang berusaha untuk menambahkan perasaan seleranya. Di sinilah tersembunyinya sebab kebanggaan dan kemuliaan mereka yang mencapai darjat kesempurnaan terhadap sifat kefakiran terhadap Allah s.w.t. (Tapi perlu diingatkan agar anda tidak salah faham terhadap sifat kefakiran yang kami maksudkan. Ia adalah perasaan manusia yang merasa fakir atau berhajat kepada Allah (s.w.t), *tadarru'* kepadaNya sahaja dan hanya membuat permintaan daripadaNya sahaja. Ia bukanlah bermaksud menzahirkan keberhajatan kepada manusia, menghinakan diri di hadapan mereka dan meminta-minta sedekah daripada mereka!)

Manakala tiket perjalanan dan tugas pejabat itu pula ialah menunaikan segala kefarduan yang didahului oleh sembahyang lima waktu dan menjauhi segala maksiat.

Apakah benar demikian?

Ya! Sesungguhnya seluruh *ahl al-ikhtisas* dan *al-shuhud* serta seluruh *ahl al-dhawq* dan *al-kashf*, yang terdiri daripada para ulama yang teliti dan para wali yang salih, mereka semua sepakat bahawa bekalan dalam perjalanan menuju keabadian, khazanah perjalanan yang panjang dan gelap itu, serta cahaya dan kilatannya hanyalah dalam mematuhi segala perintah al-Quran al-Karim dan menjauhi segala larangannya.

Jika ini tidak dilakukan, maka ilmu, falsafah, kemahiran dan kebijaksanaan sedikitpun tidak akan memberikan apa-apa manfaat dalam perjalanan tersebut. Bahkan semuanya akan terpadam cahayanya ketika tiba di pintu kubur.

Maka wahai jiwaku yang malas!

Alanglah ringannya mengerjakan sembahyang lima waktu dan menjauhi dosa besar yang tujuh itu.

Alangkah mudah dan rehatnya ia dibandingkan dengan faedah, hasil dan kepentingannya yang amat besar! Jika anda benar seorang pintar yang dapat memahami hakikat pertama ini, katakanlah kepada orang yang menyeru anda kepada kefasikan, hiburan, kebodohan dan kepada si syaitan yang keji dan penipu itu:

Jika engkau mempunyai alat untuk membunuh kematian, menghilangkannya daripada dunia dan jika engkau mempunyai ubat untuk menghilangkan kelemahan dan kefakiran daripada kemanusiaan dan jika engkau mempunyai orang perantaraan untuk menutup pintu kubur selama-lamanya maka berikanlah ia kepadaku setelah itu bercakaplah apa sahaja, kerana aku akan mendengar dan mentaatinya. Jika engkau tidak mampu melakukannya, maka membisu sahaja-lah. Sesungguhnya al-Quran al-Karim membaca tanda-tanda kekuasaan segala makhluk yang wujud dalam masjid alam raya ini, maka marilah kita mendengarnya, mengambil sinaran dari cahayanya serta bekerja dengan petunjuknya yang mulia sehingga basah lisan kita menyebut dan membacanya.

Benar! Sesungguhnya kata-kata itu kata-katanya. Itulah kebenaran. Ialah yang menzahirkan hakikat sesuatu serta

menyebarkan bukti-bukti cahaya hikmah.

Ya Allah, sinarilah hati kami dengan cahaya keimanan dan al-Quran. Ya Allah, kayakanlah kami dengan rasa fakir terhadapMu dan janganlah Engkau fakirkan kami dengan rasa kaya dariMu. Kami berlepas diri kepadaMu dari daya dan kekuatan kami serta kami berlindung di bawah daya dan kekuatanMu, maka jadikanlah kami dari kalangan orang-orang yang bertawakkal terhadapMu. Janganlah Engkau biarkan kami berada di bawah kekuasaan diri kami sendiri serta peliharalah kami dengan pemeliharaanMu serta kasihilah kami serta seluruh orang mukmin lelaki dan wanita.

Selawat dan salam ke atas penghulu kita Muhammad s.a.w., hambaMu, nabiMu, pilihanMu, kekasihMu serta keindahan kerajaanMu, penghulu ciptaanMu, tumpuan penjagaanMu, matahari petunjukMu, lisan kecintaanMu, contoh rahmatMu, cahaya ciptaanMu, keagungan makhluk-makhlukMu, lampu keesaanMu dalam banyaknya makhlukMu, pembuka jampi makhluk-makhlukMu, penunjuk keagungan dan keesaanMu serta penyampai tentang apa yang membuatkan Engkau redha, penyingkap khazanah di sebalik namaMu serta guru kepada hamba-Mu, penterjemah bukti-buktiMu, cermin keindahan keesaanMu serta perantara terhadap kesaksianMu, kekasihMu, rasulMu yang Engkau utuskan sebagai rahmat bagi seluruh alam, juga ke atas seluruh ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda, saudara-saudara baginda dari kalangan para nabi yang diutuskan serta seluruh

para malaikat yang dekat di sisiMu dan hamba-hamba-Mu yang soleh. Amin.²



² Doa ini yang ada pada hampir seluruh '*al-Kalimat*' adalah dalam bentuk asalnya iaitu dalam bahasa Arab. (Penterjemah)

Kalimah Kelapan

Dunia antara pandangan mukmin dan kafir

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

“Allah, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya).”

al-Baqarah: 255

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.”

al ‘Imran: 19

Apakah dia hakikat dunia? Apakah peranan manusia di dalamnya? Apakah nilai agama di sisi manusia? Benarkah jika tidak kerana agama yang benar ini nescaya dunia akan bertukar menjadi penjara yang menakutkan? Benarkah manusia yang mulhid adalah makhluk yang paling celaka? Benarkah dengan mengucapkan *يَا أَلَلَّهُ* dan *لَا إِلَهَ إِلَّا أَلَلَّهُ* “Ya Allah, tiada tuhan melainkan Allah” dapat menyelesaikan masalah dan teka teki dunia yang membingungkan serta menyelamatkan ruh kemanusiaan daripada kegelapan? Ya,

jika anda ingin memahami semua itu, maka dengarlah cerita hikayat yang ringkas di bawah dan berfikirilah tentangnya:

Pada masa dahulu, terdapat dua orang bersaudara yang keluar bersama-sama dalam satu perjalanan yang panjang. Mereka meneruskan perjalanan sehingga tiba di satu persimpangan. Mereka ternampak seorang lelaki yang hebat lalu bertanya: “Jalan manakah yang baik?”

Lelaki itu menjawab: “Jika kamu mengikut jalan sebelah kanan, maka kamu terpaksa mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Tetapi jalan ini memang aman dan selamat. Manakala jika kamu mengikut jalan sebelah kiri, maka kamu adalah bebas daripada sebarang ikatan, tetapi di sebalik kebebasan tersebut terdapat kemusnahan dan kecelakaan. Sekarang kamu boleh memilih untuk melalui mana-mana jalan yang kamu kehendaki.”

Selepas mendengar jawapan yang diberikan oleh lelaki tersebut, salah seorang daripada dua orang bersaudara itu, yang bertabiat baik, melalui jalan sebelah kanan dan berkata: *تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ* “Saya bertawakkal kepada Allah.” Dia meneruskan perjalanannya dalam keadaan redha untuk mematuhi segala undang-undang dan peraturan. Manakala saudaranya yang tergoda dan terpedaya menggunakan jalan sebelah kiri kerana mahu mengikut keinginan hawa nafsunya yang inginkan kebebasan.

Secara khayalan, marilah kita ikuti perjalanan si lelaki yang melalui suatu jalan yang pada zahirnya kelihatan senang dan ringan tetapi pada hakikatnya ia adalah jalan yang dipenuhi dengan bebanan dan kepayahan. Sebaik sahaja dia melepasi lembah yang dalam dan tanah tinggi yang memuncak dan bengkok bengkok, tiba-tiba dia sampai di

tengah-tengah padang pasir yang sunyi dan menyeramkan. Tiba-tiba dia mendengar suatu suara yang menggerunkan. Dia melihat seekor singa yang besar dalam keadaan marah sedang menuju pantas kepadanya. Lalu dia melarikan diri dalam keadaan menggeletar ketakutan. Tiba-tiba dia melihat sebuah perigi usang sedalam enam puluh hasta lalu dia terjun demi untuk menyelamatkan dirinya. Ketika jatuh ke dalam perigi itu, tangannya tersentuh seponon pokok lalu dia berpaut padanya. Pokok itu mempunyai dua batang yang tumbuh daripada dinding perigi dan pada setiap batang terdapat seekor tikus, seekor berwarna putih dan seekor lagi berwarna hitam. Kedua-dua ekor tikus itu sedang menggigit kedua-dua batang pokok dengan giginya yang tajam. Dia memandang ke atas ke arah mulut perigi, lalu dia nampak singa tersebut sedang berdiri memandang ke arahnya. Dia memandang ke bawah lalu dia nampak seekor ular yang amat besar dalam jarak tiga puluh hasta sedang mengangkat kepala mahu menghampirinya. Ular itu mempunyai mulut yang besar seluas mulut perigi tersebut. Di sekelilingnya pula, dia ternampak banyak serangga yang bersengat dan berbisa. Dia melihat kepada bahagian atas pokok, lalu dia ternampak bahawa ia adalah pokok buah tin tetapi dalam keadaan yang menakjubkan pokok tersebut mengeluarkan pelbagai jenis buah-buahan seperti buah badam dan juga buah delima.

Lantaran kejahilannya, lelaki tersebut tidak memahami bahawa keadaan yang dialaminya itu bukanlah suatu keadaan biasa. Tidak mungkin semua perkara tersebut berlaku secara kebetulan tanpa disengajakan. Dia tidak faham bahawa dalam segala perkara yang menakjubkan itu terdapat pelbagai jenis rahsia yang ganjil dan bahawa di sebalik segalanya itu ada seseorang yang mengatur dan menjalankannya.

Ketika hati lelaki tersebut menangis, ruhnya menjerit dan akalinya kebingungan terhadap keadaan genting yang sedang dialaminya, tiba-tiba nafsunya yang bersifat sentiasa mahu melakukan kejahatan menyambar dan menelan dengan lahapnya buah-buahan yang terdapat pada pokok tersebut dengan mengenyepikan segala yang berada di sekitarnya ketika itu, seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku. Dia menutup telinganya daripada mendengar jeritan hati dan laungan jiwanya dengan menipu dirinya sendiri. Dia tetap menelan buah-buahan tersebut meskipun sebahagian daripadanya adalah terdiri daripada buah-buahan yang beracun dan memudaratkan.

Demikianlah kita dapat melihat bagaimana lelaki yang celaka itu diperlakukan sebagaimana disebutkan dalam sebuah *Hadis Qudsi*:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي yang bermaksud “Aku adalah sebagaimana sangkaan hambaku terhadapku”,³ iaitu “Aku akan memperlakukan hambaku sebagaimana dia mengenali diriku”. Dia telah diperlakukan begitu, maka demikian jugalah dia akan diperlakukan selepas ini. Bahkan pasti dia akan melihat dia akan diperlakukan demikian sebagai balasan terhadap sangkaannya bahawa apa yang disaksikannya adalah perkara biasa yang berlaku tanpa sengaja, tanpa hikmah dan seolah-olah ia adalah kebenaran semata-mata. Dia beranggapan demikian kerana sangkaannya yang buruk dan kebodohnya sendiri. Maka dia akan berbalik-balik dalam neraka azab dan dia tidak mampu untuk mati demi menyelamatkan dirinya dan tidak mampu juga untuk

³ al-Bukhari, Tauhid, 15; Muslim, al-Tawbah, 1, al-Tarmizi, al-Da'awat, 132.

menjalani kehidupan yang bahagia.

Sekarang mari kita tinggalkan lelaki yang celaka tersebut terus berada dalam keazabannya untuk kita melihat pula apakah yang berlaku kepada lelaki yang seorang lagi.

Lelaki yang diberkati dan mempunyai akal yang waras itu terus menerus berjalan tanpa menghadapi sebarang kesempitan sebagaimana saudaranya. Ini adalah kerana dia hanya berfikir tentang perkara-perkara yang indah kerana dia memiliki tabiat yang indah. Khayalannya hanya menerawang kepada perkara-perkara yang baik dan indah sahaja. Kerana itulah, dia merasa senang dengan dirinya dan tidak menemui sebarang kesulitan dan kesempitan sebagaimana saudaranya. Dia juga mengetahui tentang peraturan dan menjalankan tugasnya sesuai dengan tuntutan kesetiaan dan kepatuhan terhadap peraturan tersebut. Dia melihat segala perkara dipermudahkan baginya. Dia terus berjalan dalam keadaan bebas dengan mendapat naungan keamanan dan kestabilan. Demikianlah keadaannya ketika dia meneruskan perjalanan sehingga beliau menemui sebuah taman yang mempunyai bunga-bunga yang indah dan buah-buahan yang lazat. Di situ juga terdapat bangkai-bangkai binatang dan sampah sarap yang busuk serta bertaburan di sana-sini disebabkan ketiadaan langkah-langkah kebersihan yang diambil. Saudaranya juga pernah memasuki ke dalam taman seumpama itu sebelum ini, tetapi saudaranya itu hanya menumpukan penglihatannya kepada bangkai tersebut sehingga menyebabkannya loya dan pening kepala. Lalu saudaranya itu terus keluar dari taman tersebut tanpa sempat merehatkan dirinya di situ sebelum meneruskan perjalanan. Tetapi dia yang menggunakan **kaedah ‘lihatlah hanya kepada perkara yang paling baik’**, tidak menghiraukan

bahkan tidak berpaling kepada bangkai tersebut sama sekali. Bahkan dia hanya mengambil manfaat daripada segala perkara yang baik dan buah-buahan yang lazat di dalam taman tersebut. Setelah merehatkan diri secukupnya di situ, dia meneruskan perjalanan.

Sebagaimana saudaranya, dia juga turut melalui satu padang pasir yang luas terbentang. Tiba-tiba, dia mendengar suara seekor singa yang mahu menyerangnya. Dia ketakutan, namun tahap ketakutannya adalah kurang jika dibandingkan dengan tahap ketakutan saudaranya, kerana dia berfikir melalui sangkaan baiknya dan keindahan pemikirannya, lalu dia berkata: “Sudah pasti padang pasir ini ada pemerintahnya. Jadi singa ini mungkin adalah khadam setia yang berada di bawah penguasaan pemerintah tersebut.” Dengan demikian dia kembali merasa tenang, tetapi dia tetap melarikan diri sehingga bertemu sebuah perigi usang sedalam enam puluh hasta, lalu dia terjun ke dalamnya. Pada pertengahan perigi tersebut dia sebagaimana saudaranya berpaut pada sebatang pokok dan dia tergantung di situ. Dia ternampak dua ekor binatang sedang memotong kedua-dua batang pokok tersebut yang terdapat pada dinding perigi sedikit demi sedikit. Dia memandang ke atas lalu ternampak singa. Dia melihat ke bawah lalu terpancang seekor ular yang amat besar. Dia melihat kepada dirinya sendiri, lalu didapati dirinya berada dalam situasi yang amat ganjil. Dia merasa bingung sebagaimana saudaranya, tetapi tahap kebingungannya adalah seribu kali lebih rendah jika dibandingkan dengan kebingungan yang dialami oleh saudaranya. Ini kerana keelokan keperibadian dan kewarasan pemikirannya hanya memperlihatkan perkara-perkara yang indah sahaja kepadanya. Lantaran itulah dia berfikir di dalam hatinya:

“Segala perkara yang ajaib dan membingungkan ini saling mempunyai kaitan antara satu sama lain. Seolah-olah terdapat seorang pemerintah yang memerintahkan ia bergerak. Dalam segala kejadian yang membingungkan ini, sudah pasti terdapat suatu rahsia yang tersembunyi dan teka teki yang tidak terbongkar. Ya! Segalanya adalah kembali kepada perintah seorang pemerintah yang tersembunyi. Oleh itu, saya sebenarnya tidak sendirian. Bahkan pemerintah yang tersembunyi itu sedang melihat, menjaga dan menguji saya. Kerana hikmat yang tertentu, dia membawa saya ke suatu tempat dan memanggil saya ke sana.” Terdetik di dalam hatinya rasa keinginan hasil daripada pemikirannya yang indah dan rasa takutnya yang dipenuhi kelazatan, keinginan yang membangkitkan satu persoalan: “Siapakah dia gerakan orang yang mahu mengujiku dan mahu memperkenalkan dirinya kepadaku? Siapakah dia gerakan orang yang membawa saya ke jalan yang ajaib ini bagi mencapai satu matlamat tertentu?” Kemudian lahir daripada rasa keinginan untuk mengetahui, rasa cinta kepada empunya teka-teki itu. Lahir pula daripada rasa cinta itu, rasa ingin untuk menyelesaikan dan menguraikan teka-teki tersebut. Lahir pula daripada perasaan tersebut, perasaan redha untuk berada dalam kedudukan yang indah dan diterima oleh empunya teka-teki tersebut sebagaimana kehendak dan kesukaannya.

Kemudian dia memandang ke bahagian atas pokok, lalu didapati pokok tersebut adalah pokok tin. Tetapi di penghujung dahannya terdapat ribuan jenis buah-buahan yang enak. Lantas perasaan takutnya segera hilang sama sekali, kerana dia yakin bahawa pokok tin ini hanyalah indeks dan tempat pameran. Di situlah pemerintah yang tersembunyi itu meletakkan barangan contoh yang terdapat di dalam kebun

dan tamannya dalam bentuk yang penuh ajaib dan disaluti perhiasan sebagai tanda terhadap makanan lazat yang disediakan untuk para tetamunya. Jika tidak demikian, maka bagaimana mungkin seponon pokok boleh mengeluarkan ribuan jenis buah-buahan yang datang daripada ribuan jenis pokok. Oleh itu, dia berpendapat, bahawa dia mesti berdoa dan bertadhrur' serta bersungguh-sungguh memohon agar dikurniakan kunci teka-teki dengan berkata:

*“Wahai pemerintah seluruh negara dan kawasan!
Aku berlingung, bertawassul dan merendah diri
kepadaMu. Aku adalah khadamMu. Aku hanya
mencari keredhaanMu. Aku mencariMu.”*

Selepas doa tersebut, secara tiba-tiba dinding perigi tersebut terbuka sebagai sebuah pintu yang membawa kepada sebuah taman yang mewah, suci dan indah. Mungkin mulut ular tersebut bertukar kepada pintu itu manakala singa dan ular itu juga bertukar menjadi khadam yang sedia berkhidmat kepadanya. Kedua-dua khadam itu menjemputnya memasuki taman yang indah. Singa itu juga bertukar menjadi seekor kuda yang dipermudahkan baginya.

Wahai diriku yang malas! Wahai sahabatku dalam khayalan!

Marilah kita menimbang di antara keadaan kedua-dua orang saudara itu agar kita dapat mengetahui bagaimana kebaikan boleh membuahkan kebaikan lain dan bagaimana kejahatan boleh membuahkan kejahatan lain.

Sesungguhnya si musafir yang tidak bernasib baik yang melalui jalan sebelah kiri terdedah pada setiap masa kepada kemungkinan untuk ditelan oleh mulut ular yang berada di

dalam perigi. Oleh itu, dia sentiasa gementar kerana takut dan bimbang. Manakala saudaranya yang bernasib baik dan bahagia itu pula dijemput untuk memasuki sebuah taman yang indah, mewah dan mempunyai pelbagai jenis buah-buahan. Hati si celaka itu juga sentiasa berdebar-debar dan berada dalam keadaan amat takut sedangkan saudaranya melihat pelbagai perkara ajaib dan dia memandangnya sebagai suatu pengajaran yang manis, ketakutan yang lazat dan makrifat yang dikasihi. Si celaka yang miskin itu mengalami kesunyian, kekecewaan dan keyatiman yang merupakan azab yang menyeksakan! Manakala saudaranya yang bahagia itu pula mendapat kelazatan melalui kemeriahan, pengharapan dan kerinduan yang dialaminya. Kemudian lelaki yang tidak bernasib baik itu juga melihat dirinya dijatuhkan hukuman seperti seorang banduan melalui serangan serangga-serangga yang menyakitkan. Sedangkan saudaranya yang bernasib baik itu pula menikmati segala kenikmatan sebagai seorang tamu yang dimuliakan. Kenapa tidak?! Dia memang seorang tamu kepada seorang tuan rumah yang amat mulia dan pemurah, lalu dia mendapat segala kesenangan dan hiburan melalui segala keajaiban khadamnya yang memberikan khidmat kepadanya. Kemudian lelaki yang tidak bernasib baik itu juga akan dipercepatkan azabnya di dalam neraka kerana dia telah memakan makanan yang lazat pada zahirnya tetapi pada hakikatnya ia adalah beracun, kerana buah-buahan itu hanyalah contoh dan sampel sahaja. Dia hanya dibenarkan untuk merasainya sahaja agar akhirnya dia dapat memakan buahan yang sebenar kemudiannya. Dia tidak dibenarkan untuk memakannya secara tamak dan gelojoh sebagaimana haiwan. Manakala saudaranya yang bernasib baik dan bahagia itu, hanya merasa makanan-makanan tersebut kerana dia memahami perintah

yang diberikan kepadanya. Dia sanggup menunggu dan melewatkan masa untuk memakannya dalam keadaan penuh kenikmatan.. Kemudian lelaki yang tidak bernasib baik itu juga telah menzalimi dirinya dengan dirinya sendiri. Dia menzalimi dirinya kerana dia meletakkan dirinya dalam keadaan kegelapan dan sangkaan-sangkaan yang juga mempunyai kegelapan seolah-olah dia berada dalam Neraka Jahim. Ini berlaku lantaran dia tidak mempunyai pandangan mata hati yang dapat melihat hakikat kebenaran yang jelas nyata seperti waktu siang dan juga suasana-suasana yang indah dan menarik. Oleh itu, dia tidak berhak untuk dikasihani dan dia juga tidak mempunyai hak untuk mengadu. Bandingannya samalah dengan seorang lelaki yang sedang berada di tengah-tengah orang-orang yang dikasihinya, pada musim panas, dalam taman yang indah dan permai, menghadiri satu jamuan yang menggembirakan. Namun lantaran sifatnya yang tidak berpada dan berpuas hati dengan apa yang ada, dia meneguk beberapa gelas arak (ibu segala maksiat) sehingga menjadikannya seorang yang mabuk dan khayal. Setelah itu, dia mula menjerit, memekik dan menangis, kerana menyangka dirinya sedang berada dalam musim dingin yang menusuk tulangnya. Dia juga menyangka dirinya sedang berada dalam kelaparan dan bertelanjang di tengah-tengah haiwan-haiwan yang buas. Maka orang yang seumpama ini tidak berhak untuk dikasihani dan dirahmati, kerana dia menzalimi dirinya dengan dirinya sendiri dan menyangka kawan-kawannya sebagai binatang buas serta dia menghina mereka ... maka demikian jugalah lelaki yang tidak bernasib baik itu.

Tetapi lelaki yang bernasib baik itu dapat melihat kebenaran. Kebenaran itu sendiri adalah indah. Di samping

dia dapat melihat keindahan kebenaran, dia juga menghormati kesempurnaan tuan punya hakikat kebenaran tersebut dan memandang hebat kepadanya, lantaran itu dia berhak mendapat rahmatNya.

Oleh itu, ketahuilah salah satu rahsia daripada rahsia-rahsia yang terdapat dalam ayat 79, surah al-Nisa’:

نَفْسِكَ فَمِنْ سَيِّئَةٍ مِنْ أَصَابِكَ وَمَا اللَّهُ فَمِنْ حَسَنَةٍ مِنْ أَصَابِكَ مَا

“Apa jua kebaikan (nikmat kesenangan) yang engkau dapati maka ia adalah daripada Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah daripada (kesalahan) dirimu sendiri.”

Jika anda banding segala perbezaan ini dan yang seumpamanya, maka anda akan ketahui bahawa jiwa *al-ammarah bi al-su’* yang terdapat pada diri lelaki pertama telah mendatangkan kepadanya neraka jahannam yang maknawi. Manakala lelaki yang kedua pula, lantaran niat, sangkaan dan fikirannya yang baik, telah mencapai limpahan kebahagiaan dan nikmat yang melimpah ruah.

Wahai jiwaku! Wahai sesiapa yang turut mendengar kisah ini bersama saya!

Jika anda tidak ingin menjadi seperti lelaki yang tidak bernasib baik itu, sebaliknya anda ingin menjadi seperti lelaki yang bernasib baik itu, maka dengar dan perhatikanlah al-Quran. Tunduklah kepada hikmat kebijaksanaannya. Berpegang teguhlah dengannya dan beramallah dengan hukum hakamnya.

Jika anda telah memahami segala hakikat yang terdapat dalam kisah ini, maka anda akan dapat melaksanakan segala

hakikat keagamaan, keduniaan, kemanusiaan dan keimanan keseluruhannya. Saya hanya akan memberitahu kepada anda perkara-perkara asas sahaja. Anda sendiri hendaklah mengeluarkan perkara-perkara cabangannya!

Sahabat ada dua jenis: Pertama ruh seorang mukmin dan hati seorang yang salih. Kedua ialah ruh seorang kafir dan hati seorang fasiq. Manakala jalan sebelah kanan pula ialah jalan al-Quran dan iman. Jalan sebelah kiri ialah jalan maksiat dan kekufuran. Taman yang berada di pertengahan jalan itu pula ialah kehidupan kemasyarakatan sementara bagi masyarakat manusia dan tamadun kemanusiaan yang terdapat padanya kebaikan dan keburukan, kesucian dan kekotoran. Orang yang berakal ialah orang yang beramal berdasarkan kaedah.

خُذْ مَا صَفَا دَعْ مَا كَدَّرْ

'Ambillah apa yang jernih dan tinggalkanlah apa yang keruh.'

Dengan itu dia dapat meneruskan perjalanan dengan hati yang sejahtera dan perasaan yang tenang. Padang pasir itu pula ialah dunia ini. Singa itu pula ialah ajal kematian. Perigi itu pula ialah jasad manusia dan tempoh masa kehidupan. Manakala kedalaman perigi itu yang mencapai enam puluh hasta adalah isyarat kepada umur kebiasaan manusia, iaitu enam puluh tahun. Pohon itu pula ialah tempoh umur dan kehidupan. Dua ekor binatang itu pula yang berwarna putih dan hitam adalah malam dan siang. Manakala ular itu pula ialah mulut kubur yang terbuka ke arah alam barzakh dan beranda akhirat. Cumanya, bagi si mukmin mulut itu adalah pintu yang terbuka daripada sebuah penjara kepada sebuah taman. Manakala serangga-serangga yang berbisa itu pula

ialah musibah-musibah dunia. Cumanya bagi si mukmin, ia adalah sama seperti teguran-teguran dan sapaan-sapaan Ilahi yang manis agar dia tidak alpa dan lalai. Manakala makanan-makanan pokok tersebut pula adalah nikmat-nikmat kedunia-an yang dijadikan Allah s.w.t. sebagai indeks dan pengingat kepada nikmat-nikmat akhirat nanti yang hampir serupa dengannya. Ia dijadikan oleh Allah s.w.t. sebagai sampel dan contoh untuk menarik pelanggan agar mendatangi buah-buahan syurga. Manakala keadaan pokok tersebut yang mengeluarkan pelbagai jenis buah-buahan adalah sebagai isyarat untuk menunjukkan kepada tanda-tanda kekuasaan Allah, cop mohor ketuhanan dan kod kebesaran Ilahi yang mencipta dan menjadikan segala sesuatu hanya daripada yang satu. Iaitu Allah menciptakan seluruh tumbuh-tumbuhan dan buah-buahanNya daripada tanah yang sama. Allah menciptakan seluruh binatang daripada air yang sama. Allah menciptakan segala peralatan yang terdapat dalam tubuh haiwan daripada makanan yang sederhana. **‘Membuat satu benda daripada semua benda’** sama seperti membina daging tertentu dan kulit yang sederhana bagi sesuatu yang hidup daripada pelbagai jenis makanan, merupakan tanda kekuasaan khusus Tuhan Yang Maha Esa yang menjadi tempat pergantungan. Ia juga adalah cop mohor yang khusus untuk raja azali dan kod penunjuk yang sama sekali tidak boleh ditiru dan dipalsukan.

Ya! Penciptaan segala benda daripada benda yang satu dan penciptaan semua benda daripada benda yang satu, hanya menjadi ciri khusus bagi Tuhan yang Maha Mencipta sahaja. Ia juga hanya menjadi alamat dan tanda yang diperuntukkan khusus untuk Allah yang Maha Berkuasa melakukan segala sesuatu. Manakala jampi itu pula adalah rahsia hikmat

penciptaan yang hanya dapat dibuka dan dibongkar melalui rahsia keimanan.

Manakala kunci itu pula ialah

يَا اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ

'*Ya Allah*' '*La ilaha illa Allah*' '*La ilaha illa Huwa al-Hayy al-Qayyum*'

Pertukaran mulut ular menjadi pintu taman adalah lambang bahawa kubur adalah penjara keseorangan, kelupaan, kealpaan dan kesempitan. Ia sama seperti perut ular bagi ahli kesesatan dan pelampauan. Tetapi bagi ahli iman dan al-Quran, ia adalah pintu yang terbuka seluas-luasnya daripada penjara dunia kepada taman yang kekal abadi, daripada medan ujian kepada taman-taman syurga, daripada kesesakan kehidupan kepada rahmat tuhan yang al-Rahman. Manakala pertukaran singa yang buas menjadi kuda yang mudah ditunggang dan khadam yang jinak adalah isyarat bahawa kematian bagi ahli kesesatan merupakan perpisahan abadi yang menyakitkan dengan semua para kekasih. Ia juga adalah keluar daripada syurga keduniaan yang dusta kepada keseorangan berada di dalam penjara kubur. Ia juga adalah kesesatan berada di padang yang tidak berpenghujung. Manakala bagi ahli hidayah dan ahli al-Quran, ia adalah perjalanan menuju dunia yang lain. Ia adalah cara untuk bertemu dengan para kekasih dan teman-teman lama. Ia juga adalah jalan untuk memasuki tanah air sebenar dan rumah kebahagiaan abadi. Ia juga adalah jemputan mulia untuk berpindah daripada penjara dunia kepada taman-taman syurga. Ia juga adalah masa menunggu untuk menerima upah dan ganjaran terhadap khidmat yang telah dilaksanakan sebagai pemberian daripada Allah yang Rahman dan Rahim.

Ia juga adalah pelepasan dan pengecualian daripada segala tugas kehidupan dan percutian daripada melakukannya. Ia juga adalah perisytiharan berakhirnya kewajipan ber-'*ubudiyah*, tempoh peperiksaan dan taklimat.

Kesimpulan daripada kesemua yang dinyatakan di atas:

Bahawa sesiapa yang menjadi kehidupan yang fana' ini sebagai matlamat dan tujuannya, maka dia akan berada di dalam nerakan jahannam dari sudut hakikat sebenarnya, meskipun pada zahirnya dia kelihatan sedang berada di dalam keluasan nikmat.

Dan bahawa sesiapa yang mengadap kepada kehidupan yang kekal abadi dan berusaha untuknya dengan sepenuh tenaga dan keikhlasan, maka dia akan mencapai kejayaan kebahagiaan dunia dan akhirat. Dia juga layak menjadi ahli dunia dan akhirat meskipun dunianya kelihatan teruk dan sempit kerana dia melihatnya dengan manis dan lazat. Dia juga akan melihatnya sebagai sebuah dewan menunggu bagi syurga yang bakal didudukinya. Dengan itu, dia mampu menanggung segala musibah dan kesulitan dunia, bahkan bersyukur kepada tuhaninya dengan perasaan penuh kesabaran.

Ya Allah! Jadikanlah kami dari kalangan ahli kebahagiaan, ahli kesejahteraan, ahli al-Quran dan ahli keimanan. Amin

Ya Allah! Berikanlah selawat dan salamMu ke atas penghulu kami Muhammad, keluarga baginda dan sahabat baginda sebanyak huruf-huruf yang terbentuk di dalam semua perkataan yang terbentuk dengan izin Allah pada cermin ombakan udara

ketika membaca setiap perkataan daripada al-Quran oleh setiap orang yang membacanya, semenjak ia mula diturunkan hingga akhir zaman.

Rahmatilah kami dan kedua ibu bapa kami. Rahmatilah seluruh orang yang beriman, lelaki dan perempuan dengan bilangannya, dan dengan rahmatMu, wahai Tuhan yang Maha Pemberi Rahmat. Amin. Segala puji bagi tuhan sekalian alam.



Kalimah Kesembilan

Hikmat waktu-waktu sembahyang

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ * وَلَهُ الْحَمْدُ فِي السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ

“(Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. Serta pujilah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhlukNya) di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepadaNya serta pujilah Dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu zohor.”

al-Rum: 17-18

Wahai saudaraku! Engkau bertanya tentang hikmat kenapa sembahyang dikhususkan dalam kelima-lima waktu yang telah ditentukan itu. Di sini, kami hanya akan mengisyaratkan kepada satu hikmat sahaja daripada hikmatnya yang banyak.

Ya, sebagaimana setiap waktu sembahyang merupakan permulaan pertukaran masa yang hebat dan penting, ia juga merupakan cerminan tindakan Ilahi yang agung. Ia menggambarkan segala keberkahan dan restu Allah yang menyeluruh pada waktu itu. Oleh itu, sembahyang diperintah

agar didirikan pada waktu-waktu tersebut, iaitu menambahkan tasbih dan mengagungkan Allah yang Maha Besar. Juga memperbanyakkan puji-pujian dan kesyukuran terhadap segala nikmatNya yang tidak terhitung yang terhimpun di antara dua waktu sembahyang. Bagi memahami sebahagian daripada pengertian yang mendalam dan halus ini, marilah kita sama-sama mendengar dengan penuh perhatian kepada lima noktah berikut:

Pertama:

Makna sembahyang (solat) ialah tasbih, membesarkan Allah dan bersyukur kepadaNya. Iaitu menyucikanNya kerana kebesaran yang dimilikinya sama ada melalui perkataan atau perbuatan dengan berkata 'Subhanallah' dan mengagungkanNya kerana kesempurnaan yang dimilikinya sama ada melalui lafaz atau amalan dengan berkata 'Allahu akbar' dan mensyukuriNya kerana keindahan yang dimilikinya sama ada melalui hati, lidah atau jasad dengan berkata 'Alhamdulillah'.

Ini bermakna tasbih, takbir dan tahmid adalah umpama biji benih sembahyang. Ketiga-tiga perkara ini wujud dalam setiap pergerakan dan zikir sembahyang. Oleh itu, perkataan-perkataan yang baik ini diulang-ulang sebanyak 33 kali setiap kali selepas sembahyang bagi menegas dan meneguhkan pengertian sembahyang di dalam diri, kerana ketiga-tiga perkataan yang ringkas inilah yang dapat meneguhkan pengertian sembahyang dan matlamat penunaiannya.

Kedua:

Makna ibadah ialah sujud seorang hamba dalam keadaan

penuh kasih sayang yang murni, penuh penghargaan dan penuh kekaguman ke hadirat Ilahi di hadapan kesempurnaan rububiyyah, qudrah dan rahmat Ilahi dengan mengakui segala kecuaiian, kelemahan dan keberhajatan dirinya.

Ya, sebagaimana kesultanan Rububiyyah menuntut 'ubudiyyah dan ketaatan, maka kesucian dan kemurniannya juga menuntut agar hamba mengisytiharkan di samping istighfar lantaran pandangannya yang singkat bahawa tuhannya adalah suci daripada sebarang kekurangan, bahawa tuhannya adalah tertinggi daripada sebarang pemikiran ahli kesesatan dan kebatilan, dan bahawa tuhannya suci daripada sebarang kecuaiian dan kekurangan para makhlukNya. Dia hendaklah mengisytiharkan kesemua itu melalui tasbihnya dengan berkata 'Subhanallah'.

Begitu juga, *Qudrah Rububiyyah* yang sempurna menuntut daripada hamba agar memohon perlindungan daripadaNya sahaja. Si hamba juga hendaklah hanya bertawakkal kepadaNya sahaja dengan melihat keadaan dirinya yang amat lemah dan kelemahan makhluk-makhluk lain dengan berkata '*Allahu akbar*' dalam keadaan penuh kekaguman, penghargaan dan memandang baik terhadap kebesaran kesan qudrah Ilahi dengan melakukan rukuk dengan penuh tawadhuk dan khusyuk.

Begitu juga, rahmat Ilahi yang maha luas itu menuntut agar si hamba memperlihatkan keberhajatan dan kefakirannya secara khusus dan keberhajatan para makhluk yang lain secara umum dengan melakukan permintaan dan doa. Si hamba juga hendaklah mengisytiharkan ihsan yang telah dilakukan oleh tuhannya serta segala nikmatnya yang tidak

terhitung dengan bersyukur, memuji dan memujanya dengan berkata '*Alhamdulillah*'.

Ini bermakna bahawa segala perbuatan dan perkataan yang dilakukan dalam sembahyang mengandungi pengertian-pengertian ini. Kerana pengertian-pengertian inilah, maka sembahyang difardhukan oleh Allah (s.w.t).

Ketiga:

Manusia adalah model mini bagi alam yang luas ini. Surah al-Fatihah pula adalah model yang bercahaya bagi keseluruhan al-Quran. Maka sembahyang juga adalah umpama indeks bercahaya lagi menyeluruh bagi keseluruhan amal ibadat, atau umpama peta besar yang mengisyaratkan kepada segala jenis ibadat yang dilakukan oleh keseluruhan makhluk.

Keempat:

Jarum jam yang mengira saat, minit, jam dan hari, setiap satunya adalah sama, mewakili dan mengambil hukum yang sama antara satu sama lain.

Begitu juga alam dunia ini yang merupakan jam Ilahi yang terbesar. Pusingan siang dan malamnya adalah sama dengan pusingan saat untuk jam dan tahun-tahun yang mengira saat, dan peringkat umur manusia yang mengira jam, dan pusingan umur dunia yang mengira hari, semuanya adalah sama. Setiap satunya mengingatkan kepada yang lain dan mengambil hukumnya.

Contoh:

Waktu Fajar hingga terbit matahari: Ia mengingatkan

kepada permulaan musim bunga dengan menyamakannya dengan saat kewujudan manusia dalam rahim ibunya dan dengan hari pertama daripada enam hari penciptaan langit dan bumi. Dengan itu, manusia akan menyedari tentang hal ehwal Ilahi yang agung pada waktu tersebut.

Waktu Zuhur: Ia adalah sama dan menyerupai waktu pertengahan musim panas sebagaimana ia turut menunjukkan kepada zaman muda remaja dan kepada tempoh penciptaan manusia dalam umur dunia. Segala yang ada dalam waktu tersebut mengingatkan kepada jelmaan rahmat dan limpahan nikmat Ilahi.

Waktu Asar: Ia menyamai musim gugur, zaman tua dan zaman kebahagiaan yang merupakan zaman rasul terakhir, Muhammad s.a.w. Segala yang ada dalam waktu tersebut mengingatkan kepada hal ehwal Ilahi dan nikmatNya.

Waktu Maghrib: Ia mengingatkan kepada kembalinya kebanyakan binatang pada penghujung musim luruh. Ia juga mengingatkan kepada kematian manusia dan kemusnahan dunia ketika berlaku kiamat. Di samping itu, ia juga memberitahu tentang jelmaan Ilahi dan mengejutkan manusia daripada tidur dan lalai.

Waktu Isyak: Ia mengingatkan kepada kegelapan yang menyelubungi dunia dan menyembunyikan kesan yang dilakukan oleh waktu siang. Ia juga mengingatkan kepada tutupan kain putih kafan musim sejuk terhadap muka bumi yang telah mati. Ia juga mengingatkan kepada kematian kesan dan jasa yang ditinggalkan oleh seseorang yang telah meninggal dunia kerana dia akan dilupakan oleh manusia. Ia juga mengingatkan kepada tertutupnya pintu-pintu negeri medan ujian sama sekali. Semua itu mengisytiharkan

tindakan yang dilakukan oleh Allah yang Maha Perkasa.

Waktu malam: Ia mengingatkan kepada musim dingin, kubur dan alam barzakh, di samping ia turut mengingatkan betapa keberhajatan ruh manusia kepada rahmat Allah.

Tahajjud di malam hari: Ia mengingatkan kepada keperluan cahaya pada malam kegelapan kubur dan kegelapan alam barzakh. Ia juga mengingatkan kepada nikmat-nikmat tidak terhitung yang dikurniakan oleh Allah s.w.t, Pemberi Rezeki hakiki melalui segala pertukaran musim yang berlaku. Ia juga mengisytiharkan tentang betapa kelayakan pemberi rezeki itu untuk dipuji dan dipuja.

Pagi hari kedua: Ia mengingatkan kepada pagi hari kebangkitan semula. Ya, sebagaimana kedatangan pagi bagi malam, dan kedatangan musim bunga bagi musim sejuk merupakan suatu perkara yang boleh difikir, dianggap logik, diperlukan dan pasti berlaku, maka kedatangan pagi hari kebangkitan semula dan musim bunga alam barzakh merupakan juga dua perkara yang mempunyai keyakinan pasti akan berlaku yang sama.

Oleh itu, setiap waktu daripada kelima-lima waktu tersebut merupakan permulaan kepada satu pertukaran yang hebat. Ia mengingatkan kepada pertukaran-pertukaran lain yang juga hebat. Ia juga mengingatkan kepada mukjizat Allah dan hadiah rahmat Ilahi sama ada secara tahunan, semasa atau selama-lamanya melalui isyarat-isyarat tindakan agung yang berlaku secara harian itu.

Ini bermakna bahawa sembahyang fardhu yang merupakan tugas fitrah dan asas 'ubudiyah serta hutang yang mesti dilunaskan amat layak dan amat sesuai sekali untuk dilaksanakan dalam waktu-

waktu tersebut.

Kelima:

Secara fitrahnya, manusia adalah makhluk yang sangat lemah. Di samping itu alangkah banyaknya perkara-perkara yang boleh menyebabkan kedukacitaan dan kesakitannya. Manusia adalah makhluk yang amat lemah, sedangkan musuh dan musibahnya amat banyak. Manusia amat fakir sedangkan hajatnya amat banyak. Manusia adalah makhluk yang malas dan tidak mempunyai kekuatan sedangkan bebanan kehidupan amat berat. Kemanusiaannya menjadikannya terikat dengan seluruh alam ini sedangkan perpisahan dengan apa yang disayanginya dan kehilangan suatu yang disukainya amat menyakitkannya. Akalnya sentiasa memperlihatkan kepadanya matlamat-matlamat yang mulia dan hasilnya yang kekal abadi, namun tangannya singkat tidak dapat mencapainya, umurnya pendek, kudratnya juga terhad dan kesabarannya sedikit.

Ruh manusia pada waktu ini, iaitu **pada waktu Fajar** amat perlu untuk mengetuk pintu Allah yang Maha Berkuasa lagi Maha Mulia dengan doa dan sembahyang.. pintu Allah yang Maha Mengasihani lagi mempunyai keindahan. Ruh manusia itu hendaklah mempersembahkan keadaannya di hadapan Allah, memohon taufiq, pertolongan dan bantuanNya. Alangkah besar keperluan ruh tersebut kepada suatu sandaran yang kukuh untuk menanggung pekerjaan dan tugas yang sedang menantinya serta bebanan yang bakal diletakkan di atas bahunya pada siang hari tersebut? Bukankah perkara ini boleh difahami dengan mudah dan senang?

Pada waktu Zuhur pula, adalah waktu kemuncak kesempurnaan siang hari yang beransur menuju waktu petang dengan tergelincir matahari, iaitu waktu penyempurnaan segala kerja-kerja harian dan waktu meluangkan sedikit masa untuk berehat setelah penat melakukan pekerjaan.. ia adalah waktu untuk ruh menarik nafas dan berehat daripada kealpaan, kebingungan dan kekacauan yang diakibatkan oleh dunia yang binasa ini dan pekerjaan sementara yang memematkan. Lebih-lebih lagi ia adalah waktu yang menampilkan pelbagai jenis nikmat Ilahi.

Terlepasnya ruh manusia daripada segala kesempitan dan terselamatnya daripada kealpaan dan kebingungan serta keluarnya daripada segala perkara yang remeh temeh itu tidak berlaku melainkan dengan segera berlindung pada pintu Allah yang Maha Gagah lagi Kekal abadi, iaitu Tuhan Pemberi Rezeki hakiki. Iaitu dengan melakukan *tadharru'* dan bertawassul di hadapan Allah membuka kedua-dua belah tangan dalam keadaan bersyukur dan memuji terhadap segala nikmatNya yang diperoleh. Manusia juga hendaklah hanya memohon pertolonganNya sahaja. Dalam masa yang sama, manusia juga hendaklah memperlihatkan kelemahan di hadapan kebesaran dan keagungan Allah dengan melakukan rukuk. Manusia juga hendaklah mengisytiharkan kehinaan dan ketundukan dalam keadaan penuh kekaguman, pengagungan dan kasih sayang mendalam dengan melakukan sujud di hadapan kesempurnaan Allah yang tidak akan hilang dan di hadapan keindahannya yang tidak akan berubah.

Inilah hakikat kepada penunaian sembahyang zuhur. Alangkah indahnya! Alangkah lazatnya! Alangkah patut ia dilakukan! Alangkah besar keperluannya! Oleh itu, adakah wajar seseorang

manusia masih menganggap dirinya sebagai manusia jika dia tidak memahami hakikat ini?

Ketika **waktu Asar** mengingatkan kepada musim yang menyedihkan iaitu musim luruh. Ia juga mengingatkan kepada zaman tua yang menyedihkan dan hari-hari yang menyedihkan pada akhir zaman. Ia juga mengingatkan kepada zaman di mana hasil segala amalan harian akan diperlihatkan. Ia adalah masa memperoleh dan mendapat seluruh nikmat Allah yang tidak terhitung itu, seperti nikmat kesihatan, keafiatan dan kesempatan melaksanakan segala khidmat yang baik. Ia juga adalah waktu untuk mengisyiharkan bahawa manusia adalah tetamu yang diperintah dan bahawa segala benda pasti akan hancur, tidak ada satu pun yang kekal dan abadi. Keadaan ini diisyaratkan oleh kedudukan membongkok matahari yang besar itu ketika ia mula mahu tenggelam.

Ya, sesungguhnya ruh manusia yang sentiasa inginkan keabadian dan keberkekalan, dan memang ia dicipta untuk kekal abadi, dan ruh manusia yang sentiasa inginkan kebaikan dan merasa sakit apabila berpisah, ruh ini membangkitkan manusia pada waktu Asar untuk mengambil wudhuk seterusnya menunaikan solat Asar agar bermunajat di hadapan pintu Allah yang Maha Kekal dan berlindung mendapatkan kelebihan rahmat Allah yang Maha Luas. Ruh itu juga mengajak manusia agar mempersembahkan kepada Allah kesyukuran dan pujian terhadap nikmatNya yang tidak terhitung. Lalu ia rukuk dengan penuh kehinaan dan ketundukan di hadapan kemuliaan rububiyah Allah s.w.t., kemudian ia sujud dengan penuh tawaduk dan fana' di hadapan keabadian uluhiyyah Allah. Ruh ini akan memperoleh hiburan yang hakiki dan kerehatan yang

sempurna bagi ruhnyanya ketika ia berdiri melakukan ubudiyah dengan sempurna dan persediaan yang lengkap ketika berhadapan dengan keagungan kebesaran Allah s.w.t. Alangkah mulia tugas melaksanakan sembahyang asar dengan pengertian ini! Alangkah layaknya tugas yang dilaksanakan ini! Bahkan alangkah layaknya waktu untuk melunaskan hutang fitrah! Alangkah besarnya kejayaan memperoleh kebahagiaan dengan penuh kelazatan! Hanya manusia yang sebenar sahaja dapat memahami hakikat ini.

Waktu Maghrib mengingatkan kepada waktu tenggelamnya makhluk-makhluk seni lagi indah ketika tiba musim panas dan gugur ke dalam khazanah simpanan semenjak permulaan musim sejuk. Ia juga mengingatkan kepada waktu manusia memasuki kubur setelah dia meninggal dunia dan mengalami perpisahan yang menyedihkan daripada para kekasihnya. Ia juga mengingatkan kepada kematian dunia seluruhnya dengan gegaran sakaratul maut dan perpindahan seluruh makhluknya ke dunia yang lain. Ia juga mengingatkan kepada lampu dunia ujian ini yang terpadam. Oleh itu, Maghrib adalah waktu amaran dan peringatan keras bagi mereka yang cintakan liang lahad ibadat yang dikasihi yang akan tenggelam di sebalik ufuk yang menghilangkan dirinya. Oleh itu, manusia yang memiliki ruh yang jernih seperti cermin yang berkilat bersih yang secara fitrahnya amat merindukan penjelmaan keindahan abadi, bagi menunaikan sembahyang maghrib dalam waktu seumpama ini akan mengadapkan wajahnya kepada singgahsana kebesaran Tuhan yang *Qadim* secara berterusan dan tuhan yang kekal secara abadi, juga tuhan yang menguruskan pentadbiran seluruh alam dan menggantikannya seraya meninggikan suaranya dengan

berkata ‘*Allahu akbar*’. Ucapan ini dilaungkan di atas kepala seluruh makhluk yang fana’. Tangannya dibebaskan daripada makhluk-makhluk tersebut bahkan hanya digunakan untuk memberikan khidmat kepada tuannya. Dia juga hanya berdiri tegak dan sentiasa bersedia di hadapan Tuhan yang Maha Kekal lagi Maha Besar dan Tinggi dengan berkata ‘*Alhamdulillah*’ ketika berhadapan dengan kesempurnaan tuhannya yang tidak mempunyai sebarang kekurangan dan keindahanNya yang tidak mempunyai tandingan. Dia berdiri sambil memuji rahmat tuhannya yang luas dan mencakupi dengan berkata ‘إياك نعبد وإياك نستعين’ yang bermaksud ‘Hanya kepadamulah kami sembah dan hanya kepadamulah kami memohon pertolongan’. Ini dilakukannya bagi menampilkan ubudiyyahnya dan permohonan bantuannya daripada Rububiyah Tuhannya yang tidak ada sesiapa yang dapat membantu dan bagi menampilkan Uluhiyyah Tuhannya yang tiada sekutu bagiNya, dan bagi menampilkan kesultanan tuhannya yang tiada bermenteri. Lalu dia melakukan rukuk bagi memperlihatkan kelemahan dan keberhajatannya bersama-sama dengan seluruh makhluk lain ketika berhadapan dengan kebesaran Allah s.w.t. yang tidak bersempadan itu dan ketika berhadapan dengan qudrat Allah yang juga tiada berpenghujung dan ketika berhadapan dengan kemuliaan Allah yang tidak mempunyai sebarang kelemahan. Dia bertasbih dengan berkata *subhana rabbiya al-’azim*. Kemudian dia bersujud di hadapan keindahan Zat Allah yang tidak akan binasa dan di hadapan sifat-sifatNya yang suci dan tidak akan berubah dan di hadapan kesempurnaan keabadianNya yang tidak akan bertukar ganti. Dia mengisytiharkan kasih sayang dan ubudiyyahnya dengan penuh kekaguman, tenggelam dalam perasaan fana’ dan kehinaan dengan meninggalkan selain Allah dengan berkata

subhana rabbiya al-a'la yang bermaksud “Maha Suci Tuhan yang Maha Tinggi, yang Wujud, yang Indah, yang Kekal, yang Mengasihani, yang Abadi dan yang menggantikan segala yang musnah”. Dengan itu dia menyucikan Tuhannya yang Maha Tinggi itu dan yang tidak akan musnah dan terlepas daripada sebarang kekurangan, lalu dia duduk untuk melakukan *tasyahhud* dengan mengemukakan ucapan tahiyat dan selawat yang diberkati menggunakan namanya mewakili seluruh makhluk sebagai hadiah kepada Tuhan yang sentiasa indah dan Tuhan yang sentiasa besar serta mulia. Dalam masa yang sama, dia juga memperbaharui bai’ahnya dengan Rasul yang mulia dengan mengucapkan salam ke atasnya dan menzahirkan ketaatan terhadap segala arahannya. Dia melihat susunan yang indah dalam istana seluruh alam ini yang memperlihatkan kepadanya keesaan tuhan yang menjadikannya dan bersifat dengan segala ketinggian. Dengan itu imannya diperbaharui dan diberikan cahaya. Kemudian dia bertasyahhud pula kepada penunjuk rububiyah, penyampai keredhaan, penterjemah ayat-ayat kitab alam semesta yang besar ini, iaitu Muhammad yang berbangsa Arab s.a.w. Alangkah lembut dan alangkah sucinya penunaian sembahyang Maghrib! Alangkah agungnya tugas yang itulah kandungannya! Alangkah mulia dan alangkah manisnya tugas ini! Alangkah indah dan lazatnya ubudiyah ini! Alangkag agungnya hakikat yang kukuh ini! Demikianlah bagaimana kita melihat sembahyang maghrib sebagai persahabatan yang mulia dan majlis yang diberkati serta kebahagiaan yang kekal abadi dalam pertemuan yang sementara di dunia yang fana’. Adakah orang yang tidak memahami perkara ini masih menyangka dirinya manusia?

Waktu Isyak pula menghilangkan saki baki tanda waktu siang. Pada waktu itu, malam melabuhkan langsirnya ke atas dunia. Ia mengingatkan kepada tindakan-tindakan Rabbani bagi Tuhan yang bersifat menukar-balikkan malam dan siang. Dialah Tuhan yang Maha Berkuasa lagi Mempunyai Kebesaran untuk menukarkan lembaran putih dengan lembaran hitam. Ia juga mengingatkan kepada perbuatan-perbuatan Ilahi bagi Tuhan yang sentiasa memudahkan perjalanan matahari dan bulan. Dialah Tuhan yang Maha Bijaksana lagi mempunyai kesempurnaan dalam perbuatan-Nya menukar-balikkan lembaran hijau yang dihiasi dengan pelbagai hiasan pada musim panas kepada lembaran putih yang sejuk pada musim dingin.. Ia juga mengingatkan kepada hal ehwal Ilahi bagi Tuhan yang menciptakan kematian dan kehidupan melalui hilangnya tanda-tanda yang ditinggalkan oleh orang-orang yang telah meninggal dunia dengan berlalu masa yang panjang setelah mereka berpindah sepenuhnya ke alam yang lain. Oleh itu, ia adalah waktu yang mengingatkan kepada tindakan dan perlakuan Ilahi yang Maha Agung, yang mengingatkan kepada penjelmaan-penjelmaan indah bagi tuhan yang mencipta langit dan bumi ini, dan yang mengingatkan kepada terbongkarnya alam akhirat yang luas, lapang, kekal dan agung. Ia juga mengingatkan kepada kematian dunia yang sempit, fana' dan hina serta kemusnahannya secara total melalui sakratul mautnya yang menggerunkan. Ia adalah tempoh atau keadaan yang membuktikan bahawa pemilik hakiki alam ini, bahkan tuhan hakiki yang berhak disembah dan dikasihi mestilah bersifat boleh dan mampu menukar-balikkan siang dan malam, musim sejuk dan musim panas, dunia dan akhirat dengan mudah semudah membalik-balikkan lembaran-lembaran buku, lalu dia boleh menulis, merakam, memadam dan menukar dengan mudah

sesuka hatinya. Hanya Allah Tuhan yang Maha Berkuasa secara mutlak, yang hukumnya terlaksana ke atas semua makhluk sahaja boleh melakukannya.

Ruh manusia berada dalam keadaan amat lemah, fakir dan amat memerlukan. Ia juga amat bingung berada dalam kegelapan masa depan dan ketakutan terhadap apa yang disembunyikan oleh hari-hari yang mendatang. Keadaan ini mendorong manusia untuk tidak teragak-agak lagi mengulang-ulangi ketika menunaikan sembahyang Isyak sebagaimana dilakukan oleh Sayyidina Ibrahim AS yang berkata *لَا أَحِبُّ الْآفِلِينَ* “aku tidak suka kepada yang terbenam hilang”. Dengan sembahyang tersebut, dia berlindung di hadapan pintu tuhan yang disembah dan dikasihi selamanya. Dia juga bermunajat kepada tuhan yang kekal abadi di dunia dan alam yang akan binasa, dalam kehidupan dan masa depan yang gelap, bagi menyebarkan cahaya melalui persahabatan ringkas dan munajat yang sebentar. Juga untuk menyinarkan masa depannya dan merawat luka kerana kehilangan dan berpisah dengan benda wujud, teman, rakan dan kekasih dengan menyaksikan curahan rahmat Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Mengasihani serta memohon cahaya hidayahNya. Dengan itu, dunia yang telah menjadi jinak kepadanya, akan dilupakan. Iaitu dunia yang akan tersembunyi sebaik sahaja selesai menunaikan sembahyang Isyak. Dia mencurahkan pengaduan hatinya dan kesedihan dadanya di atas pintu rahmat tersebut, demi melaksanakan tugas ubudiyahnya secara penuh dan sempurna sebelum dia meneruskan perjalanan memasuki jalan yang masih belum diketahui akibatnya dan apakah yang akan berlaku selepasnya, kerana selepas itu dia akan tidur yang menyerupai kematian. Oleh itu, dia akan mengakhiri buku amalan

hariannya dengan *husnul khatimah* (kesudahan yang baik). Demi kerana semua itulah dia menunaikan sembahyang. Dia akan menjadi mulia kerana mematuhi segala arahan Tuhan yang disembah, dikasihi dan kekal daripada mematuhi segala kekasih yang akan binasa. Dia juga menjadi mulia kerana tegak berdiri di hadapan Tuhan yang Maha Berkuasa lagi Maha Mulia, bukan di hadapan makhluk yang lemah dan sentiasa meminta-minta daripada orang lain. Dia juga menjadi mulia kerana mematuhi Tuhan yang Maha Memelihara lagi Maha Mengasihani, lalu dia terselamat daripada kejahatan makhluk-makhluk yang memudaratkan yang dia gentarkan. Dengan itu, dia memulakan sembahyangnya dengan membaca al-Fatihah yang bererti puji-pujian bagi Tuhan sekalian alam, Tuhan yang Maha Mulia lagi Maha Mengasihani, Tuhan yang mempunyai kesempurnaan dan kekayaan mutlak. Bukan memuji makhluk-makhluk yang sedikitpun tidak ada faedah pada memujinya dan memang ia tidak layak untuk dipuji sama sekali, kerana ia hanya mempunyai kekurangan dan kemiskinan di samping pujian itu akan menyebabkan dia akan kekal berada dalam kehinaan kerana sentiasa diungkit dan mendapat kata-kata yang menyakitkan hati. Dengan itu dirinya akan meningkat menjadi seorang tetamu yang amat dimuliakan di alam yang luas ini, bahkan dia mendapat kedudukan seorang pegawai tinggi meskipun dia hanya seorang yang kerdil dan kecil bahkan tiada langsung. Ini semua disebabkan dia mendapat ketinggian kerana dia berkata **إِيَّاكَ نَعْبُدُ** yang bermaksud “hanya kepadaMu kami menyembah” iaitu kerana dia menisbahkan dirinya kepada raja yang memiliki hari pembalasan dan Sultan yang *Azali* serta *Abadi*. Dengan berkata **إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَ إِيَّاكَ نَسْتَعِينُ** “hanya kepadaMu kami menyembah dan hanya kepadaMu kami

memohon pertolongan” dia mengemukakan peribadatan dan permohonan kumpulan terbesar dan masyarakat majoriti seluruh makhluk demi memohon hidayah agar diberikan petunjuk kepada jalan yang lurus. Jalan lurus bercahaya yang menyampaikan kepada kebahagiaan abadi melalui kegelapan masa depan dengan berkata **إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ** “tunjukilah kami jalan yang lurus”. Seterusnya dia berfikir tentang kebesaran Allah s.w.t. dan memerhatikan bahawa segala matahari yang tersembunyi ini – yang seumpama tumbuhan dan haiwan yang sedang tidur sekarang – dan bintang yang sedang bergerak itu, adalah sebagai tentera yang taat dan dipermudahkan untuk melaksanakan perintah Allah. Setiap satu daripada matahari dan bintang ini hanyalah lampu bagi menerangi rumah tamu ini. Setiap satunya juga adalah khadam yang sedia berkhidmat. Lalu dia bertakbir dengan berkata *Allahu akbar* bagi melakukan rukuk. Kemudian ketika melakukan sujud terbesar mewakili seluruh makhluk, dia memerhatikan bagaimana segala benda yang wujud pada setiap tahun bahkan pada setiap masa -seperti makhluk-makhluk yang sedang tidur pada waktu malam ini- bahkan bumi dan alam itu sendiri, hanyalah seperti tentera yang tersusun yang sentiasa bersedia ketika ia dilepaskan daripada tugas keduniaannya hanya melalui arahan yang keluar daripada perkataan *kun fayakun*, iaitu ketika ia dihantar ke alam ghaib. Dia melihat para makhluk tersebut melakukan sujud dalam keadaan penuh tersusun ketika menghilangkan diri bersama sujud ketika tenggelam matahari sambil bertakbir membesarkan Allah dengan berkata *Allahu akbar*. Segala makhluk itu akan dibangkit dan diutuskan semula pada musim bunga dengan cara yang sama, iaitu melalui satu laungan yang menghidup dan menyedarkan kembali, yang lahir daripada arahan melalui perkataan *kun fayakun*. Setelah

itu seluruh makhluk akan bangkit dan sadar dalam keadaan penuh ketundukan dan khuyuk terhadap perintah tuhan mereka. Sebagai mengikut perbuatan makhluk-makhluk tersebut, manusia yang lemah ini turut melakukan sujud di hadapan kebesaran Allah yang Maha Pengasih yang mempunyai kesempurnaan dan yang Maha Mengasihani yang mempunyai keindahan dengan berkata *Allahu akbar* dengan penuh kasih sayang yang melimpah dengan kekaguman dan dengan kelapangan yang dipenuhi dengan kekekalan dan dengan kehinaan yang diselaputi dengan kemegahan.

Tidak syak lagi wahai saudaraku, anda telah memahami bahawa menunaikan sembahyang Isyak merupakan ketinggian dan peningkatan yang menyerupai Mikraj, maka alangkah indah tugas tersebut! Alangkah manis kewajipan itu! Alangkah tinggi khidmat tersebut! Alangkah mulia dan lazat ubudiyah itu! Alangkah layak ia sebagai suatu hakikat yang tertanam kukuh!

Jadi semua waktu sembahyang itu adalah isyarat kepada pertukaran masa yang hebat! Ia juga adalah tanda-tanda yang menunjukkan kepada tindakan-tindakan rabbani yang agung. Ia juga adalah alamat-alamat kepada kenikmatan-kenikmatan Ilahi yang menyeluruh. Oleh itu, mengkhususkan waktu-waktu tersebut untuk menunaikan sembahyang fardhu – yang merupakan hutang fitrah semulajadi – adalah mengandungi hikmat yang amat agung.

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

“Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak

mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Ya Allah! Berilah salam dan selawat Engkau kepada Rasul yang Engkau utuskan sebagai guru kepada para hambaMu, untuk mengajar mereka bagaimana mengenali dan berubudiyah kepadaMu. Rasul yang memperkenalkan khazanah namaMu, penterjemah tanda-tanda kitab alam Engkau, cermin melalui ubudiyah yang dilakukannya terhadap Rububiyah Engkau. Selawat dan salam yang sama kepada seluruh keluarga dan para sahabatnya. Rahmatilah kami, dan rahmatilah seluruh mukminin dan mukminat. Amin, dengan rahmatMu, wahai Tuhan yang Maha Penyayang.



Kalimah Kedua Puluh Satu – Maqam Satu

Berkenaan Dua Maqam: Maqam Pertama - Kerinduan kepada sembahyang

Firman Allah s.w.t. al-Nisa': 103:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

“Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.”

Pada suatu hari, salah seorang daripada mereka yang telah berumur, mempunyai tubuh yang sasa dan mempunyai kedudukan yang tinggi berkata kepada saya: “Sesungguhnya menunaikan sembahyang adalah suatu yang baik. Tetapi pengulangannya berkali-kali dalam masa sehari semalam sebanyak lima kali adalah bilangan yang amat banyak. Bilangannya yang amat banyak itu menjadikan ia suatu yang menjemukan!”

Setelah berlalu beberapa lama selepas mendengar perkataan tersebut, saya cuba mendengarkan kepada jiwa saya dan saya dapati diri saya juga turut mengungkapkan perkataan yang sama! Lalu saya membuat pemerhatian terhadap perkataan tersebut dalam tempoh yang agak lama. Tiba-tiba saya dapati perkataan tersebut sebenarnya telah

mengambil pengajaran yang sama daripada syaitan melalui jalan kemalasan. Ketika itu saya memahami bahawa seolah-olah lelaki tersebut mengungkapkan atau diungkapkan dengan perkataan itu sebagai mewakili lidah keseluruhan jiwa yang *al-ammarah bi al-su'* (yang sentiasa menyuruh melakukan keburukan). Lalu saya berkata:

Oleh kerana jiwa yang saya miliki adalah jiwa yang ammarah bi al-su', maka saya hendaklah memulakan dengannya, kerana sesiapa yang tidak mampu memperbaiki dirinya sendiri, maka sudah pasti dia tidak akan mampu memperbaiki jiwa orang lain.

Lalu saya berdialog dengan jiwa saya dengan berkata:

Wahai jiwaku! Dengarlah lima peringatan daripadaku sebagai ganti daripada perkataan yang engkau ungkapkan sedang engkau tenggelam di dalam jahil murakkab dan hanyut di dalam tidur kelalaian di atas katil kemalasan...

Peringatan Pertama

Wahai jiwaku yang malang! Adakah umur engkau abadi? Adakah engkau mempunyai janji yang diyakini bahawa engkau akan terus hidup pada tahun hadapan, bahkan pada esok hari sekalipun?

Apa yang menjadikan engkau jemu dan bosan daripada pengulangan sembahyang berkali-kali ialah kerana engkau menyangka bahawa umur engkau adalah kekal abadi. Engkau memperlihatkan diri engkau dengan segala kemewahan yang engkau miliki seolah-olah engkau kekal abadi di atas dunia ini.

Jika engkau memahami bahawa umur engkau adalah pendek dan bahawa ia berlalu secara sia-sia tanpa sebarang faedah, maka tidak diragukan lagi bahawa menggunakan sebahagian daripada dua puluh empat bahagian daripadanya demi menunaikan satu khidmat yang baik dan tugas yang merehatkan, yang merupakan rahmat kepada engkau dan wasilah untuk memperoleh kehidupan yang bahagia lagi abadi, menggunakan sebahagian daripada waktu itu tidaklah boleh menjadi sebab kejemuhan dan kebosanan, bahkan ia adalah wasilah yang membangkitkan kerinduan yang sejati dan perasaan yang indah.

Peringatan Kedua

Wahai jiwaku yang haloba! Setiap hari engkau memakan roti, meminum air dan menyedut udara untuk bernafas. Tidakkah perbuatan yang engkau lakukan secara berulang-ulang itu menyebabkan engkau merasa jemu dan bosan?

Tidak syak lagi jawapannya ialah tidak. Kerana berulang-ulang melakukan sesuatu yang diperlukan tidak menyebabkan kejemuhan dan kebosanan, bahkan ia memperbaharui rasa kelazatan. Oleh itu, sembahyang yang membawa makanan bagi hatiku, air kehidupan bagi ruhku dan bayu sepoi bahasa bagi hakikat ketuhanan yang tersembunyi di dalam tubuhku pasti tidak akan menjadikan engkau jemu dan bosan selamanya.

Ya! Sesungguhnya hati yang terdedah kepada pelbagai jenis kedukacitaan dan kesakitan yang tidak bersempadan, hati yang sentiasa terfitnah dengan segala cita-cita dan kelazatan yang tidak berpenghujung pasti tidak akan

memperoleh kekuatan dan makanan melainkan dengan mengetuk pintu Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Mulia dan yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu dengan penuh merendah diri dan pengharapan.

Sesungguhnya hati yang bergantung dengan hampir keseluruhan benda-benda wujud yang datang dan pergi dengan cepat di atas dunia yang fana' ini, tidak akan dapat meneguk air kehidupan melainkan dengan menuju kepada punca air kerahmatan Tuhan yang disembah lagi kekal dan kekasih yang abadi dengan menunaikan sembahyang.

Sesungguhnya rahsia kemanusiaan yang mempunyai perasaan yang halus, iaitu rahsia nurani ketuhanan yang dicipta dalam diri manusia untuk kekal selama-lamanya dan yang merindukan Allah secara fitrahnya, juga yang merupakan cermin bagi membalikkan jelmaan diri Allah s.w.t., sudah pasti amat perlu kepada udara untuk bernafas dalam menjalani kesibukan, kekerasan dan tekanan keduniaan yang membinasa, menjerut, berlalu dan menggelapkan. Semua itu tidak dapat dilakukan melainkan dengan menyedut udara daripada tingkap sembahyang yang ditunaikan.

Peringatan Ketiga

Wahai jiwaku yang berkeluh kesah! Hari ini engkau merasa resah dan gundah-gulana kerana mengingatkan kepenatan beribadat yang telah engkau lakukan pada masa-masa yang lalu dan kesukaran bersembahyang serta kesibukan musibah yang telah menimpa. Kemudian engkau juga memikirkan tentang kewajipan beribadat pada hari-hari akan datang serta khidmat yang perlu

dilakukan untuk menunaikan sembahyang serta kesakitan musibah yang mesti dihadapi. Oleh itu, engkau menjadi bimbang, kurang sabar, bahkan hilang sabar. Adakah keadaan ini patut lahir daripada seseorang yang berakal?

Perumpaan engkau yang tidak sabar ini sama seperti seorang ketua tentera bodoh yang mengarahkan satu pasukan yang besar daripada anggota tenteranya untuk menghadapi pihak musuh dari sebelah kanan, sedangkan pihak musuh di sebelah kanannya itu sudah pun menyertai pasukannya dan memper tahankannya. Kemudian ketua tentera itu mengarahkan saki baki anggota tenteranya yang masih ada ke sebelah kiri pihak musuh, sedangkan pada ketika itu tidak ada seorang pun tentera musuh yang berada di sana. Pada ketika itu, pihak tentera musuh dapat mengesan kelemahan yang ada lalu membuat serangan pada bahagian tengah yang sudah tidak mempunyai pertahanan lagi, lalu keseluruhan pasukannya mengalami kekalahan teruk.

Ya! Engkau wahai jiwaku, samalah seperti ketua tentera tersebut. Kesukaran dan kepenatan yang dihadapi sebelum ini telah berlalu. Maka kesakitannya juga turut berlalu. Yang tinggal hanyalah kelazatan dan kesulitannya telah bertukar menjadi pahala. Oleh itu, ia tidak lagi melahirkan kejemuan dan kebosanan, bahkan melahirkan kerinduan yang berpanjangan, perasaan kelembutan dan usaha yang bersungguh-sungguh untuk terus maju ke hadapan. Manakala untuk hari-hari yang akan datang pula, oleh kerana ia belum lagi tiba, maka berfikir tentangnya sekarang adalah suatu tindakan yang bodoh, kerana ia samalah dengan tangisan dan jeritan yang dilakukan sekarang kerana rasa dahaga dan lapar yang mungkin akan berlaku pada masa akan datang!

Oleh kerana hakikatnya adalah yang sedemikian, jika engkau mempunyai sedikit akal, maka berfikirilah tentang ibadat untuk hari ini sahaja. Katakanlah: Aku akan memperuntukkan satu jam daripadanya untuk melaksanakan satu kewajipan penting, lazat dan indah, dan bagi menunaikan satu khidmat agung dan tinggi yang mempunyai ganjaran yang besar meskipun dengan kesulitan yang sedikit ... Ketika itu, jiwa engkau yang telah merasa lemah dan sakit, tiba-tiba bertukar menjadi kuat dan manis serta cergas dan lazat.

Wahai jiwaku yang kosong daripada sifat sabar! Engkau ditugaskan untuk melakukan tiga jenis kesabaran:

Pertama: Sabar untuk melakukan ketaatan.

Kedua: Sabar daripada melakukan maksiat.

Ketiga: Sabar ketika menghadapi bala bencana.

Jika engkau pintar, ambillah hakikat yang jelas dan nyata ini daripada perumpamaan ketua tentera di atas. Ambillah pengajaran daripadanya. Berkatalah dengan penuh semangat dan kelakian: Wahai diri yang amat penyabar! Kemudian pikulkanlah ketiga-tiga jenis kesabaran tersebut di atas bahu engkau. Bersandarlah kepada kekuatan kesabaran yang tersimpan di dalam jiwa engkau dan bersifatlah dengannya dengan sebaik-baiknya. Sifat tersebut memadai bagi menghadapi segala jenis kesulitan dan musibah, selagimana engkau tidak menghambur-hamburkannya secara tersalah kepada perkara-perkara sampingan.

Peringatan Keempat:

Wahai jiwaku yang tidak berakal! Adakah

penunaian ibadat tersebut tidak mempunyai natijah dan faedah? Adakah ganjarannya terlalu kecil dan sedikit sehingga menyebabkan engkau merasa jemu, bosan dan bimbang? Bukankah kita akan tetap bekerja dan berusaha serta berpenat lelah tanpa jemu jika ada orang yang menjanjikan sama ada sesuatu yang baik atau yang buruk di sebalik pekerjaan yang dilakukan?

Sesungguhnya sembahyang adalah makanan bagi hati engkau yang lemah lagi fakir. Ia juga adalah ketenangan bagi hati di tempat persinggahan yang sementara ini, iaitu dunia. Ia juga adalah makanan dan cahaya bagi kediaman yang pasti engkau akan ke sana nanti, iaitu kubur. Ia juga adalah janji setia dan pelepasan ketika berada di mahkamah agung yang pasti engkau akan dibawa ke sana nanti. Sembahyang juga akan menjadi cahaya dan kenderaan *buraq* ketika engkau meniti di atas titian *al-sirat al-mustaqim* yang sudah pasti engkau akan melaluinya nanti ... Jika demikianlah ganjaran yang akan diperolehi daripada sembahyang yang ditunaikan, maka adakah ia tidak mempunyai sebarang natijah dan faedah? Atau adakah ia mempunyai ganjaran yang sedikit?

Jika ada seseorang berjanji akan memberikan hadiah kepada engkau sebanyak 100 ringgit dengan syarat engkau hendaklah bekerja dengannya selama seratus hari, maka engkau akan berusaha keras untuk bekerja tanpa jemu dan bosan dengannya hanya bersandarkan janjinya. Sedangkan dia mungkin memungkiri janjinya itu. Bagaimana keadaannya jika engkau dijanjikan oleh seseorang yang sama sekali tidak pernah memungkiri janjinya? Memungkiri janji di sisinya adalah mustahil! Dia berjanji akan memberikan balasan pahala dan ganjaran yang besar, iaitu syurga, serta

hadiah agung iaitu kebahagiaan yang kekal abadi, dengan syarat engkau hendaklah menunaikan satu kewajipan dan tugas yang kecil lagi merehatkan dalam tempoh waktu yang amat pendek sekali. Tidakkah engkau terfikir bahawa jika engkau langsung tidak menunaikan tugas dan khidmat yang kecil itu atau engkau menunaikannya tanpa perasaan suka kepadanya atau engkau hanya menunaikannya kadang-kadang, tidakkah engkau terfikir bahawa engkau sebenarnya telah memperkecil-kecilkan hadiahnya dan mempersoal serta tidak mempercayai janjinya? Dengan demikian, tidakkah engkau layak untuk diajar dan diseksa dengan seksaan yang pedih? Tidakkah perkara-perkara ini membangkitkan keazaman engkau untuk menunaikan tugas yang amat mudah dan ringan ini kerana takutkan penjara abadi iaitu neraka jahannam? Sedangkan engkau sanggup melakukan kerja-kerja yang sukar dan memenatkan tanpa jemu dan bosan kerana takutkan penjara dunia? Apalah sangat penjara dunia ini jika dibandingkan dengan penjara jahannam yang abadi itu?

Peringatan Kelima

Wahai jiwaku yang cintakan dunia! Adakah kelesuan engkau beribadat dan kecuaian engkau menunaikan sembahyang berpunca daripada kesibukan keduniaan engkau yang banyak? Atau adakah kerana engkau tidak mempunyai peluang kerana gelisah terhadap tuntutan hidup yang menekan?!

Alangkah ajaibnya! Adakah engkau diciptakan untuk kehidupan dunia ini semata-mata, sehingga engkau menghabiskan segala masa yang ada kerananya sahaja?

Perhatikanlah! Dari sudut kekuatan, kekuatan engkau tidakpun menyamai kekuatan seekor burung yang paling kecil untuk memperoleh segala keperluan hidup, meskipun engkau adalah makhluk Allah yang paling mulia secara fitrahnya. Kenapakah engkau tidak memahami daripada keadaan ini bahawa tugas asal engkau, bukanlah untuk tenggelam di dalam kehidupan dunia dan bertungkus lumus kerananya semata-mata seperti binatang, tetapi tugas engkau ialah berusaha secara berterusan demi kehidupan abadi selayaknya engkau sebagai seorang manusia sebenar? Lebih daripada itu, kebanyakan perkara yang menjadi kesibukan keduniaan engkau hanyalah kesibukan yang langsung tidak mendatangkan faedah. Ia hanyalah perkara-perkara yang engkau campurtangan di dalamnya tanpa ada kepentingan. Engkau sebenarnya membuang masa engkau yang berharga pada sesuatu yang tidak bernilai, tidak ada keperluan dan tidak ada faedah ... seperti berusaha untuk mengetahui bilangan ayam yang ada di Amerika! Atau untuk mengetahui jenis gelang yang mengelilingi planet Zuhul. Seolah-olah dengan mengetahuinya engkau mendapat sedikit ilmu tentang astronomi dan perangkaan!! Dengan sebab itu, engkau meninggalkan sesuatu yang diperlukan, sesuatu yang lebih penting dan lebih mesti, seolah-olah engkau akan dipanjangkan umur selama ribuan tahun lagi?

Jika engkau berkata: “Yang memaling dan melemahkan aku daripada sembahyang dan ibadat bukanlah perkara-perkara remeh temeh seperti yang disebutkan. Tetapi ia adalah perkara yang amat diperlukan demi kelangsungan kehidupan ini.” Jadi, dengarkanlah daripadaku perumpamaan berikut:

Upah harian yang diperoleh oleh seseorang ialah

sebanyak seratus *qurush*. Kemudian dia dipanggil oleh seorang lelaki yang berkata: “Kemarilah! Gali lubang di sini selama sepuluh minit kemudian engkau akan menemui batu permata yang indah seperti zamrud yang nilainya ialah seratus ringgit” Alangkah gila dan alasan yang tidak menasabah jika dia menolaknya dengan berkata: “Tidak! Saya tidak akan lakukan, kerana upah harian saya akan berkurangan!”

Demikian jugalah keadaan engkau. Jika engkau meninggalkan sembahyang yang difardhukan, maka segala hasil daripada usaha dan amalan engkau dalam taman tersebut akan terbatas pada perbelanjaan keduniaan yang sedikit tanpa engkau mendapat faedah dan keberkatannya. Sedangkan jika engkau menggunakan waktu rehat engkau ketika waktu kerja untuk menunaikan sembahyang yang merupakan wasilah bagi kerehatan jiwa dan pernafasan hati, maka engkau dapat menambah perbelanjaan dan bekalan akhirat di samping perbelanjaan keduniaan engkau yang akan diberkati. Ini engkau akan peroleh melalui sumber yang agung iaitu melalui dua khazanah maknawi yang kekal, iaitu:

Khazanah Pertama:

Engkau akan mengambil⁴ bahagian engkau daripada tasbih yang diucapkan oleh setiap benda yang engkau lakukan dengan niat yang ikhlas yang terdiri daripada bunga-bunga, buah-buahan dan tanam-tanaman di dalam kebun engkau.

Khazanah Kedua:

⁴ Maqam ini merupakan pengajaran bagi seorang pekerja di dalam taman. (Pengarang)

Setiap benda yang memakan hasil daripada kebun engkau, sama ada binatang atau manusia, sama ada manusia yang memakannya melalui jalan membeli atau mencuri, maka ia menjadi seperti sedekah jariah bagi engkau jika engkau menganggap diri engkau sebagai wakil dan pegawai yang ditugaskan untuk mengagihkan harta Allah s.w.t. kepada para makhlukNya. Iaitu engkau bertindak atas nama Allah, Tuhan Pemberi Rezeki yang sebenar dan berdasarkan keredhaanNya.

Sekarang perhatikanlah pula orang yang meninggalkan sembahyang. Bukankah besar kerugiannya? Bukankah dia kehilangan kekayaan yang amat banyak? Bukankah dia akan terus kehilangan dan muflis daripada memperoleh kekayaan daripada dua khazanah yang sentiasa membekalkan kekuatan maknawi kepada manusia dan mendorongnya untuk bekerja dan berusaha dengan aktif? Bukankah sehingga dia mencapai umur tua pun dia akan bosan dan jemu seraya berkata: “Kenapakah aku perlu memenatkan diriku? Untuk siapakah aku bekerja? Aku pasti akan meninggalkan dunia ini esok!” Dengan itu, dia mencampakkan dirinya ke dalam dakapan kemalasan.

Sedangkan lelaki pertama berkata: “Aku akan berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan kerja yang halal di samping ibadatku yang bertambah-tambah, agar aku dapat mengirimkan cahaya ke kuburku dan dapat membuat simpanan yang lebih banyak untuk akhiratku.”

Kesimpulan:

Ketahuiilah wahai jiwa! Semalam sudah pun berlalu. Esok pula belum lagi tiba. Tiada jaminan bahawa engkau akan memilikinya. Oleh itu, perkirakanlah umurmu yang hakiki iaitu hari ini.

Paling kurangnya, gunakanlah satu jam daripadanya untuk diletakkan di dalam peti simpanan akhirat, iaitu masjid atau sejadah agar masa depan yang hakiki terjamin bagi engkau.

Ketahuiilah juga bahawa setiap hari baru adalah pintu baru yang terbuka bagi alam yang baru bagi engkau dan bagi orang lain juga. Jika engkau tidak menunaikan sembahyang pada hari tersebut, maka alam hari itu akan berlalu menuju ke alam ghaib dalam keadaan gelap, mengadu dan berdukacita. Ia juga akan menjadi saksi bahawa engkau mengabaikannya.

Setiap orang daripada kita mempunyai alamnya yang tersendiri daripada alam tersebut. Jenis alam kita mengikut amalan dan hati kita sendiri. Perumpamaannya adalah sama seperti cermin. Gambaran yang kelihatan pada cermin adalah sama dengan warna dan jenis cermin itu. Jika cermin berwarna hitam, maka gambar yang kelihatan pada cermin juga hitam. Jika cermin berkilat, maka gambar yang kelihatan adalah jelas. Jika cermin tidak berkilat, maka gambar akan kelihatan hodoh, bahkan sesuatu yang kecil akan kelihatan besar dan tidak cantik ... Begitu juga engkau wahai jiwa. Dengan hati, akal dan amalan, engkau dapat mengubah gambaran alam engkau. Dengan pilihan dan kehendak engkau, engkau boleh menjadikan alam ini menjadi saksi bahawa engkau mengambil berat atau mengabaikannya.

Demikianlah jika engkau menunaikan sembahyang dan dengan sembahyang tersebut engkau menghadap Tuhan yang Maha Mencipta alam tersebut lagi Maha Besar, maka alam

tersebut akan bercahaya dan menuju kepada engkau dengan segera, seolah-olah dengan niat sembahyang itu engkau telah membuka suis cahaya lalu suis itu diterangi dengan lampu sembahyang engkau, dan menghilangkan kegelapan ... Ketika itu, segala keadaan kucar kacir dan dukacita yang melingkari engkau di dunia akan bertukar menjadi sistem yang tersusun rapi, menjadi tulisan yang mempunyai makna tertentu yang ditulis dengan kalam Quدرات Rabbani, lalu terpancarlah salah satu cahaya daripada cahaya Allah.

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

“Allah yang menerangi langit dan bumi.”

Cahaya tersebut terpancar dan mengalir masuk ke dalam hati engkau lalu menyinari alam hari engkau tersebut dan memberikan penyaksiannya kepada Allah tentang cahaya engkau itu.

Wahai saudaraku! Awaslah daripada berkata:

“Alangkah jauhnya sembahyangku daripada mencapai tahap sembahyang tersebut?”

Kerana biji benih menanggung segala sifat-sifat pohon tamar yang sudah besar utuh itu di dalam bijiannya. Perbezaan hanya tersebut dari sudut penjelasan secara ringkas atau huraian. Begitu juga sembahyang yang dilakukan oleh orang awam, iaitu orang-orang seperti aku dan engkau. Dalam sembahyang itu terdapat sebahagian daripada cahaya tersebut dan terdapat satu rahsia daripada hakikat tersebut, sebagaimana yang terdapat di dalam sembahyang yang dilakukan oleh para wali Allah yang salih sekalipun perasaannya tidak merasakan demikian sedikitpun. Manakala

kadar bercahayanya sembahyang tersebut, maka ia berlaku dengan kadar yang berbeza-beza, sebagaimana berbezanya peringkat yang berlaku kepada sesuatu biji benih sebelum ia bertukar menjadi sebuah pohon yang besar dan kukuh. Meskipun sembahyang mempunyai darjat atau martabat yang lebih banyak, namun ia tetap mempunyai asas daripada hakikat rabbani tersebut.

Ya Allah! Sampaikanlah selawat dan salam kepada orang yang berkata “Sembahyang adalah tiang agama”,⁵ serta kepada keluarga dan seluruh sahabat baginda.



⁵ Pengarang al-Maqasid berkata: “Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam al-Sha’b dengan sanad yang dha’if. Saya berkata: Hadis ini dibangsakan kepada al-Baihaqi di dalam al-Jami’ al-Saghir daripada Ibn ‘Umar. Hadis ini juga disebutkan oleh al-Ghazali di dalam al-Ihya’ dan diriwayatkan oleh Abu Nu’aim daripada Bilal bin Yahya, katanya: “Seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w. bertanyakan baginda tentang sembahyang. Lalu baginda menjawab: “Sembahyang adalah tiang agama.” Hadis ini mursal dan perawinya adalah thiqah. (Dengan ringkasan daripada *Kashf al-Khafa’*) – Penterjemah.

Maqam Kedua⁶

Penyakit was-was dan rawatannya

Mengandung lima penawar bagi lima kecederaan hati;

رَبِّ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ هَمَزَاتِ الشَّيْطَانِ وَاَعُوْذُ بِكَ رَبِّ اَنْ يَّحْضُرُوْنِ

“Dan katakanlah: “Wahai Tuhanku, aku berlindung kepadaMu daripada hasutan syaitan-syaitan. Dan aku berlindung kepadaMu, wahai Tuhanku, supaya syaitan-syaitan itu tidak menghampiriku.”

al-Mu'minun: 97-98

Wahai saudaraku yang diuji dengan penyakit was-was! Adakah engkau tahu, was-was engkau itu sama dengan apa? Ia sebenarnya hampir-hampir sama dengan musibah. Ia bermula dalam keadaan kecil, kemudian ia akan membesar sedikit demi sedikit menurut sejauhmana engkau mengambil berat dan memberikan perhatian terhadapnya. Ia juga akan hilang dan terhapus menurut sejauhmana engkau mengabaikan dan tidak menghiraukannya. Oleh itu, ia akan menjadi besar jika engkau merasa ia besar dan kecil jika engkau memandangnya kecil. Jika engkau merasa bimbang terhadapnya, ia akan memijak engkau dan memutarakan kepala engkau

⁶ Daripada Kalimah Kedua Puluh Satu

dengan pelbagai penyakit. Jika engkau tidak bimbang terhadapnya, ia akan menghilang dan bersembunyi. Jika engkau tidak mengetahui hakikat ini, ia akan berterusan dan menjadi kuat. Tetapi jika engkau mengetahui hakikatnya secara mendalam, ia akan mengecil bahkan seterusnya menghilang. Jika demikianlah keadaannya, saya akan menerangkan kepada anda lima bentuk yang banyak berlaku. Saya berharap dengan membuat penjelasan tentangnya dengan pertolongan Allah, ia akan menjadi penawar kepada hati kita, kerana kejahilan akan menjadikan kita was-was, sedangkan dengan ilmu sebaliknya akan menghalang daripada berlaku keburukannya. Jika anda jahil tentangnya, ia akan datang dan mendekati anda. Tetapi apabila anda mengenalinya, ia akan berundur dan melarikan diri.

Bentuk Pertama:

Pertamanya, syaitan akan melemparkan kekeliruannya ke dalam hati. Kemudian dia akan memerhatikan kesannya yang mungkin berlaku di dalam jiwa manusia. Jika was-was tersebut diingkarkan oleh hati, ia akan bertukar daripada kekeliruan kepada celaan dan makian. Syaitan menggambarkan khayalan sesuatu yang menyerupai celaan terhadap lintasan hati yang keji dan bisikan yang bercanggah dengan adab yang menjadikan hati tertekan di bawah tekanan kekecewaan lalu ia menjerit: “Alangkah kecewanya! Alangkah besar musibah yang menimpa!” Ia menyangka bahawa hatinya telah melakukan dosa dan telah melakukan satu kesalahan besar terhadap Tuhannya yang Maha Mulia. Ia juga merasa kucar kacir, beremosi dan gelisah, lalu terlepas daripada *ikatan* sakinah dan ketenangan malahan cuba untuk tenggelam di dalam lubuk kealpaan.

Ubat atau penawar kepada luka ini ialah:

Wahai saudaraku yang terkena ujian lagi dikasihani! Janganlah anda takut atau merasa kucar kacir. Kerana apa yang tergambar dalam cermin pemikiran engkau bukanlah cercaan dan celaan. Tetapi ia hanyalah beberapa gambaran khayalan yang melintasi cermin khayalan anda. Oleh kerana mengkhayalkan kekufuran bukanlah kekufuran, maka begitu juga mengkhayalkan cercaan bukanlah cercaan. Memang dimaklumi bahawa mengkhayalkan sesuatu tidak tertakluk kepadanya sebarang kesan hukum, manakala apabila cercaan itu benar-benar dilakukan barulah tertakluk kepadanya hukum tertentu. Lebih daripada itu, perkataan-perkataan yang tidak baik itu bukanlah lahir daripada hati kecil anda sendiri, kerana hati kecil anda merasa menyesal dan tidak suka terhadapnya. Mungkin ia datang daripada sentuhan syaitan yang berdekatan dengan hati seseorang. Oleh itu, kemudatan was-was ialah jika kita merasakan atau menjangkakan kemudatan, iaitu kemudatan was-was terhadap hati kita ialah apa yang kita sangkakan kemudatannya kepada kita. Seseorang hanya mengkhayalkan sesuatu yang tidak mempunyai asas sedikitpun seolah-olah ia adalah suatu yang benar dan hakiki. Lalu dilabelkan kepadanya perbuatan-perbuatan syaitan yang dia sedikitpun tidak mempunyai kaitan dengannya. Seterusnya dia menyangka bahawa bisikan syaitan itu adalah datang daripada lintasan hatinya sendiri. Dia menggambarkan bagaimana kemudatannya dan akhirnya dia terjatuh ke dalam kemudatan tersebut. Inilah apa yang dikehendaki oleh syaitan itu sendiri.

Keadaan Kedua:

Ketika sesuatu pengertian keluar daripada hati untuk menembusi khayalan, ia bebas daripada sebarang gambaran. Ketika berada di dalam khayalanlah pengertian itu akan memakai pelbagai bentuk dan gambaran. Kerana sebab-sebab tertentu, khayalan sentiasa akan memakaikan pakaian tertentu kepada pengertian tersebut. Khayalan juga akan menayangkan gambar-gambar yang diambil berat olehnya sepanjang perjalanan. Oleh itu, sebarang pengertian yang datang, maka sama ada khayalan akan memakaikan kepadanya sesuatu gambaran atau menggantungkan gambaran itu pada pengertian tersebut atau mengotorkan pengertian tersebut dengan gambaran tertentu, atau menyembunyikan terus pengertian itu. Jika pengertian yang terlintas adalah bersih dan suci, dan gambaran atau pakaian adalah kotor dan cemar, maka sebenarnya tidak berlaku pemakaian dan penutupan ketika itu. Tetapi ia hanyalah sentuhan sahaja. Sebab itulah, seorang yang was-was kadangkala merasa keliru antara sentuhan dengan pemakaian atau penutupan, lalu dia akan berkata kepada dirinya: “Alangkah celakanya! Hatiku telah terjerumus ke lembah kebinasaan. Kerendahan dan kehinaan jiwa menjadikan aku termasuk ke dalam golongan yang terpinggir daripada rahmat Allah.” Dengan itu, syaitan mengambil peluang daripada perasaan yang sensitif ini secara berleluasa.

Ubat atau penawar kepada luka yang dalam ini ialah:

Najis yang berada di dalam perut anda tidak memberikan kesan dan tidak membatalkan sembahyang yang anda lakukan, bahkan memadai jika anda hanya melakukan taharah

yang berbentuk luaran dan jasmani sahaja. Begitu juga dengan pengertian-pengertian keji dan buruk yang tertempel pada pengertian-pengertian yang suci dan kudus. Contohnya:

Mungkin anda sedang melakukan *tadabbur* (pemerhatian) terhadap salah satu ayat al-Quran. Tiba-tiba anda didatangi oleh satu perkara yang merangsang anda seperti sakit yang bersangatan atau terasa mahu membuang air besar atau air kecil. Ia merempuh masuk ke dalam khayalan anda dengan kuat. Tidak syak lagi, sudah pasti khayalan anda akan terdorong untuk berfikir tentang ubat kepada sakit yang anda alami atau bagaimana mahu membuang air besar atau air kecil, iaitu menggambarkan gambaran-gambaran yang rendah dan keji. Dengan itu, pengertian-pengertian tinggi yang sedang berlegar dalam *tadabbur* anda telah dicelahi oleh khayalan-khayalan yang rendah.

Biarkanlah ia! Tiada sebarang kemudahan, kekotoran dan bahaya. Yang bahaya ialah jika anda menumpukan perhatian padanya dan menyangka ia mengandungi bahaya.

Kedadaan Ketiga:

Terdapat beberapa hubungan tersembunyi di antara benda-benda. Bahkan mungkin terdapat jaringan hubungan di antara benda-benda yang tidak kita jangkakan. Jaringan hubungan ini mungkin wujud secara realiti atau ia hanyalah hasil daripada khayalan yang membuat jaringan hubungan tersebut mengikut kerja yang dilakukan. Inilah rahsia kenapa kadangkala berlakunya kedatangan beberapa khayalan yang buruk ketika melihat perkara-perkara yang suci dan kudus. Ini adalah kerana pertentangan yang menjadi sebab

kerenggangan yang berlaku di luar, menjadi pendorong untuk melakukan pendekatan dan penjiranan dalam bentuk gambaran dan khayalan sebagaimana yang dimaklumi dalam ilmu *al-bayan*. Maksudnya hanya khayalan sahaja yang dapat menghimpunkan di antara dua benda yang saling bertentangan. Segala lintasan yang lahir dengan cara ini dinamakan sebagai ‘kekecamukan pemikiran’. Contohnya:

Ketika anda sedang bermunajat kepada Allah di dalam sembahyang dengan penuh khusyuk, *tadharru’* (merendah diri) dan dengan hati yang hadir, tiba-tiba ‘kekecamukan pemikiran’ membawa anda kepada perkara-perkara buruk dan keji lagi memalukan serta tidak langsung mempunyai hubungan dengan anda. Wahai saudaraku! Jika anda dicuba dan diuji dengan ‘kekecamukan pemikiran’, maka janganlah sekali-kali anda merasa gelisah dan berdukacita. Bahkan anda hendaklah kembali kepada keadaan fitrah anda sebaik sahaja anda menyedarinya. Janganlah anda menyibukkan diri anda dengan berkata: “Aku telah melakukan kecuaiian yang banyak ...” Kemudian anda hendaklah mencari sebabnya ... Anda juga hendaklah melaluinya begitu sahaja, agar hubungan yang lemah dan sepintas lalu itu tidak menjadi kuat dengan penumpuan yang anda berikan kepadanya. Kerana setiap kali anda memperlihatkan dukacita dan kesedihan, serta melebihkan tumpuan kepadanya, maka lintasan itu akan bertukar kepada adat kebiasaan yang amat tertanam kukuh secara berperingkat-peringkat sehingga ia akhirnya bertukar menjadi penyakit khayalan. Tetapi janganlah anda bimbang sama sekali! Ia bukanlah penyakit hati, kerana bisikan kejiwaan dan lintasan khayalan ini pada kebiasaannya akan tetap terbentuk dan terjadi meskipun ia tidak menjadi kehendak seseorang individu. Ia pada kebiasaannya terjadi

pada diri seseorang yang mempunyai keperibadian yang halus dan sensitif serta tabiat yang serius. Syaitan pula akan teguh mencengkam bersama dengan perasaan was-was ini.

Ubat atau penawar kepada penyakit ini ialah:

Ketahui bahawa anda tidak dipertanggungjawabkan terhadap ‘kekecamukan pemikiran’, kerana pada kebiasaannya ia berlaku di luar kehendak anda. Dalam pemikiran yang berkecamuk itu tidak berlaku sebarang percampuran dan persentuhan, tetapi hanya berlaku ‘perjiranan’ sahaja. Oleh itu, semua tabiat pemikiran tidak merebak dan berjangkit antara satu sama lain. Oleh itu, ia saling tidak memudaratkan. Sebagaimana berdekatnya kedudukan malaikat ilham dengan syaitan di sekeliling hati manusia tidak memberikan sebarang kemudaratkan, maka begitu juga berdekatnya kedudukan golongan yang baik dengan golongan yang jahat dan keberadaan mereka pada satu tempat tidak mendatangkan sebarang mudarat. Begitu juga halnya jika lintasan-lintasan hati yang buruk yang tidak disengajakan bercampur baur dengan pemikiran-pemikiran yang suci dan murni, maka keadaan tersebut sedikitpun tidak akan mendatangkan kemudaratkan jika ia tidak disengajakan, atau jika anda tidak terlalu menyibukkan diri anda dengannya sehingga anda menyangka ia akan mendatangkan mudarat kepada anda. Kadang-kala hati berada dalam keadaan kepenatan, maka pemikiran akan disibukkan dengan sesuatu yang tidak mendatangkan faedah secara kebetulan, lalu pada ketika itu, syaitan mengambil peluang dengan mengemukakan khayalan-khayalan yang keji dan menghamburkannya di sana sini.

Keadaan Keempat:

Iaitu sejenis was-was yang terbit daripada sikap keras yang melampau ketika mencari kesempurnaan amalan yang paling tinggi. Ketika sikap ini bertambah meskipun atas alasan taqwa dan warak, maka keadaannya akan bertambah buruk dan kompleks. Bahkan kadang-kadang dia mungkin terjatuh dalam perkara haram sedangkan ketika itu dia mahu memperoleh amalan salih yang paling sempurna. Kadang-kadang dia meninggalkan satu perkara wajib kerana mahu mendapat satu perkara ‘sunat’ kerana dia sentiasa bertanya sejauhmana kesahihan dan penerimaan amalan yang dilakukannya, lalu anda dapati dia akan sentiasa mengulangi-ulangi amalan tersebut seraya berkata: “Pada pendapat engkau, adakah amalan saya ini sah?” Keadaan berterusan hinggalah dia merasa kecewa dan berputus asa. Lalu syaitan mengambil kesempatan daripada kedudukannya itu dengan melepaskan panahnya sehingga menyebabkan luka dan kecederaan yang dalam.

Terdapat dua penawar bagi luka ini:**Penawar pertama:**

Ketahuilah bahawa was-was seumpama ini hanya layak bagi golongan Muktazilah yang berkata: “Sesungguhnya segala perbuatan para mukallaf dari sudut pembalasan akhirat adalah baik atau buruk pada zat dirinya sendiri. Kemudian syarak datang untuk mengesahkan bahawa perbuatan ini adalah baik dan perbuatan itu adalah buruk. Iaitu baik dan buruk adalah dua perkara tersendiri yang wujud pada tabiat segala benda menurut pembalasan akhirat. Manakala perintah dan larangan

yang datang daripada Allah hanyalah datang kemudian dan ia hanya mengesahkan kebaikan atau keburukan sesuatu perkara.” Oleh itu, tabiat mazhab ini akan menjadikan manusia sentiasa mempersoalkan amalannya dengan berkata: “Adakah amalanku telah dilakukan dalam keadaan yang paling sempurna dan diredhai Allah s.w.t. sebagaimana zat diri amalan itu sendiri atau tidak?” Manakala golongan kebenaran iaitu *ahlus sunnah wal jama'ah* pula berkata: “Sesungguhnya apabila Allah s.w.t. memerintahkan sesuatu, maka benda itu adalah baik dan apabila Dia melarang daripada sesuatu, maka benda itu adalah buruk.” Maka dengan perintah dan larangan Allah, barulah sesuatu benda itu dapat dipastikan ia adalah baik atau buruk. Iaitu baik atau buruknya sesuatu benda adalah pada pandangan mukallaf itu sendiri dan kedua-duanya bergantung kepada kesudahannya di akhirat tanpa memandang kepadanya di dunia. Contohnya:

Jika anda berwudhuk dan bersembahyang, yang pada ketika itu terdapat sesuatu tersembunyi yang membatalkan sembahyang atau wudhuk anda, sedang anda tidak mengetahuinya, maka dalam keadaan ini, sembahyang dan wudhuk anda adalah sah dan baik dalam waktu yang sama. Tetapi di sisi Muktazilah, kedua-duanya adalah rosak dan batal dari sudut hakikat sebenarnya, tetapi kedua-duanya adalah diterima kerana kejahilan anda tentangnya, kerana kejahilan adalah satu keuzuran.

Demikianlah wahai saudaraku yang dicuba! Dengan mengambil mazhab *ahlus sunnah wal jama'ah* amalan anda akan menjadi sah tiada cacat cela padanya kerana ia selaras dengan zahir syarak. Awaslah anda daripada berwas-was tentang kesasihan amalan anda, tetapi dalam masa yang sama juga janganlah anda tertipu dengan amalan tersebut, kerana

anda tidak tahu secara yakin adakah ia diterima di sisi Allah atau tidak!

Penawar kedua:

Ketahuiilah bahawa Islam adalah agama Allah yang benar. Agama yang mudah, tiada sebarang kesempitan padanya. Kesemua mazhab yang empat itu berada di atas kebenaran. Jika seseorang mendapati dirinya telah melakukan kecuaiian, maka dia hendaklah mengelakkan dirinya dengan melakukan istighfar yang lebih berat timbangannya daripada perasaan tertipu dan terpedaya yang lahir akibat perasaan kagumnya terhadap amalan salih yang dilakukannya. Oleh itu, jika seseorang yang merasa was-was melihat dirinya telah berlaku cuai dalam amalannya, lalu dia beristighfar kepada tuhannya, maka tindakannya itu seribu kali lebih baik daripada dia terus tertipu dan terpedaya dengan amalannya. Dengan yang demikian, anda hendaklah membuang segala perasaan was-was dan menjeritlah kepada syaitan dengan berkata: “Sesungguhnya keadaan ini (was-was) adalah satu kesempitan. Sedangkan untuk mengetahui keadaan sebenar adalah satu perkara yang amat sukar, bahkan bercanggah dengan kemudahan yang menjadi ciri khusus agama Islam dan bertentangan dengan kaedah *الدِّينُ يُسْرٌ لَا حَرَجَ فِي الدِّينِ*”

“*Tiada kesempitan dalam agama dan kaedah agama itu mudah*”. Sudah pasti amalan saya ini bertepatan dengan salah satu daripada mazhab Islam yang benar. Ini sudah mencukupi buatku untuk menjadi jalan buatku mencampakkan diriku di hadapan Tuhan yang menciptakanku dalam keadaan sujud dan bertadharru’ memohon keampunanNya, serta mengakui kecuaiianku dalam melakukan amalan. Dia adalah Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Menyahut Permintaan.

Keadaan Kelima:

Iaitu was-was yang menyerupai pelbagai bentuk kekeliruan dalam isu-isu keimanan:

Ramai orang terkeliru sehingga menganggap kebingungan khayalan sebagai hasil daripada pemikiran akalnya sendiri. Iaitu dia menyangka kekeliruan yang menyelubungi khayalannya seolah-olah sesuatu yang diterima oleh akalnya, atau daripada kekeliruan akalnya sendiri. Lalu dia menyangka bahawa pegangan dan iktikadnya sudah rosak.. Kadang-kala dia menyangka bahawa khayalan yang digambarkan oleh kekeliruannya itu diterima dan dibenarkan oleh akalnya.. Mungkin dia menyangka bahawa segala pemikiran dalam isu kekufuran adalah kufur, iaitu dia menyangka bahawa semua bentuk pencarian, pemeriksaan, pengkajian, pemantauan dan keputusan yang diputuskan oleh akal yang bebas bagi mengetahui sebab-sebab kesesatan adalah bercanggah dengan iman. Lalu dia menggeletar dan menggigil berhadapan dengan segala ajaran dan hasutan syaitan itu sambil berkata: “Alangkah celakanya aku! Hatiku telah sesat dan iktikadku telah rosak dan cedera.” Bahkan mungkin dia tidak mampu memperbaiki keadaan tersebut dengan kehendaknya sendiri kerana tidak mempunyai kehendak yang mutlak, maka dia akan terjerumus ke lembah kekecewaan yang membunuh.

Rawatan bagi kecederaan ini adalah sebagaimana berikut:

Sesungguhnya menggambarkan kekufuran bukanlah kufur, sebagaimana mengkhayalkan kekufuran bukanlah kufur.

Begitu juga, menggambarkan kesesatan bukanlah kesesatan, maka berfikir tentang kesesatan bukanlah kesesatan. Ini adalah kerana khayalan, sangkaan, gambaran dan fikiran adalah berlainan langsung dengan pembenaran akal dan ketundukan hati.. Khayalan, sangkaan, gambaran dan fikiran adalah perkara-perkara bebas yang tidak bersempadan. Oleh itu, ia tidak terikat atau mempunyai hubungan dengan sudut *ikhtiyar* (pilihan) yang ada pada kehendak seseorang manusia. Pada banyak keadaan, ia juga tidak tunduk di bawah tanggungjawab keagamaan. Sedangkan pembenaran dan ketundukan tidak demikian sifatnya. Kedua-duanya tunduk di bawah satu neraca. Khayalan, sangkaan, gambaran dan fikiran juga bukanlah pembenaran dan ketundukan, maka ia tidak dianggap sebagai kekeliruan dan keraguan. Tetapi jika keadaan ini sentiasa berulang-ulang mendatangi seseorang tanpa alasan sehingga ia mencengkam kuat pada dirinya, mungkin ia akan melahirkan satu jenis kekeliruan yang sebenar. Kemudian orang yang was-was itu mungkin akan tergelincir kerana ia akan berada di sebelah sana (yang berlawanan dengan iman) atas nama keputusan akal yang bebas atau atas nama keadilan sehingga ia berpegang teguh untuk terus berada di sebalik pihak keimanan tanpa sebarang pilihan daripadanya. Ketika itu dia akan meninggalkan komitmen yang diwajibkan ke atasnya terhadap kebenaran, lalu dia akan binasa, kerana tertanam di dalam hatinya bahawa dia adalah seorang wakil yang diberikan kuasa oleh pihak yang berlawanan dengan pihak keimanan iaitu pihak musuh atau syaitan.

Mungkin was-was yang paling bahaya daripada jenis ini ialah:

Bahawa seseorang merasa was-was terhadap kemungkinan yang boleh berlaku sebenarnya (*al-imkan al-zati*) dan kemungkinan yang boleh berlaku hanya pada fikiran (*al-imkan al-zihni*), iaitu dia menyangka dengan fikirannya dan mengesyaki dengan akalinya sesuatu yang boleh berlaku pada hakikat sebenarnya. Perlu dinyatakan di sini, terdapat satu kaedah ilmu al-kalam (tauhid) dalam ilmu mantiq yang menjelaskan: “Bahawa kemungkinan yang boleh berlaku sebenarnya (*al-imkan al-zati*) tidak menafikan keyakinan ilmu. Oleh itu tiada percanggahan antaranya dengan segala ketetapan akal yang diputuskan secara mudah tanpa memerlukan pemikiran yang mendalam.” Untuk menjelaskan perkara di atas, kami mendatangkan contoh berikut:

Adalah satu perkara yang berkemungkinan bagi seseorang untuk menyelam di dasar Laut Hitam sekarang. Ini adalah suatu yang mungkin boleh berlaku melalui *al-imkan al-zati*. Kita juga hendaklah secara yakin memutuskan bahawa laut yang tersebut itu wujud di tempatnya sekarang. Kita tidak ragu-ragu tentang perkara ini sama sekali. Jadi kemungkinan tempat dan kemungkinan ia berlaku itu tidak melahirkan sebarang keraguan dan syak, bahkan ia langsung tidak mencacatkan keyakinan kita itu sama sekali.

Contoh lain: Adalah satu perkara yang mungkin berlaku iaitu matahari tidak akan tenggelam hari ini atau matahari tidak akan terbit pada esok hari. Tetapi kemungkinan ini tidak mencacatkan keyakinan kita sama sekali dan tidak menyebabkan sebarang keraguan walaupun sekecil zarah sekalipun. Maka demikianlah, berdasarkan kedua-dua contoh

yang telah dinyatakan di atas, segala sangkaan yang mendatangi *al-imkan al-zati* terhadap tenggelamnya kehidupan dunia dan terbitnya akhirat yang merupakan hakikat alam ghaib keimanan tidak akan menyebabkan sebarang kecacatan pada keyakinan kita sama sekali. Oleh itu, terdapat kaedah yang masyhur dalam usuluddin dan usul fiqh yang mengatakan: “Tidak diambil kira kemungkinan yang tidak lahir daripada dalil.”

Jika anda berkata:

Apakah hikmat di sebalik ujian dan cubaan terhadap orang-orang beriman dengan was-was yang mengganggu jiwa dan menyakitkan hati ini?”

Jawapan:

Jika kita berjaya mengeneipkan sikap melampau dan menguasai yang ada pada was-was, maka was-was pada ketika itu akan menjadi pendorong kepada berhati-hati, menyelidiki, bersungguh-sungguh dan serius, dan dalam masa yang sama ia juga akan membuang sifat tidak mengambil perhatian dan terlalu bermudah-mudah. Kerana semua sebab inilah, Allah s.w.t. yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana menjadikan was-was sebagai seutas cemeti yang menggalakkan, yang diberikan kepada tangan syaitan agar menggesa manusia memperoleh hikmat tersebut semasa berada di dalam dunia ujian dan cubaan serta ketika berada di medan perlumbaan. Tetapi apabila syaitan menggunakannya sehingga terlampau memberikan kesakitan kepada kita, maka kita melarikan diri kepada Allah Tuhan yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana

lagi Maha Esa, sambil berteriak: “Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam.”



Penutup Kalimah Keempat Belas

Firman Allah s.w.t. Ali ‘Imran: 185:

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

“Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.”

Ini adalah pengajaran dan tamparan kuat terhadap kepala kelalaian

Wahai jiwaku yang terperosok ke lembah kelalaian!

Wahai jiwaku yang melihat dunia ini manis dan lazat lalu menuntutnya dan melupakan akhirat ...

Adakah engkau tahu, engkau menyerupai apa?

Sesungguhnya engkau menyerupai burung unta.. Burung unta yang ternampak pemburu. Oleh kerana ia tidak dapat melarikan diri daripada pemburu itu, lalu ia membenamkan kepalanya ke dalam pasir dengan membiarkan badannya yang besar itu di luar kerana ia menyangka bahawa si pemburu itu tidak nampak, walhal si pemburu tetap dapat melihatnya. Tetapi ia sahaja yang tidak dapat melihat kerana telah menutup kelopak matanya di dalam pasir tersebut yang menyebabkan ia tidak lagi dapat melihat!

Wahai jiwaku!

Perhati dan renungkanlah perumpamaan ini. Bagaimana pembatasan keseluruhan penglihatan hanya kepada dunia akan menukarkan kelazatan yang manis kepada kesakitan yang pahit!

Bayangkanlah bahawa terdapat di perkampungan ini (Barla⁷) dua orang lelaki. Sembilan puluh sembilan peratus rakan dan teman salah seorang daripada keduanya telah pergi ke Istanbul. Kesemua mereka hidup di sana dalam keadaan kehidupan yang baik dan indah. Hanya masih tinggal seorang sahaja di kampung tersebut yang dia juga sedang bersiap-siap untuk menuruti mereka yang telah pergi. Oleh kerana itu, lelaki yang masih tinggal ini merasa amat rindu kepada Istanbul bahkan senantiasa berfikir-fikir tentangnya dan menanti-nanti waktu yang dia akan bersama rakan-rakannya semula. Jika dia diajak pergi ke Istanbul pada bila-bila masa sahaja, nescaya dia akan pergi dalam keadaan tersenyum gembira.

Manakala lelaki yang seorang lagi, maka sembilan puluh sembilan peratus rakan dan temannya juga telah pergi. Dia menyangka sebahagian daripada rakan dan temannya telah meninggal dunia. Ada di antara rakan dan temannya mendiami tempat yang terpencil. Lalu mereka semua telah meninggal dunia dan berpecah-pecah sebagaimana sangkaannya. Lelaki miskin ini yang mempunyai penyakit kronik berusaha mencari teman dan hiburan meskipun daripada seorang pelancong, sebagai ganti daripada rakan dan temannya. Dia mahu menggantikan kesakitan yang disebabkan oleh perpisahannya.

⁷ Nama tempat – di selatan Turki.

Wahai jiwaku!

Sesungguhnya semua orang yang engkau kasihi, termasuklah Nabi Muhammad s.a.w., mereka sekarang sedang berada di hujung sana perkuburan. Tidak tinggal di sini kecuali hanya seorang dua sahaja lagi yang mereka juga sedang bersiap sedia untuk berpindah pergi ke sana.

Janganlah engkau memalingkan muka engkau kerana mahu melarikan diri daripada kematian dan kerana takutkan kematian. Tetapi hendaklah engkau merenung ke dalam kubur dan lihatlah kepada liangnya dengan penuh kemuliaan dan dengarkanlah apa yang dimintanya. Tersenyumlah kepada wajah kematian dengan penuh kelakian dan pandanglah kepada apa yang dikehendaknya. Awaslah engkau daripada kelalaian lalu engkau menjadi seperti lelaki yang kedua dalam perumpamaan di atas.

Wahai jiwaku!

Sama sekali janganlah engkau berkata bahawa zaman telah bertukar, manusia sudah tenggelam di dalam dunia, terfitnah dengan kehidupannya dan mabuk dengan permasalahan kehidupan sahaja.

Kerana kematian tetap tidak berubah, perpisahan juga tidak akan berkekalan maka ia juga tidak berubah. Kelemahan dan keberhajatan manusia juga tidak berubah bahkan makin bertambah. Perjalanan hidup manusia juga tidak akan terputus, bahkan tetap meneruskan perjalanannya. Demikian juga engkau tidak boleh berkata: “*Aku sama seperti manusia yang lain.*” Ini adalah kerana sesiapa sahaja yang menemani engkau sudah pasti akhirnya ia juga akan pergi ke perkuburan juga ... tidak ke tempat lain.

Jika engkau pergi mencari hiburan sebagaimana dikatakan orang agar orang lain menyertai engkau supaya turut sama menerima musibah, maka ini juga adalah sesuatu yang tidak mempunyai hakikat kebenaran pada alam kubur di sebelah sana dunia!

Janganlah engkau menyangka bahawa jiwa engkau terlepas bebas daripada sebarang ikatan, kerana jika engkau melihat kepada dunia sementara ini dengan pandangan yang penuh bijaksana dan pemerhatian, maka engkau akan dapati bahawa tiada suatu benda pun di dalamnya yang tidak mempunyai peraturan atau matlamat. Maka bagaimanakah mungkin jika engkau tinggal sendirian tanpa peraturan dan matlamat? Hinggakan segala kejadian bencana alam seperti gempa bumi bukanlah permainan yang berada di tangan ‘kebetulan’.

Contohnya: Engkau menyaksikan permukaan bumi ini dihiasi dengan pelbagai jenis perhiasan yang berlapis-lapis, yang terdiri daripada pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang cukup tersusun dan amat indah serta permai. Engkau juga melihat bahawa semua tempat dihiasi bermula daripada hujung kepala hingga ke hujung kaki, amat indah sekali. Engkau juga menyaksikan bumi ini berputar di sekitar satu pusat putaran persis seperti putaran yang dilakukan oleh penganut tariqat Maulawiyah⁸ yang berputar di sekitar satu pusat putaran dalam keadaan penuh kasih sayang (*hubb*) dan rindu (*shawq*), serta dalam keadaan amat teratur dan tersusun

⁸ Ini adalah satu perumpaan halus dengan seorang murid dari tariqah Mawlawiyah yang berputar di sekitar dirinya dan halaqat zikir dengan penuh kemanisan kerana khusyuk dan zikir. Al-Mawlawiyah ialah sebuah tariqat tasauf yang banyak tersebar di Turki. (Penterjemah: Ihsan Qasim al-Salihi)

kerana memenuhi matlamat tertentu.

Dalam masa yang sama, engkau juga melihat bagaimana peristiwa gempa bumi⁹ yang berlaku seperti goncangan bahagian tepi bumi yang melahirkan perasaan tidak puas hatinya terhadap bebanan maknawi yang lahir daripada kerja buat ummat manusia, terutamanya ahli iman di kalangan mereka. Bagaimana mungkin peristiwa yang menyebabkan kehilangan ribuan nyawa itu berlaku tanpa sengaja dan tanpa matlamat, sebagaimana disebar oleh seorang mulhid yang menyangka bahawa ia hanyalah berlaku secara kebetulan. Sebenarnya dia telah melakukan satu kesilapan yang keji dan kezaliman yang nyata! Ini adalah kerana dia telah menjadikan segala harta dan jiwa yang hilang itu hilang dengan sia-sia dan menjadikan mereka berada dalam keadaan kekecewaan yang amat sangat.

Sedangkan kejadian seumpama itu sebenarnya menjadikan harta-harta orang yang beriman tersimpan di dalam khazanah simpanan dan menukarnya dengan perintah Tuhan Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Mengasihani kepada sedekah buat mereka. Ia juga menjadi penghapus dosa yang lahir daripada sikap tidak mensyukuri nikmat yang diperoleh.

Nanti juga akan datang suatu hari di mana bumi yang indah ini bertukar menjadi hodoh kerana hiasannya telah dicemari oleh kesyirikan amalan yang dilakukan oleh manusia dan dikotori oleh kekufuran mereka. Pada ketika itu bumi ini akan membersihkan permukaannya dengan suatu

⁹ Tulisan ini dibuat sempena kejadian gempa bumi yang berlaku di Izmir. (Penulis: Badi'uzzaman Sa'id Nursi)

gegaran dengan perintah Tuhannya Yang Maha Mencipta. Bumi akan membersihkan permukaannya dengan mengosongkannya daripada dihuni oleh ahli syirik lalu memasukkan mereka ke dalam neraka jahannam dengan perintah Tuhannya, dan menyeru ahli kesyukuran:

“Dipersilakan masuk ke dalam syurga.”



Rahsia Ibadat¹⁰

Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَتَّقُونَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ
السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَ
أَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa. Dia lah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).

al-Baqarah, 21-22

¹⁰ Dipetik daripada risalah yang bertajuk “*al-Isyarat al-I’jaz*”.

Mukadimah

Ketahuilah bahawa ibadatlah yang dapat meneguhkan akidah dan menjadikannya sebagai situasi yang boleh berlaku secara semulajadi dan dengan sendirinya. *Ini kerana perkara-perkara yang berbentuk perasaan dan akal jika tidak disuburkan dan dididik oleh ibadat yang merupakan pematuhan kepada segala titah perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya, maka kesan dan pengaruhnya akan menjadi kecil.* Situasi yang dialami oleh Islam¹¹ pada hari ini menjadi buktinya.

Ketahuilah juga bahawa ibadat adalah sebab bagi kebahagiaan di dunia dan akhirat.. Ia juga menyebabkan kehidupan dunia dan akhirat menjadi tersusun. Ia juga menjadi sebab kepada kesempurnaan sama ada yang berbentuk peribadi dan kemasyarakatan. Ia juga adalah hubungan mulia yang tinggi di antara seseorang hamba dengan penciptanya.

Ibadat menjadi sebab kebahagiaan dunia yang merupakan ladang akhirat melalui beberapa bentuk:

Pertamanya: Manusia diciptakan dalam keadaan istimewa dan berbeza dengan keseluruhan makhluk yang lain kerana memiliki perasaan halus yang menakjubkan. Perasaan tersebut menghasilkan kecenderungan untuk melakukan pemilihan, kecenderungan ke arah sesuatu yang paling baik dan kecenderungan kepada perhiasan. Ia juga menyebabkan kecenderungan semulajadi untuk hidup dalam kehidupan

¹¹ Dunia Islam.

sempurna yang selayaknya bagi kemanusiaan.. Kemudian dengan kecenderungan-kecenderungan tersebut dan ketika mahu memenuhi keperluan-keperluannya seperti keperluan kepada makanan, pakaian dan tempat tinggalnya, manusia perlu mendapatkannya dengan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang banyak dengan baik dan teratur, yang tidak mampu dia melakukan kesemuanya secara sendirian. Oleh itu, dia perlu bercampur dengan anggota masyarakat yang lain agar mereka dapat saling bertolong bantu di antara satu sama lain dan dapat saling bertukar-tukar hasil pekerjaan masing-masing. Allah Tuhan Yang Maha Mencipta dan Bijaksana itu tidak membataskan kuasa syahwat, kuasa kemarahan dan kuasa akal manusia dengan batasan semulajadi, kerana mahu menjamin kemajuan mereka berdasarkan sudut ikhtiar yang ada pada mereka. Ini tidak sebagaimana berlaku kepada haiwan-haiwan lain yang dibataskan kemampuan mereka. Akibat daripada keadaan tersebut, berlakulah pelampauan dan perlewatan daripada batasan yang sepatutnya. Kemudian daripada keadaan pelampauan dan perlewatan kuasa manusia akibat daripada ketiadaan pembatasan, lahirlah keperluan masyarakat manusia kepada keadilan ketika mereka saling bertukar hasil pekerjaan masing-masing. Kemudian oleh kerana akal seseorang manusia itu tidak mampu untuk menanggapi keadilan secara sendirian, maka manusia secara kolektif memerlukan kepada akal yang menyeluruh bagi menanggapi keadilan dan dimanfaatkan oleh akal orang awam. Akal menyeluruh itu sebenarnya ialah undang-undang yang sempurna iaitu syariat. Kemudian bagi menjamin bahawa syariat itu dapat memberikan kesannya dan terus dilaksanakan, maka diperlukan seseorang yang menggubal dan menyampaikannya serta menjadi tempat rujukan. Orang

itu tidak lain dan tidak bukan ialah Nabi Muhammad s.a.w. Kemudian bagi mengekalkan keperintahan baginda sama ada secara zahir atau batin, pada akal dan fizikal, maka baginda memerlukan kepada keistimewaan dan ketinggian sama ada dalam bentuk fizikal atau maknawi, sama ada dalam bentuk perjalanan dan gambaran hidup baginda, dan sama ada dari sudut penciptaan fizikal dan akhlak baginda. Baginda juga memerlukan kepada bukti yang menunjukkan kekuatan hubungan antara baginda dengan Raja segala raja, Tuan punya alam ini. Dalilnya ialah segala mukjizat yang baginda miliki.. Kemudian bagi meneguhkan ketaatan kepada segala perintah dan bagi menjamin penjauhan segala larangan, memerlukan kepada keadaan berterusan dalam menggambarkan kebesaran Tuhan yang Maha Mencipta dan empunya kerajaan di dalam hati dan pemikiran, yang hanya boleh berlaku dengan penjelmaan akidah. Kemudian bagi mengekalkan gambaran dan meneguhkan akidah, memerlukan kepada pemberi ingatan yang berulang-ulang dan kerja yang selalu dilakukan. Pemberi ingatan yang berulang-ulang itu tidak lain dan tidak bukan ialah ibadat.

Kedua: Bahawa ibadat bertujuan menghalakan pemikiran kepada Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Bijaksana. Ia juga adalah asas kepada pematuhan. Pematuhan pula bertujuan untuk sampai kepada keadaan tersusun dan keterikatan yang paling sempurna serta pematuhan peraturan bagi merealisasikan rahsia hikmat kebijaksanaan. Hikmat kebijaksanaan itu pula disaksikan oleh kehalusan dan ketelitian penciptaan segala makhluk dan alam maya.

Ketiga: Bahawa manusia sama seperti pohon yang digantung pada puncaknya segala jenis wayar alat perhubungan. Pada kepalanya, tersangkut semua jenis kepala

sistem segala makhluk yang memanjangkan segala undang-undang fitrah kepadanya. Segala sistem Ilahi yang berlaku kepada seluruh makhluk berpusat dan terjelma padanya. Oleh itu, manusia mestilah menyempurnakannya, mengikatnya, mempunyai hubungan dengannya, dan berpegang teguh dengan ikatan-ikatannya agar ia dapat berjalan secara umum selaras dengan perjalanan makhluk-makhluk lain, supaya ia tidak tergelincir, tidak dihalau dan tidak dicampakkan keluar daripada tengah-tengah roda yang sedang bergerak. Tidak lain dan tidak bukan, ia adalah ibadat yang merupakan pematuhan kepada segala perintah dan penjauhan segala larangan.

Keempat: Bahawa dengan pematuhan segala perintah dan penjauhan segala larangan, seseorang manusia akan mempunyai banyak hubungan dengan pelbagai bahagian dan peringkat masyarakat. Dengan itu, seseorang manusia akan menjadi seperti sebuah kumpulan; kerana banyak arahan dan perintah terutamanya yang mempunyai sentuhan dengan syiar dan kepentingan umum adalah seperti tali yang diikat dengannya segala permasalahan dan sistem yang menentukan setiap hak. Jika tidak kerana tali tersebut, nescaya segala syiar dan kepentingan umum itu akan terkoyak dan bertaburan.

Kelima: Bahawa melalui Islam dan ibadat, setiap orang Islam mempunyai ikatan yang kuat dan mantap dengan seluruh ummat Islam yang lain. Ia menjadi sebab kepada *ukhuwwah* persaudaraan teguh dan kasih sayang sejati yang berlandaskan akidah iman dan Islam. Manakala sebab yang melahirkan kesan akidah tersebut dan menjadikannya sebagai tabiat semulajadi ialah ibadat.

Manakala dari sudut kesempurnaan jiwa pula, maka ketahuilah bahawa manusia meskipun mempunyai bentuk

fizikal yang kecil dan lemah serta ia sebenarnya tidak lebih daripada haiwan-haiwan yang lain, namun ia mempunyai ruh yang mahal dan mempunyai kesediaan-kesediaan yang sempurna. Ia menyimpan kecenderungan-kecenderungan yang tidak terbatas dan mempunyai cita-cita yang tidak berpenghujung. Ia juga memiliki pemikiran-pemikiran yang tidak terhad dan menyimpan pelbagai kekuatan yang tidak terhingga. Di samping itu, fitrahnya juga adalah amat menakjubkan seolah-olah ia adalah indeks kepada semua makhluk dan alam maya ini.

- ✿ Maka ibadat adalah sebab kepada keluasan ruhnya dan ketinggian nilainya.
- ✿ Begitu juga, ia adalah sebab kepada pembongkaran kesediaan dan pertumbuhannya bagi menyesuaikan dengan kebahagiaan yang abadi.
- ✿ Ibadat juga menjadi cara atau wasilah untuk menyuci dan membersihkan kecenderungannya.
- ✿ Begitu juga, ia adalah cara atau wasilah bagi merealisasikan cita-citanya dan menjadikannya membuahkan buah-buahan yang segar.
- ✿ Begitu juga, ia adalah perantara bagi mengatur dan mengikat pemikirannya.
- ✿ Ibadat juga adalah sebab bagi membatasi dan mengekang kekuatannya.
- ✿ Ibadat juga adalah penggilap kepada karat tabiat yang kedapatan pada anggota fizikal dan maknawinya, yang sepatutnya setiap satunya menjadi lorong kepada alam khusus jika ia adalah bersih.

- ❁ Begitu juga, ia adalah alat yang menyampaikan manusia kepada kemuliaan yang selayak buatnya dan kesempurnaan yang ditakdirkan baginya.
- ❁ Begitu juga, ia adalah hubungan yang halus lagi tinggi dan sempena yang mulia lagi berharga di antara seseorang hamba dengan Tuhannya yang disembah. Hubungan tersebut merupakan martabat kesempurnaan manusia yang paling tinggi.

Peringatan:

Untuk mendapatkan ikhlas dalam ibadat ialah dengan anda melakukannya kerana ia diperintahkan kepada anda. Jika setiap perintah itu mengandungi hikmat, maka hikmat itu adalah sebab untuk anda mematuhiinya. Namun keikhlasan menuntut agar sebab itulah menjadi perintah yang mesti dilaksanakan. Kerana jika kerana hikmat itulah anda melakukan ibadat, maka ibadat tersebut adalah terbatal. Tetapi jika sebab itu hanya menguatkan perintah, maka ia adalah dibolehkan.

